

PERSATUAN KEBANGSAAN PELAJAR-PELAJAR ISLAM  
MALAYSIA (PKPIM), SATU ANALISA RINGKAS  
TENTANG ORGANISASI DAN IDEOLOGI  
PERGERAKANNYA

Oleh

No. Matrik 031605

Latihan Untuk Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat-Syarat Untuk Ijazah  
Sarjana Muda

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
SESSI 1979/80

## KANDUNGAN

	<u>HALAMAN</u>
SINGKATAN	i
SINOPSIS	vi
PENGHARGAAN	iii
PENDAHULUAN	viii
BAB I            SEJARAH PENUBUHAN PKPIM	1
1.0. Tahap-Tahap Perkembangan PKPIM	5
1.1. Tahap Pertama	6
1.2. Tahap Kedua	8
1.3. Tahap Ketiga	12
1.4. Tahap Keempat	14
BAB II         ORGANISASI	16
1.0. Organisasi PKPIM	18
2.0. Sistem Pentadbiran PKPIM	18
2.1. Jawatankuasa Kerja	19
2.2. Jawatankuasa Tetap	20
2.3. Jawatankuasa Khas	21
3.0. Perubahan Perlembagaan	21
3.1. Kedudukan Badan-Badan Gabungan	22
a) Badan Gabungan	22

b)	Badan Cawangan	22
c)	Badan Bersekutu	23
<b>3.2.</b>	<b>Perubahan Seksyen-Seksyen</b>	<b>23</b>
a)	Seksyen Hal Ehwal Wanita	24
b)	Seksyen Perhubungan	25
c)	Seksyen Kebudayaan dan Sukan	27
<b>4.0.</b>	<b>Kekuatan Organisasi PKPIM</b>	<b>35</b>
<b>4.1.</b>	<b>Pimpinan</b>	<b>38</b>
<b>4.2.</b>	<b>Latihan</b>	<b>41</b>
<b>4.3.</b>	<b>Faktor Ideologi</b>	<b>51</b>
<b>BAB III</b>	<b>IDEOLOGI DAN PERGERAKAN</b>	<b>62</b>
<b>1.0.</b>	<b>Ideologi</b>	<b>62</b>
<b>2.0.</b>	<b>Dasar</b>	<b>65</b>
<b>3.0.</b>	<b>Pergerakan</b>	<b>71</b>
<b>3.1.</b>	<b>Pembentukan ABIM dan Hubungan Dengan MBM</b>	<b>71</b>
<b>3.2.</b>	<b>Gerakan Kempen Kesedaran</b>	<b>81</b>
<b>3.3.</b>	<b>Hubungan Luar</b>	<b>87</b>
<b>3.3.1</b>	<b>Hubungan Dengan PEMIAT</b>	<b>96</b>
<b>3.3.2</b>	<b>Hubungan Dengan IIFSO</b>	<b>97</b>
a)	First Line of Action	99
b)	Second Line of Action	100
c)	Third Line of Action	101
<b>4.0.</b>	<b>Perundingan dan Demonstrasi</b>	<b>101</b>
<b>4.1.</b>	<b>Universiti Islam</b>	<b>102</b>

4.1.1. Konsep Universiti Islam	105
4.2. Filem Lucah	109
4.3. Politik	111
4.3.1. Peristiwa 14 Jun 1971	111
4.3.2. Peristiwa 3 Disember 1974	113
 PENUTUP	 125
LAMPIRAN A - Soalan Kaji-selidik	133
LAMPIRAN B - Senarai Nama Badan-Badan Gabungan PKPIM	136
LAMPIRAN C - Senarai Nama Jawatankuasa Kerja PKPIM	138

SINGKATAN

PKPIM	-	Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia
PKPM	-	Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Malaysia
PMIUM	-	Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya
PKPIPTM	-	Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Persekutuan Tanah Melayu
PMUKM	-	Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia
KSITM	-	Kesatuan Siswa-Siswi Islam Institiut Teknologi Mara
PBMUM	-	Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya
PMUM	-	Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya
PMIUS	-	Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Singapura (USMS)
USMS	-	University Singapore of Muslim Student Society (PMIUS)
HMI	-	Himpunan Mahasiswa Islam Indonesia
GPMS	-	Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung
KPIJ	-	Kesatuan Pelajar-Pelajar Islam Johor
GPAT	-	Gabungan Pelajar Agama Terengganu
PPMPT	-	Persatuan Pelajar-Pelajar Maktab Perguruan Teknik (K.L)
ABIM	-	Angkatan Belia Islam Malaysia
MBM	-	Majlis Belia Malaysia
MBS	-	Majlis Belia Selangor
CYMA	-	Christian Youth of Malaysia's Association
MISG	-	Malaysian Islamic Study Group
MSA	-	Muslim Student Association of United States and Canada
IIFSO	-	International Islamic Federation of Student Organization
PAS	-	Parti Islam Se Malaysia

- YDIM - Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia  
AFMSA - Australian Federation of Muslim Student Association.

### "Bersihkan, perbaiki, maklum"

"Bersihkan, perbaiki, maklum" merupakan slogan yang diperkenalkan oleh Aliyah ke atas media awam dan pelajar-pelajar di Universiti Malaya pada tahun 1971. Slogan ini mengajak seluruh umat Islam di seluruh dunia untuk bersatu dalam menuntut kesejahteraan dan kemakmuran bagi bangsa Melayu dan bangsa-bangsa lain yang berada di bawah kerajaan British. Slogan ini juga membawa maksud bahawa kita perlu bersama-sama memperbaiki diri dan bertindak untuk menghadapi masa depan.

Bersihkan, perbaiki, maklum merupakan slogan yang dikenali sebagai slogan Aliyah. Slogan ini dapat juga dilihat sebagai slogan akhir kali dalam sejarah gerakan nasional Melayu.

Slogan ini merupakan slogan yang penting dalam sejarah gerakan nasional Melayu. Ia membawa maksud bahawa kita perlu bersatu dalam menuntut kesejahteraan dan kemakmuran bagi bangsa Melayu dan bangsa-bangsa lain yang berada di bawah kerajaan British. Slogan ini juga membawa maksud bahawa kita perlu bersama-sama memperbaiki diri dan bertindak untuk menghadapi masa depan.

Pada hari Sabtu, 20 Disember 1971, pada jam 10 pagi, Aliyah bersama dengan beberapa ahli politik dan ahli akademik dari pelbagai universiti dan institusi pengajian tinggi di seluruh negara bersama-sama mengadakan perarakan bersihkan, perbaiki, maklum di depan Istana Negara. Para ahli politik dan pelajar-pelajar seperti Dr. Lim Kit Siang, Dr. Mahathir Mohamad, Dr. Dato' Seri Dr. S. Dhanabalan, Dr. G. Venkateswaran, Dr. Tunku Abdul Rahman dan Dr. S. Raja Petra Kamarudin turut menghadiri perarakan bersihkan, perbaiki, maklum. Para ahli politik dan pelajar-pelajar turut menghadiri perarakan bersihkan, perbaiki, maklum.

## PENGHARGAAN

Bismillahi rrahmaani rrahiim.\*

Segala puji dan puja adalah hanya untuk Allah Rabbul 'Alamin, serta selawat dan salam untuk Junjungan Nabi Besar, Mohammad s.a.w. Semoga petunjuk dan hidayatNya akan terus bersinar di dalam jiwa hambaNya yang lemah ini. Serta doa, "mudah-mudahan Allah meredahkan perhambaannya di dunia ini".

Syukur, Alhamdulillah, kerana dengan limpah dan kurnianya, kajian ini dapat juga disiapkan walaupun di dalam keadaan yang amat terdesak sekali.

Di sini penulis ingin merakamkan penghargaan serta terima kasih yang tidak terhingga kepada individu-individu dan pihak-pihak yang telah terlibat baik secara langsung atau tidak langsung, di atas sumbangan mereka kepada penulis di dalam usaha penulis menyiapkan kajian dan tulisan ini.

Pertama terima kasih ditujukan kepada Encik Mohd Nor Hj. Nawawi, selaku Penyelia kepada kajian ini, kerana telah tidak jemu-jemu memberi bimbingan teguran serta nasihat yang berguna di sepanjang kajian ini dijalankan. Tanpa bimbingan dan penyeliaan seperti itu kajian ini tidak akan berjalan ke arah pencapaian maksud yang dikehendaki itu.

Keduanya terima kasih ditujukan kepada Syed Abu Bakar b.

Syed Abdul Kadir ("orang lama" PKPIM dan sekarang ini sebagai Setiausaha Tadbir PKPIM), kerana beliaulah orang yang paling banyak memberikan pertolongan baik di dalam bentuk keterangan-keterangan atau di dalam bentuk penyediaan bahan-bahan bertulis yang begitu penting bagi kandungan kajian ini.

Seterusnya terima kasih diucapkan kepada individu-individu yang telah banyak memberikan kerjasama kepada penulis, terutama semasa sessi temubual diadakan dengan mereka. Dan untuk itu rasanya betepatan sekali nama-nama mereka dicatitkan di bawah ini sebagai satu penghargaan yang tidak ternilai dari penulis. Mereka yang budiman itu ialah,

Kamaruddin Mohd Nor, Ramli Ibrahim, Abdul Rahman Rukaini, Ab. Ghani Ishak, Us. Kamil Majid, Auni Hj. Abdullah, Anwar Ibrahim, Hj. Hanafiah Ahmad, Ismail Daud, Dr. Abdul Hamid Osman, Ahmad Shah Mohd Nor, Mat Ali Mat Daud, Idris Jusi, Jamil Mokmin, W. Hamid W. Teh, Zakaria Hashim, Fuad Hassan, Ismail Basri, Mahmood Mohammad, Zamanhuri Shamsuddin, Ismail Yusoff, Abdul Halim Abdullah dan lain-lain lagi.

Seterusnya terima kasih kepada pihak Pendaftaran Pertubuhan Persekutuan, pihak Perpustakaan Parlimen Malaysia dan Perpustakaan Yayasan Anda Akademik kerana telah memberi peluang kepada penulis menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada di tempat-tempat tersebut.

Akhirnya terima kasih juga diucapkan kepada pihak-pihak yang tidak disebutkan namanya di atas iri, tetapi telah memberikan kerjasama yang amat bermakna kepada penulis.

Semoga kepada pihak-pihak yang dinyatakan dan yang tidak dinyatakan di atas itu akan sentiasa dilimpahi Allah hidayatNya dan diberikan pembalasan yang sewajarnya di atas segala sumbangan yang telah diberikan itu.

**Wassalam.**

Jabatan Sosiologi dan Antropologi,

Universiti Malaya,

Lembah Pantai,

Kuala Lumpur.

26 Disember 1979

7 Safar 1400 H.

## SINOPSIS

Kajian ilmiah ini adalah bertajuk "Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM): Satu Analisa Ringkas Tentang Organisasi dan Ideologi Pergerakannya". Melihat kepada tajuk kajian ini, maka tentunya tulisan ini tidak akan berupa satu penceritaan yang mendatar tentang apa yang telah dijalankan oleh PKPIM. Tetapi lebih daripada penceritaan itu adalah penyusupan di sana sini dengan pan-dangan penulis, dalam bentuk analisa terhadap bidang-bidang yang sempat disentuh, yang mana ukurannya jelas berorintasikan keislaman.

Dalam Bab Pertama, tumpuan adalah diberikan kepada sejarah penubuhan PKPIM dan tahap-tahap yang telah dilalui oleh PKPIM sejak dari penubahannya hingga sekarang ini.

Dalam Bab Kedua, analisa tentang bentuk organisasi PKPIM secara umum dan perubahan perlembagaan organisasi pertubuhan ini, sebagai penyesuaian kepada perubahan masa dan medan kefahaman yang telah berlaku di kalangan para pimpinan PKPIM. Dalam bab ini disentuh juga bagaimana Islam itu merupakan satu faktor kekuatan organisasi PKPIM dan hal ini diperkuuhkan lagi dengan adanya latihan kepimpinan yang dianjurkan dengan tujuan mengujudkan kesedaran berorganisasi dan mengujudkan kesatuan pemikiran di kalangan ahli gerakan.

Dalam Bab Ketiga, penceritaan adalah ditumpukan kepada ideologi pergerakan PKPIM. Dalam bab ini ditunjukkan bagaimana program

PKPIM itu sebenarnya adalah merupakan landasan atau saluran bagi PKPIM menyampaikan perutusannya (iaitu Islam) kepada pelajar-pelajar dan masyarakat bukan pelajar, yang dilakukan samada secara langsung atau tidak secara langsung. Ini adalah sesuai dengan sifat PKPIM itu sendiri yang tidak hanya berupa satu persatuan berbentuk kebajikan atau "pressure group" semata-mata tetapi adalah merupakan satu "movement" yang mempunyai perencanaan yang teliti tentang matlamat yang ingin dicapainya.

Sebagai penutup kepada tulisan ini, disentuh sedikit tentang bagaimana Akta telah melemahkan pergerakan PKPIM baik secara langsung atau tidak langsung. Dan di dalam suasana tekanan Akta begini PKPIM telah cuba mencari jalan penyelesaiannya sehingga ia telah berjaya di dalam beberapa bidang yang tertentu. Di samping itu kemerosotan PKPIM itu adalah juga disebabkan oleh kelemahan organisasi dan pimpinan PKPIM itu sendiri yang mana dapat dibuktikan dengan satu contoh yang dicatitkan di dalam bab penutup ini.

## PENDAHULUAN

### 1. Pengenalan

Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) adalah sebuah persatuan pelajar yang agak yunik kalau dibandingkan dengan persatuan pelajar yang lain yang ada di negara ini. Keyunikan PKPIM ini adalah disebabkan oleh asas penyatuan dan pergerakannya itu dilandaskan kepada satu ideologi yang tertentu, iaitu ISLAM. Lantaran itu penyatuan dan pergerakannya melebihi dari batas-batas kebijakan semata-mata. Penyatuan dan pergerakannya, seperti mana yang dikehendaki oleh tuntutan ideologi yang dipegangnya (iaitu Islam) adalah menjangkau lebih jauh sehingga kepada bidang-bidang yang menyentuh soal-soal nilai, sistem hidup, sistem masyarakat, soal kepercayaan malah apa sahaja yang melibatkan kehidupan seseorang individu dalam sebuah masyarakat.

Matlamat asas PKPIM adalah berjuang menegakkan ideologinya (Islam) di dalam masyarakat pelajar dan bukan pelajar. Dengan lain perkataan perjuangan PKPIM adalah berpusat kepada usaha-usaha untuk menjadikan Islam itu sebagai satu cara hidup yang benar-benar ujud di dalam masyarakat sesuai dengan Islam itu sendiri sebagai "a complete way of life". Tetapi disebabkan PKPIM ini merupakan sebuah organisasi pelajar, maka cara perjuangannya adalah tertakluk kepada "method-methode" yang dibenarkan oleh sebuah organisasi. Kerana itu, apabila kita cuba memperkatakan satu-satu tentang PKPIM maka dengan ayat yang lain samalah juga maknanya kita memperkatakan tentang method-method perjuangan PKPIM

di dalam konteks sebuah organisasi bagi mencapai matlamatnya.

## 2. Tujuan Kajian

Tujuan kajian ilmiah tentang PKPIM ini adalah untuk melihat sejauh mana PKPIM yang dikatakan berjuang atas dasar Islam itu benar-benar bergerak sejajar dengan cita-cita dan tuntutan ideologinya. Juga untuk melihat sejauh manakah PKPIM telah memberikan sumbangannya di dalam melahirkan kesedaran Islam di kalangan pelajar-pelajar yang sejak awal tahun 1970an dahulu, kelihatan semakin meningkat dan menonjol.

Tujuan kajian ini juga adalah untuk mengabdikan pengalaman dan "methode" perjuangan PKPIM, yang dianggap begitu besar, dalam bentuk tulisan, agar dengan itu ianya akan menjadi kebanggaan kepada mereka-mereka yang telah terlibat di dalam pergerakan PKPIM. Di samping itu diharapkan tulisan dan kajian ini akan dapat memberikan maklumat yang berguna kepada generasi yang akan datang terutamanya yang bergerak dan berjuang di dalam wadah yang sama.

## 3. Bidang Kajian

Walaupun bidang kajian ini meliputi jangkamasa sejak dari penubuhannya pada tahun 1961 sehingga pada tahun 1979 ini, tetapi tumpuan yang lebih akan diberikan pada tahap PKPIM sedang mencapai keaktifannya iaitu yang bermula dari tahun 1969 sehingga pada tahun 1975. Hal seperti ini ditekankan adalah disebabkan penulis ingin memaparkan bagaimana PKPIM apabila diberikan peluang yang selayaknya (tanpa sebarang sekatan undang-undang) dapat memainkan peranannya yang

berguna dan berkesan di dalam berbagai-bagai bidang tindakan.

Bidang kajian tentang PKPIM ini tertumpu kepada tiga aspek yang penting iaitu organisasi, ideologi dan pergerakan. Ketiga-tiga aspek ini adalah merupakan aspek yang "fundamental" di dalam PKPIM malah di dalam mana-mana juga persatuan atau pergerakan yang berideologi. Organisasi merupakan landasan, ideologi merupakan tenaga dan idea manakala pergerakan pula merupakan proses penggunaan dan penggembelingan tenaga dan idea tadi di atas satu landasan yang kuat bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan itu.

Walau bagaimanapun tiap-tiap satu aspek itu ada pula mempunyai cabang-cabangnya yang tertentu yang akan turut disentuh mengikut kadar kepentingannya agar penulisan ini akan nantinya berbentuk satu keseluruhan.

#### 4. Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan melalui "methode" temuduga ke atas responden-responden yang terdiri dari bekas-bekas pimpinan PKPIM, terutamanya Yang DiPertua dan Setiausaha PKPIM. Untuk tujuan ini satu set "questionnaire" telah digunakan yang dikira persoalannya dapat merangkumi secara umum ketiga-tiga aspek yang dibincarakan itu.

Walau bagaimanapun satu sumber yang paling penting di dalam kajian ini ialah Lapuran Tahunan PKPIM, kerana di dalam lapuran tahunan itulah telah dicatitkan secara tegas tentang bentuk-bentuk kegiatan yang telah dilakukan dalam masa setahun. Di samping itu buku-buku cenderamata yang dikeluarkan sempena dengan program yang dianjurkan, seperti "Latihan

Angkatan Pendakwah-Pendakwah Islam Malaysia" (LAPPIM) , Gerakan Kempen Kesedaran" (GKK), dan lain-lain lagi, adalah banyak sekali menolong menyediakan butir-butir serta fakta-fakta yang diperlukan.

Selain daripada itu fail-fail PKPIM yang lama yang tersimpan di Ibu Pejabat PKPIM, dokumen-dokumen yang berbentuk memorandum, lapuran tentang satu-satu projek dan juga surat-surat khabar telah banyak memberikan maklumat bagi melengkapkan lagi butir-butir yang terdapat dari unsur-unsur yang lain itu, yang mungkin kurang lengkapnya.

Akhirnya, "methode participant observation" telah digunakan juga di dalam kajian ini di mana penulis sendiri telah turut terlibat di dalam beberapa program yang dianjurkan oleh PKPIM. Projek-projek yang pernah penulis menghadiri ialah LAPPIM, Projek Khidmat Masyarakat dan mesyuarat EXCO PKPIM serta Persidangan Agong Tahunan PKPIM kali yang ke 18, yang diadakan di Fakulti Sains Universiti Kebangsaan pada 21 - 23 September 1979.

##### 5. Masalah Kajian

Masalah kajian timbul disebabkan oleh jangkamasa yang mesti diliputi di dalam kajian ini adalah terlalu lama iaitu sejak dari penubuhannya sehingga sekarang ini. Di dalam masa yang lama itu banyak fakta-fakta yang penting kehilangan atau susah didapati. Di antara masalah yang dihadapi selanjutnya ialah:-

1. Kesukaran untuk menemui bekas-bekas pimpinan yang awal kerana kebanyakannya mereka sudah tidak berada di Kuala Lumpur lagi, kerana

itu amat susah untuk menghubungi mereka. Sebagai contoh W. Ismail b. Wan Ibrahim (Yang Dipertua PKPIM tahun 1966/67) kini sedang berada di London, Shaari Tadin (YDP PKPIM 1963/65) kini sedang berada di Singapura dan begitulah seterusnya Wan Jaafar Abdullah (YDP PKPIM 1962/63), Wan Fauzi Mahmood (YDP PKPIM 1965/66) dan lain-lain lagi. Manakala pimpinan PKPIM yang sempat ditemuduga, mereka sudah tidak dapat memberikan keterangan-keterangan secara yang tepat tentang apa yang berlaku pada masa mereka, disebabkan masa yang lama sudah berlalu.

2. Ibu Pejabat PKPIM juga telah beberapa kali berpindah, jadi di dalam masa perpindahan dan penyusunan semula itu, banyak fail-fail yang lama termasuk bahan-bahan penting telah kehilangan. Dan ekoran dari Peristiwa Demonstrasi 4 Disember 1974 juga menyebabkan fail-fail PKPIM yang tersimpan sejak dari tahun-tahun permulaan sehingga ke tahun 1974 telah dirampas oleh pihak polis di dalam usaha mereka menyapu bersih unsur-unsur yang dianggap boleh membahayakan keselamatan negara. Juga mereka merampas fail-fail dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengannya tersebut, adalah untuk mencari rahsia di sebalik pergerakan pelajar yang begitu aktif sekali pada ketika itu.

3. Penggunaan method "questionnaire" juga mempunyai kelemahan-kelemahan yang tertentu yang akhirnya menimbulkan masalah di dalam penulisan. Walaupun persoalan yang ditimbulkan di dalam "questionnaire" itu mungkin sudah mencakupi keseluruhan aspek yang ingin dibicarakan itu, tetapi keterangan-keterangan yang diberikan oleh mereka itu cuma memberikan gambaran secara umum yang boleh menyebabkan penulisan kajian ini berbentuk umum juga.

4. Masalah terakhir yang dihadapi adalah disebabkan oleh faktor masa. Di samping penulis memandang masa itu suatu yang penting, responden-responden yang sepatutnya ditemuduga itu juga memandang masa itu satu yang penting, apalagi mereka ini kebanyakannya bergiat di dalam gerakan yang sentiasa sibuk setiap masa. Kerana itu, kerap kali "appointment" yang dibuat itu terpaksa dibatalkan kerana pada waktu berkenaan, mereka ada urusan yang "urgent" yang mesti didahulukan.
5. Walau bagaimanapun kebanyakkan responden-responden yang ditemui itu telah memberikan kerjasama mereka yang sepenuhnya mengikut keupayaan yang ada pada mereka.

Berikutnya PDRB ini ditambah dengan pelbagai aktiviti politik pada tahun 1963. Pelbagai aktiviti politik yang dilakukan oleh responden ini termasuklah tiga pelajar dari 5 buah sekolah pelajaran tinggi yang ada pada masa itu, iaitu Universiti Malaya, Sekolah Pelajar Negeri Selangor, Institut Persempaduan Selangor, Sekolah Pelajar Negeri Negeri Sembilan dan Sekolah Pengajian Bahasa, dengan tujuan untuk menggalakkan semula persekitaran-persekitaran pelajar Islam yang ada di kawasan dan menggalakkan aktiviti-aktiviti bagi kepentingan pelajar-pelajar Islam di Persekutuan Tanah Melayu (PTT) yang ada pada masa itu.<sup>2</sup> Se juga berlakunya menjadi sebilangan bungayal pelajar-pelajar Islam PTT sejak itu membuat pertemuongan dengan lain-lain persekitaran pelajar-pelajar Islam di luar negara.

Walau bagaimanapun pada masa itu mungkin ada orang sebagai perintis "Galungan Pelajar-Pelajar Melayu Semasa Jang", tetapi dengan tidak berasa ia dapat membentuk pelajar-pelajar Islam PTT, ketika pertemuan dan

## BAB I

### SEJARAH PENUBUHAN

Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia sebagai sebuah badan induk kepada persatuan pelajar-pelajar Islam di Malaysia ini telah ditubuhkan pada 31.3.1961 bertempat di Asrama Kedua, Universiti Malaya.<sup>1</sup> Pada masa penubuhan itu ianya dikenali sebagai Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Persekutuan Tanah Melayu (PKPIPTM) dan hanya pada 29.9.1965 namanya diubah kepada PKPIM iaitu sebagai penyesuaian kepada nama Malaysia yang telah dibentuk pada tahun 1963.

Penubuhan PKPIM ini sebenarnya telah diusahakan oleh sekumpulan 10 orang pelajar dari 5 buah institusi pengajian tinggi yang ada pada masa itu, iaitu Universiti Malaya, Maktab Teknik Kuala Lumpur, Maktab Pertanian Malaya, Kolej Islam Malaya dan Maktab Perguruan Bahasa, dengan tujuan asalnya untuk menggabungkan semua persatuan-persatuan pelajar Islam yang ada di tanahair dan menjalankan aktiviti-aktiviti bagi kepentingan pelajar-pelajar Islam di Persekutuan Tanah Melayu (PTM) yang ada pada masa itu.<sup>2</sup> Ia juga bertujuan menjadi wakil tunggal pelajar-pelajar Islam PTM apabila membuat perhubungan dengan lain-lain persatuan pelajar-pelajar Islam di luar negeri.

Walaupun pada masa itu sudahpun ada GPMS sebagai persatuan "Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung", tetapi GPMS tidak benar-benar dapat mewakili pelajar-pelajar Islam PTM, kerana pertamanya GPMS

itu ujud di atas dasar Melayu yang tentu tidak semestinya selari dan sesuai dengan kehendak dan proses perhubungan yang dibuat atas dasar Islam dengan persatuan pelajar-pelajar Islam di luar negeri. Keduanya Perlembagaan GPMS itu sendiri membenarkan kalangan bukan pelajar menjadi ahli dan memegang pucuk pimpinan GPMS. Kerana itu GPMS itidak dapat benar-benar memenuhi tujuan "perwakilan pelajar-pelajar Islam" dan berbicara bagi pihak pelajar sepenuhnya apabila berhubung dengan pelajar-pelajar Islam di luar negeri. Demikian juga halnya dengan "Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Malaysia" (PKPM) yang telah ditubuhkan pada 15.3.1958, juga tidak dapat mewakili suara pelajar-pelajar Islam kerana PKPM tidak tegak atas dasar Islam.

Bermulanya kesedaran tentang betapa perlunya setiap persatuan pelajar-pelajar Islam di Malaya ini digabungkan menjadi satu persatuan yang tunggal adalah berekoran dari satu seminar yang diadakan pada 4.9.1960 bertempat di Universiti Malaya atas usaha dan kerjasama pelajar-pelajar Islam dari 5 buah institusi yang tersebut di atas. Seminar itu dipanggil "Seminar Pelajar-Pelajar Islam Se Malaya" yang buat pertama kalinya dianjurkan oleh pelajar-pelajar atas nama Islam. Perwakilannya terdiri dari pelajar-pelajar dari Malaya, Indonesia, Singapura serta para jemputan dari Brunei, Sabah, Sarawak, Filipina dan Ceylon.<sup>3</sup>

Di dalam seminar tersebut banyak perkara-perkara yang ditimbulkan dan di antara resolusi yang diambil ialah, perlunya persatuan pelajar-pelajar Islam PTM mengadakan satu persatuan kebangsaan bagi menyatupadukan pelajar-pelajar Islam di PTM. Turut juga diputuskan di dalam seminar tersebut, ialah perlunya PTM mengadakan satu institusi

pengajian tinggi Islam (yang bertaraf universiti) bagi memenuhi keperluan pengajian Islam yang ada di negara ini. Isu ini kemudiannya menjadi semakin penting bagi PKPIM sebagai sebuah pertubuhan pelajar Islam, kerana penubuhan universiti Islam itu mempunyai hubungan secara langsung dengan dasar keislaman yang dipegang oleh PKPIM itu.

Kembali kepada soal penubuhan PKPIM itu, maka ianya dapat dikatakan sebagai usaha melaksanakan resolusi yang telah diputuskan oleh seminar tersebut. Oleh itu Jawatankuasa Seminar tersebut kemudiannya telah diberi mandat membentuk Jawatankuasa Penaja penubuhan PKPIM ini. Sebagai hasilnya, maka terbentuklah satu Jawatankuasa Perancang penubuhan PKPIM yang mana kebanyakannya terdiri dari J/K Seminar tersebut:-<sup>4</sup>

Sulaiman Hj. Nordin	Pengerusi	Maktab Pertanian Malaya.
Ahmad Johari	Setiausaha	"
W. Jaafar Abdullah	AJK	Universiti Malaya
Mohd Ghazali Hanafiah	"	"
Azizzuddin Meor Hamzah	"	Maktab Teknik Kuala Lumpur
Annuar Hj. Ab. Razak	"	"
Ismail Ibrahim	"	Kolej Islam Malaya
Ahmad Awang	"	"
Ab. Rahman Hj. Taib	"	Maktab Perguruan Bahasa
Zainal Adnan Yang Yahya	"	"

Jawatankuasa Perancang ini kemudiannya telah mengadakan beberapa siri mesyuarat yang bermula pada 2.10.1960 di Asrama Pertama dan Kedua Universiti Malaya bagi membincangkan masalah pembentukan persatuan

dan merangka Perlembagaan PKPIIM. Akhirnya pada 31.3.1961 bertempat di Asrama Kedua Universiti Malaya PKPIPTM telah berjaya ditubuhkan dengan 5 buah badan gabungan dan 3 bulan kemudian iaitu pada 27.6.1961 PKPIPTM telah berjaya didaftarkan.<sup>5</sup>

Penubuhan PKPIPTM ini telah mendapat restu dari GPMS dengan harapan PKPIIM akan dapat memainkan peranannya yang penting di dalam meningkatkan lagi perkembangan ugama Islam di kalangan pelajar-pelajar Malaya. Sokongan ini telah diputuskan di Persidangan Agong Tahunan GPMS ke 13 tahun 1961 yang diadakan di Johor Baharu. Persefahaman ini diperolehi disebabkan ada beberapa orang kuat GPMS turut sama menganggotai Jawatankuasa Perancang penubuhan PKPIPTM yang kemudiannya turut mendokong PKPIIM. Di antaranya ialah:<sup>6</sup>

<u>Nama</u>	<u>Penglibatan Dalam PKPIIM</u>	<u>Penglibatan Dalam GPMS</u>
Sulaiman Hj. Nordian	Pengerusi J/K Penaja PKPIIM dan SUA 1962/62	P.S/U GPMS tahun 1959/60
N. Yusoff Cathee	J/K Seminar, SUA 1962/63	S/U Kebajikan 1960/61
Shaari Tadin	YDP 1963/64/65	S/U Rencam 1964/65
Zainal Adnan Y. Yahya	S/U Tadbir 1963/64	P.S/U 1963/64 dan YDP bagi tahun 1965/66/67

Walau bagaimanapun hubungan baik PKPIIM-GPMS itu hanya ujud di peringkat permulaan sahaja; iaitu sehingga ke pertengahan tahun 60an. Sejak dari tahun-tahun tersebut, kedua-dua persatuan ini tidak dapat lagi sekata dan bersama disebabkan masing-masing mempunyai pandangan yang berbeza atas isu yang kontroversal yang timbul pada waktu itu seperti isu Anti Tengku (1969), Isu Telok Gong (1967) Isu Otonomi Universiti (1971),

Isu Anti Rejem Thanom Kitikachorn (1971) dan lain-lain lagi.

1. Tahap-Tahap Perkembangan PKPIM

Sejak dari penubuhannya pada tahun 1961 sehingga ke masa kini, PKPIM telah melalui beberapa tahap perubahan dan perkembangannya yang tersendiri. Banyak peristiwa yang telah dilalui oleh PKPIM yang mana peristiwa-peristiwa itu sendiri dapat dijadikan dasar penentu perubahan tahap perkembangan PKPIM tersebut.

Terdapat sekurang-kurangnya 2 faktor umum yang telah mempengaruhi perkembangan dan perubahan PKPIM dari satu tahap ke satu tahap yang lain. Dua faktor tersebut ialah faktor luaran dan faktor dalamam yang mempunyai perkaitan yang rapat pula di antara satu sama lain. Faktor dalamam ini adalah berupa sikap, kefahaman, kewibawaan dan kegigihan yang dipunyai oleh para pimpinan yang mendokong PKPIM tersebut. Manakala faktor luaran pula adalah faktor yang berbentuk tekanan dan sekatan undang-undang yang dikenakan ke atas pergerakan PKPIM sehingga mengakibatkan perjalanan PKPIM teralih dari perjalanan yang bebas kepada satu perjalanan yang terhad dan terkongkong. Satu contoh yang paling ketara ialah perlaksanaan Akta Universiti dan Kolej 1975 (pindaan) ke atas persatuan-persatuan pelajar di kampus-kampus telah secara langsung membantutkan keberkesanan pergerakan PKPIM.

Sebenarnya tidak ada satu ukuran yang memuaskan yang dapat dijadikan asas bagi meletakkan PKPIM itu mengikut tahap-tahap yang dimaksudkan itu. Walau bagaimanapun di dalam proses penentuan tahap-tahap perkembangan ini bagi mana-mana juga persatuan atau pergerakan,

kita tidak dapat lari dari mengambil asas "kegiatan" sebagai ukuran bagi meletakkan persatuan itu mengikut tahap-tahapnya. Dan khusus bagi PKPIM, di samping asas kegiatan yang telah diterima sebagai ukuran umum, penulis juga ingin menjadikan corak pergerakan PKPIM sebagai asas tambahan yang tidak kurang juga pentingnya. Hal ini adalah disebabkan PKPIM bukanlah semata-mata sebuah persatuan yang bergerak bagi memenuhi syarat berpersatuan tetapi lebih dari itu PKPIM ada memperjuangkan satu ideologi. Kerana itu kegiatan semata-mata tidak cukup untuk seseorang itu menilai sejauh mana PKPIM bergerak selari dengan ideologi perjuangannya. Maka corak yang dibawa oleh PKPIM itu adalah penentu utama di dalam mengukur samada pergerakan itu telah melencung dari dasarnya atau bergerak sejajar dengan dasar yang ditetapkannya.

Pada keseluruhan perkembangan PKPIM telah melalui 4 tahap yang utama:-

Tahap pertama	1961/62	hingga tahun-tahun	1964/65	
Tahap kedua	1964/65	"	"	1968/69
Tahap ketiga	1968/69	"	"	1974/75
Tahap keempat	1974/75	"	"	1978/79

#### 1.1. Tahap Pertama (1961/62 - 1964/65)

Tahap ini adalah merupakan tahap pertumbuhan. PKPIM pada masa ini hanya terdiri dari 5 buah badan gabungan. Kerana itu pada peringkat ini usaha-usaha adalah ditumpukan kepada memberi penerangan untuk memperkenalkan PKPIM kepada persatuan-persatuan Islam di pusat-pusat pengajian tinggi serta mengajak mereka untuk turut bergabung dengan

PKPIM demi kepentingan kesatuan pelajar-pelajar Islam.

Tetapi usaha-usaha penyatuan seperti ini tidak dapat berjalan dengan lancar disebabkan kebanyakan maktab-maktab yang ada pada masa itu masih lagi belum mempunyai sebarang persatuan Islam. Yang ada cuma persatuan umum yang lazim ujud bagi sesbuah institusi pengajian. Oleh itu usaha-usaha PKPIM di samping memberi penerangan adalah ke arah mendorong serta menolong penubuhan persatuan Islam di pusat-pusat pengajian tinggi tersebut.

Dari segi kegiatan, pada tahap ini PKPIM tidaklah sempat mengadakan projek-projek yang besar disebabkan kekurangan tenaga dan pengalaman dan PKPIM pada masa itu adalah merupakan satu persatuan yang kecil kalau dibandingkan dengan GPMS atau PKFM yang sudah lama "established". Walau bagaimanapun PKPIM sempat juga mengadakan kegiatan-kegiatan yang berhubung dengan kepentingan pelajar-pelajar Islam terutama perkara-perkara yang berhubung dengan soal-soal biasiswa, pelajaran dan lain-lain. Percubaan juga telah diadakan bagi membuat lawatan ke Indonesia pada awal tahun 1964, tetapi disebabkan konfrantasi antara Malaysia dan Indonesia yang berlaku sejak dari tahun 1963 lagi, maka rancangan itu telah tidak dapat dilaksanakan.

Tetapi walaupun di tahap ini PKPIM tidak dapat mengadakan rancangan-rancangan yang besar seperti tahun-tahun yang berikutnya, namun PKPIM telah berjaya meninggalkan satu asas yang kuat; iaitu dari segi kerjasama di antara badan-badan gabungan PKPIM yang ada pada masa itu. PKPIM juga berjaya mendorong maktab-maktab menuhubuhkan

persatuan pelajar-pelajar Islamnya yang mana ini adalah merupakan satu persediaan kepada kerjasama yang lebih rapat pada tahap-tahap yang berikutnya.

**1.2. Tahap Kedua (1964/65 - 1968/69)**

Pada tahap ini kedudukan PKPIM menjadi semakin teguh. Dari segi keahlian, menjelang Persidangan Agong Tahunan 1964/65 keanggotaannya telah bertambah dari 6 buah kepada 11 buah. Persatuan-persatuan yang baru diterima sebagai anggota baru ini termasuklah Persatuan Pelajar-Pelajar Islam Maktab Perguruan Kelantan, Majlis Pelajar-Pelajar Maktab Latihan RIDA, Gabungan Pelajar-Pelajar Agama Terengganu (GPAT), Persatuan Pelajar-Pelajar Islam Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur dan Kesatuan Pelajar-Pelajar Islam Johor (KPIJ).<sup>7</sup>

Dari segi aktivitinya, PKPIM pada tahun 1965 itu telah mula memberikan perhatian kepada aktiviti yang lebih luas yang melibatkan hal-hal kemasyarakatan. Umpamanya pada tahun tersebut, Persatuan Pelajar-Pelajar Islam Maktab Teknik, Kuala Lumpur, iaitu satu daripada badan gabungan PKPIM, telah berjaya mengadakan projek "Minggu Kerja Sukarela" di Daerah Kelang, dengan kerjasama dari pihak Pegawai Daerah Kelang sendiri. Projek ini telah disertai oleh pelajar-pelajar dari badan-badan gabungan yang lain yang ada di sekitar Kuala Lumpur seperti Universiti Malaya, Maktab Perguruan Teknik, Maktab Perguruan Bahasa dan Kolej Islam Malaya. Projek ini telah diadakan di samping bertujuan memberi khidmat kepada orang-orang tempatan Daerah Kelang adalah juga bertujuan memenuhi matlamat PKPIM iaitu "meluaskan tali persaudaraan,

bersatu padu dan bekerjasama dengan persatuan-persatuan yang lain."<sup>8</sup>

Pada tahap ini juga penekanan terhadap Islam telah diberikan tempat yang sewajarnya. Hal ini dapat dilihat dengan berlangsungnya satu persidangan yang dipanggil "Persidangan Guru-Guru dan Pelajar-Pelajar Agama Persekutuan Tanah Melayu" atas anjuran Persatuan Pelajar-Pelajar Kolej Islam Malaya pada tahun 1965. Persidangan ini diadakan dengan tujuan membincangkan masalah yang sedang dihadapi oleh sekolah-sekolah ugama dan mencadangkan agar disamakan sukatan pelajaran di sekolah-sekolah ugama rakyat dengan sekolah-sekolah kerajaan. Dan di antara resolusi-resolusi lain yang diambil di dalam persidangan itu termasuklah mendesak kerajaan agar:-

1. Mengambil alih pentadbiran sekolah ugama.
2. Menyatukan sukatan pelajaran ugama di sekolah-sekolah ugama dan kerajaan
3. Memasukkan mata pelajaran umum kepada sukatan pelajaran ugama
4. Penyusunan semula buku-buku ugama
5. Mengadakan Maktab-Maktab Perguruan Ugama
6. Mengiktiraf Kolej Islam Malaya sebagai sebuah Universiti Kolej.<sup>9</sup>

Walau bagaimanapun pada peringkat ini PKPIM masih lagi belum dapat menonjolkan trend keislaman dalam perjuangannya. Hal ini adalah disebabkan pada tahun-tahun tersebut suasana di Malaysia umumnya dan di kampus khususnya sedang dikuasai oleh semangat nasionalisma. Kesedaran politik tanahair terutamanya yang berhubung dengan isu Bahasa Kebangsaan adalah begitu kuat menjawai para pelajar di kampus.

Oleh itu di dalam suasana seperti ini perjuangan PKPIM telah sedikit sebanyak terdorong sama dengan isu kebangsaan seperti itu, apalagi apabila kebanyakan aktiviti di kampus pada masa itu didominasi oleh persatuan-persatuan PMUM, PBMUM. Selain daripada itu para pimpinan PKPIM itu sendiri adalah merupakan aktivis persatuan yang dianggap terkedepan tadi.

Saudara Ismail Daud misalnya, yang merupakan Yang Dipertua PKPIM pada tahun 1967/68 adalah juga merupakan Presiden PBMUM bagi tahun 1966/67. Beliau di dalam kegiatannya lebih cenderung untuk memperjuangkan isu yang berhubung dengan politik nasional. Dan berhubung dengan isu ini beliau pernah menganjurkan "Seminar Bahasa Kebangsaan" yang telah berjalan selama tiga hari pada bulan Oktober 1966.<sup>10</sup>

Namun demikian pada period terakhir tahap ini, PKPIM telah mula menampakkan trend keislamannya yang agak jelas. Pada peringkat ini PKPIM telah mengadakan sekurang-kurangnya 3 langkah terbesar yang telah berjaya meninggalkan kesan yang mendalam kepada perjalanan PKPIM pada tahap-tahap yang berikutnya.

Pertama, pada tahun 1966 PKPIM telah berjaya menganjurkan satu kongres yang terbesar yang pernah dianjurkan yang dipanggil "Kongres Kemajuan Islam Se Malaya" bertempat di Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya. Kongres yang telah berjalan selama 4 hari itu telah berjaya mempertemukan lebih daripada 3,000 tokoh-tokoh ugama di negara ini, termasuk para alim ulamak, guru-guru ugama pondok, pegawai-pegawai dari Jabatan Ugama Islam, pensyarah-pensyarah dan juga

pelajar-pelajar bagi membincangkan masalah yang dihadapi berhubung dengan kemajuan umat dan ugama Islam.<sup>11</sup>

Keduanya, pada tahun 1967 (November) "Persatuan Pelajar-Pelajar Islam Asia Tenggara" telah ditubuhkan di atas usaha yang dilakukan oleh PKPIM sendiri. PEMIAT ini adalah merupakan satu persatuan gabungan antara 3 buah persatuan terbesar di Asia Tenggara iaitu "Himpunan Mahasiswa Islam Indonesia" (HMI), "Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Singapura" (PMIUS) dan PKPIM sendiri. Keujudan PEMIAT ini mempunyai erti yang besar kepada PKPIM terutama kalau dilihat dari segi perjuangan PKPIM sebagai sebuah persatuan yang berideologi (huraian lanjut diberikan di dalam bab 3).

Ketiganya, pada tahun 1968 Projek Gerakan Kempen Kesedaran telah dimulakan iaitu semasa Saudara Anwar Ibrahim mula memegang pucuk pimpinan PKPIM. Projek ini kemudiannya telah dijadikan program tetap tahunan PKPIM yang secara langsung pula telah dijadikan sebagai saluran bagi menyampaikan perutusan yang diperjuangkan oleh PKPIM itu kepada masyarakat. Projek ini juga telah dijadikan oleh PKPIM saluran yang berkesan untuk mengorintasikan pelajar-pelajar dengan fahaman Islam dan seterusnya menjadikan mereka itu benar-benar komitted dengan kegiatan penghayatan Islam itu.

Jadi pada keseluruhannya dapatlah dikatakan tahap kedua ini sebagai satu tahap PKPIM membina identitinya; iaitu identiti ke-Islaman yang membuatkan PKPIM itu berbeza dengan lain-lain persatuan yang ada di negara ini.

### 1.3. Tahap Ketiga (1968/69 - 1974/75)

Tahap ketiga ini adalah satu tahap di mana PKPIM telah berjaya melalui satu period yang paling sibuk, aktif serta mencabar kalau dibandingkan dengan tahap-tahap yang terdahulu dan terkemudian darinya. Persatuan-Persatuan Islam yang menjadi badan gabungan PKPIM juga, terutamanya PMIUM, PMUKM, KSITM dan lain-lain lagi telah mula memainkan peranannya yang penting dan seringkali pula menonjolkan diri sebagai hero di dalam beberapa isu baik yang berhubung dengan persoalan di dalam negeri atau luar negeri. Dan isu yang ditimbulkan oleh PKPIM itu sering mendapat reaksi yang kurang menyenangkan dari pihak-pihak yang berkenaan. Di antara isu-isu tersebut ialah isu anti dasar penekanan terhadap orang-orang Islam di Selatan Thailand oleh regim Thanom Kitikachorn (1971), Isu Akta Universiti (1971), Isu anti Tengku (1969), Isu Universiti Islam (1971), Isu penglibatan Amerika di dalam perang Asia Barat (1973), Isu pembalakan Bangi (1971), Isu kelaparan di Daerah Selang (1974) dan lain-lain lagi.

Dari segi trend pula, PKPIM pada tahap ini sudahpun menampakkan keIslamannya yang ketara di dalam kegiatan-kegiatan mereka. Malah dapat dikatakan kerenggangan hubungan PKPIM dengan GPMS pada period ini adalah berpunca dari sikap PKPIM yang terlampaui terikat dan berpegang teguh kepada dasar keIslamahan ini. Dan lantaran sikap PKPIM yang sedemikian itu juga, PKPIM seringkali pula dianggap sebagai golongan yang anti-establishment. Pada hal bagi PKPIM, segala penentangan yang dikemukakan itu bukannya semata-mata untuk kepentingan menentang, tetapi di sebalik setiap isu yang ditimbulkan itu terdapat

unsur-unsur ketidakadilan, yang mana ketidakadilan itu amat bertentangan dengan ideologi yang dipegang oleh PKPIM.

Pada tahap ini juga pergerakan PKPIM bukan sahaja berbentuk "action oriented" tetapi juga "mission oriented".<sup>12</sup> Dengan perkataan lain PKPIM di dalam merangka programnya telah menekankan soal perutusan yang ingin dikemukakan kepada pihak yang menerima. Di dalam projek Gerakan Kempen Kesedaran misalnya, di samping ianya bertujuan untuk merapatkan lagi pelajar-pelajar dengan masyarakat desa serta memberi pertolongan yang segera kepada mereka, projek ini adalah terutamanya bertujuan menyampaikan fahaman keIslamam yang sebenar kepada penduduk di kampung, yang selama ini dipandang oleh PKPIM, tidak memenuhi kehendak dan tuntutan Islam yang sebenarnya. Di dalam muqaddimah kertas kerja GKKK tahun 1971/72 ada dinyatakan bahawa, "Satu cara dakwah yang realistik dilaksanakan oleh PKPIM ialah melalui Gerakan Kempen Kesedaran".

Peristiwa penubuhan ABIM dan desakan bagi penubuhan Universiti Islam adalah juga merupakan satu gambaran bagaimana PKPIM pada tahap ini telah merangkakan program yang menekankan soal "mission" yang dengan itu juga dapat diletakkan pergerakan PKPIM itu di bawah satu trend tertentu, iaitu keIslamam. Kedua-dua langkah itu diambil adalah dengan tujuan memastikan kelanjutan perjuangan PKPIM bagi menegakkan Islam itu dapat diteruskan walau di dalam bentuk apa dan di platform mana sekalipun.

Jadi pada tahap ini adalah merupakan satu tahap PKPIM berada di kemuncak kejayaan di dalam pergerakannya baik dari segi programnya atau dari segi trend keIslamannya yang dibawanya.

#### 1.4. Tahap Keempat (1974/75 – 1978/79)

Tahap ini dapat dikatakan tahap "zaman gelap PKPIM." Hal ini adalah disebabkan oleh perlaksanaan Akta Universiti dan Universiti Kolej 1975 (pindaan) yang telah dikenakan ke atas persatuan-persatuan di kampus-kampus pada bulan Mei 1975. Kesan dari perlaksanaan Akta ini badan-badan gabungan PKPIM di peringkat kampus yang selama ini menjadi tulang belakang kekuatan PKPIM itu telah terpaksa digugurkan dari menjadi anggota gabungan PKPIM.<sup>13</sup> Perlaksanaan Akta juga telah menyebabkan PKPIM tidak dapat mengumpulkan wang seperti mana yang selalu dilakukan sebelum Akta dulu.<sup>14</sup> Ini semua telah memberi kesan secara langsung di dalam melemahkan lagi organisasi PKPIM yang sudah sedia longgar dari perlaksanaan Akta tersebut.

Walau bagaimanapun pada tahap ini PKPIM tetap juga berjaya menjalankan aktiviti tahunannya seperti GKK dan Latihan Angkatan Pendakwah-Pendakwah Islam Malaysia (LAPPIM) dan pada tahun 1978 satu program tahunan yang baru yang dipanggil "Simposium Pimpinan Pelajar-Pelajar Islam" telah dimulakan dengan tujuan menyelaraskan kegiatan badan-badan gabungan PKPIM di semua peringkat. Dan dengan berlangsungnya program-program seperti itu membuatkan PKPIM berjaya mengekalkan identiti keIslamannya, walaupun pada peringkat ini namanya tidak lagi menonjol seperti sebelum dari perlaksanaan Akta 1975 dulu.

NOTA KAKI

- 1 Laporan Pendaftaran PKPIM dari Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (Fail PKPIM no: 1569)
- 2 Interview Hj. Hanafiah Ahmad YDP PKPIM 1961/62.
- 3 Interview Dr. Ab. Hamid Osman, S/U Kebajikan PKPIM 1961/62.
- 4 Laporan Pendaftaran PKPIM dari Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.
- 5 Ibid.
- 6 Ibid.
- 7 Laporan Tahunan PKPIM 1964/65
- 8 Ibid
- 9 Resolusi "Persidangan Guru-Guru dan Pelajar-Pelajar Ugama Persekutuan Tanah Melayu" dari Fail PKPIM di Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.
- 10 Mohammad Abu Bakar, Mahasiswa Menggugat m.s. 40.
- 11 Interview: Ismail Daud YDP PKPIM 1967/68
- 12 Interview: Auni Hj. Abdullah SUA PKPIM 1972/73
- 13 Akta Universiti dan Kolej 1975 (pindaan) Seksyen Kecil 15 (2):  
"Melarang pelajar-pelajar universiti sebagai satu kumpulan atau badan samada ianya ditubuhkan di bawah satu Perlembagaan Universiti ataupun tidak, daripada bergabung atau bersekutu atau mempunyai sebarang hubungan dengan mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau lain-lain pertubuhan, badan atau kumpulan orang perseorangan yang ditubuhkan di bawah undang-undang ataupun tidak".
- 14 Ibid: Seksyen Kecil 15A (1)  
"Melarang pelajar-pelajar Universiti sebagai orang perseorangan dan juga sebagai suatu badan atau kumpulan daripada memungut wang atau lain-lain harta".

## BAB II

### ORGANISASI

Tiap-tiap pertubuhan mesti mempunyai organisasi yang tertentu dan teratur, yang akan bertindak sebagai landasan bagi menggerakkan segala program pertubuhan itu. Malah dalam mana-mana pertubuhan, ia adalah merupakan satu aspek yang maha penting sehingga segala kejayaan dan kegagalan satu-satu pertubuhan itu sebahagian besarnya bergantung kepada sejauh mana kekuatan dan kelemahan organisasi pertubuhan itu. Hal ini jelas terbukti di mana suatu pertubuhan yang memperjuangkan suatu cita-cita yang baik tetapi tidak mempunyai organisasi yang kuat telah gagal akhirnya. Sebaliknya pula suatu pertubuhan yang tidak mempunyai cita-cita perjuangan yang baik tetapi oleh sebab ia mempunyai satu organisasi yang kuat maka pertubuhan itu berjaya di dalam memperjuangkan cita-citanya.<sup>1</sup>

Organisasi pada dasarnya adalah merujuk kepada suatu bentuk hubungan sosial. M. Blau mengatakan,

"Social organization refers to the ways in which human conduct becomes socially organised, that is, to the observed regularities in the behaviour of people that are due to their physiological and psychological characters as individuals"<sup>2</sup>

Berdasarkan kepada definisi di atas dapatlah kita membuat rumusan awal bahawa di dalam satu-satu organisasi itu terdapat dua unsur

yang terpenting yang mesti ujud bersama dan saling melengkapi di antara satu sama lain. Pertama ialah unsur "physiological" yang dapat dilihat secara mata kasar. Ia merangkumi perkara-perkara seperti struktur perjawatan, bermula dari Yang DiPertua sehingga kepada Jawatankuasa Kecil dengan fungsi-fungsinya yang tertentu. Manakala aspek yang kedua ialah aspek "Psychological" yang tidak dapat dilihat tetapi dapat dimengerti akan keujudannya. Elemen-elemen yang membina aspek "psychological" ini termasuklah ideologi, kepercayaan, penghormatan, pengaruh, sentimen dan lain-lain unsur psikologi.

Seterusnya kalau kita meninjau lebih jauh terhadap dua unsur yang membina organisasi tersebut, dapat kita katakan bahawa organisasi itu sebenarnya adalah satu refleksi dari demensi "psychological", yang selama-lamanya merupakan nadi dan penggerak utama satu-satu organisasi itu. Untuk itu adalah agak menepati dari apa yang dikatakan oleh W. Richard Scott bahawa,

"Social organization is a system of shared beliefs and orientation which serves as standards for human conduct"<sup>3</sup>

Penulis menekankan perkara ini, kerana di dalam konteks PKPIM, kita dapati, setelah ianya melalui tahap-tahap tertentu, organisasi PKPIM itu tidak lagi dapat dikatakan sebagai satu pergerakan "kebijikan" semata-mata. Tetapi lebih dari itu, ia adalah satu pergerakan yang melibatkan soal-soal "beliefs" dan ideologi yang merupakan mesej utama pergerakannya.<sup>4</sup>

## 1. ORGANISASI PKPIM

Seperti yang dikatakan tadi, kekuatan sesebuah organisasi adalah merupakan nadi dan penggerak utama dalam mana-mana pertubuhan. Menyedari akan hakikat ini PKPIM sangat mengambil berat tentang langkah-langkah untuk memperkuatkan organisasinya. Hanya dengan kekuatan organisasi inilah, akan dapat dipastikan segala program yang direncanakan itu dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.

Bagi melihat bagaimana bentuk organisasi PKPIM dari segi strukturnya, maka perlu sekali kita meneliti kepada sistem pentadbirannya. Ini disebabkan sistem pentadbiran adalah merupakan tonggak di mana segala pemikiran, perancangan dan gerakan itu bermula. Juga di atas tonggak inilah terletaknya tanggungjawab di dalam menentukan arah sebenar perjalanan PKPIM.

## 2. SISTEM PENTADBIRAN PKPIM

Sistem pentadbiran PKPIM adalah berbentuk seperti berikut:-

1. Majlis Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam (MKPI)
2. Jawatankuasa Kerja
3. Jawatankuasa Tetap
4. Jawatankuasa Khas<sup>5</sup>

MKPI adalah merupakan majlis penguasa tertinggi PKPIM. Majlis ini terdiri daripada para perwakilan dari tiap-tiap badan gabungan (dan cawangan)<sup>6</sup> PKPIM, di mana tiap-tiap badan gabungan (dan cawangan) adalah diwakili oleh 5 orang wakil yang berhak untuk

mengundi di dalam Persidangan Agong Tahunan (PAT). Tanggungjawab MKPI ialah melantik Jawatankuasa Kerja, Jawatankuasa Tetap dan Jawatankuasa Khas yang secara langsung bertanggungjawab menggerakkan PKPIM itu. Keseluruhan tanggungjawab MKPI ini dapat dirumuskan seperti berikut:-

1. Bertugas membincangkan dasar-dasar am dan membuat rancangan PKPIM.
  2. Mengawal harta dan kewangan PKPIM.
  3. Bertanggungjawab atas segala penerbitan PKPIM.
  4. Memilih dengan cara undi seorang Yang DiPertua, Timbalan Yang DiPertua, Naib Yang DiPertua Antarabangsa, Setiausaha Agong dan seorang Bendahari daripada ahli-ahlinya.
  5. Mengesahkan perlantikan lain-lain Jawatankuasa Kerja yang tertubuh yang dilantik oleh Yang DiPertua dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Kerja Tertinggi yang lain.
  6. Mengesahkan penyata dasar yang diberikan olehnya bagi pihak Jawatankuasa Kerja kepada Yang DiPertua.
  7. Melantik dua orang pemeriksa kira-kira yang diakui untuk memeriksa kira-kira PKPIM.
  8. Melantik seorang penasihat undang-undang.<sup>7</sup>
- 2.1. Jawatankuasa Kerja: Jawatankuasa Kerja pula adalah merupakan badan yang bertanggungjawab secara langsung kepada MKPI dan juga untuk menggerakkan segala rancangan yang telah digariskan. Jawatankuasa Kerja ini adalah terdiri daripada:

1. Yang DiPertua.
2. Timbalan Yang DiPertua.
3. Naib Yang DiPertua Antarabangsa.
4. Naib Yang DiPertua Daerah.
5. Setiausaha Agong.
6. Setiausaha Kewangan.
7. Setiausaha Tadbir.
8. Setiausaha Daerah.
9. Setiausaha Penerbitan.
10. Setiausaha Penerangan.
11. Setiausaha Kebajikan.<sup>8</sup>

Jawatan-jawatan dari yang ke (1) sehingga yang ke (6) adalah dilantik melalui cara undian oleh MKPI. Manakala jawatan setiausaha bagi seksi-seksi adalah dilantik oleh Yang DiPertua dengan dibantu oleh Exco Tertinggi yang lain, kemudian disahkan oleh MKPI.

2.2. Jawatankuasa Tetap: Jawatankuasa Tetap pula adalah terdiri dari 8 buah (mengikut perlembagaan asal) yang dipengerusikan oleh seorang dari Exco Tertinggi PKPIM, manakala ahli-ahli bagi Jawatankuasa Tetap ini adalah dilantik oleh Jawatankuasa Kerja (Exco). Jawatankuasa Tetap ini terdiri daripada:-

- |                           |            |                                    |
|---------------------------|------------|------------------------------------|
| 1. J/K Pelajaran          | - Pengarsi | : Yang DiPertua                    |
| 2. J/K Kebudayaan & Sukan | - "        | : Timbalan Yang DiPertua           |
| 3. J/K Hal Ehwal Luar     | - "        | : Naib Yang DiPertua Antarabangsa. |
| 4. J/K Daerah             | - "        | : Naib Yang DiPertua Daerah        |

5. J/K Pengurus Persidangan - Pengerusi : Setiausaha Agong
6. J/K Kewangan - " : Setiausaha Kewangan
7. J/K Penerbitan - " : Setiausaha Penerbitan
8. J/K Kebajikan - " : Setiausaha Kebajikan.<sup>9</sup>

2.3. Jawatankuasa Khas: Jawatankuasa Khas adalah dilantik oleh MKPI atau oleh Jawatankuasa Kerja apabila ada program-program yang memerlukan jawatankuasa ini. Tetapi biasanya J/K Kerja yang melantik J/K Khas ini.

### 3. PERUBAHAN PERLEMBAGAAN

Struktur pentadbiran yang digariskan di atas adalah merupakan satu struktur yang dirangka pada tahun 1961 lagi, iaitu semasa ianya mula-mula ditubuhkan dulu. Oleh kerana itu, apabila PKPIM telah melalui dan menghadapi perubahan suasana, baik politik atau masyarakat, juga menghadapi berbagai cabaran yang dulunya tidak ujud, maka struktur pentadbiran PKPIM terpaksa diubahsuai dengan kehendak-kehendak semasa bagi melicinkan lagi perjalanan jentera PKPIM.

Kerana itu pada tahun 1967/68 iaitu semasa Ismail Daud memegang jawatan Yang DiPertua (YDP), sedikit perubahan telah dilakukan. Dua portfolio telah dimansuhkan iaitu Yang DiPertua Daerah dan Setiausaha Daerah. Pemansuhan portfolio ini dilakukan kerana memandangkan portfolio itu tidak lagi dapat memainkan peranan yang berkesan, lebih-lebih lagi pada masa itu hubungan luar telah diadakan dengan agak meluas. Hasil dari hubungan luar yang berkesan itu, Persatuan Mahasiswa Islam Asia Tenggara (PEMIAT) telah berjaya dilahirkan, iaitu sebagai ekoran dari

"Konferensi Pelajar-Pelajar Islam Asia Tenggara" yang diadakan di Universiti Malaya pada 14 November 1967 yang dihadiri oleh wakil-wakil dari Indonesia, Malaysia, Singapura dan Brunei.<sup>10</sup>

Manakala pada sessi yang berikutnya, 1968/69, iaitu apabila Anwar Ibrahim mengambil alih pimpinan PKPIM dari Ismail Daud, pindaan perlembagaan telah sekali lagi dibuat. Di antara yang terpenting yang mempunyai hubungan secara langsung dengan struktur pentadbiran PKPIM adalah:-

3.1. Kedudukan Badan-Badan Gabungan:<sup>11</sup>

Sebelum tahun 1968/69 taraf keahlian kepada badan induk PKPIM cuma ujud di peringkat badan gabungan sahaja. Tetapi setelah perubahan perlembagaan dibuat kedudukan keahlian telah digolongkan kepada 3 peringkat:-

a) Badan Gabungan: Iaitu terdiri dari Persatuan Pelajar-Pelajar Islam yang berdaftar di maktab-maktab atau universiti dan institusi pengajian tinggi yang lain. Semasa Persidangan Agong Tahunan, badan pelajar di peringkat ini boleh menghantar 5 orang perwakilan yang berhak mengundi.

b) Badan Cawangan: Iaitu terdiri daripada Persatuan Pelajar-Pelajar Islam atau bekas pelajar-pelajar Islam yang ditubuhkan oleh PKPIM di peringkat negeri. Cawangan juga boleh menghantar 5 orang wakil yang berhak mengundi ke PAT.

c) Badan Bersekutu: Iaitu Persatuan Islam yang mempunyai dasar, tujuan dan pergerakan yang sama dengan PKPIM. Persatuan ini tidak dapat menjadi ahli gabungan dan tidak juga merupakan cawangan PKPIM, sebagai contoh ialah BINA (Angkatan Nahdatul Islam, Sarawak), Persatuan Kebajikan Pelajar-Pelajar Daerah Chenor, Pahang dan Gabungan Pelajar-Pelajar Agama, Terengganu (GPAT). Badan Bersekutu ini boleh menghantar 3 orang wakil ke PAT PKPIM yang berhak bersuara tetapi tidak berhak mengundi.

Penggolongan ahli-ahli persatuan PKPIM kepada 3 peringkat ini telah menambahkan lagi keanggotaan PKPIM. Dan sememangnya tujuan pindaan perlembagaan itu adalah dibuat untuk memberi peluang yang seluas-luasnya kepada badan-badan pelajar-pelajar Islam untuk sama-sama mendokong dan bergerak di dalam PKPIM. Sehingga pada tahun 1968/69 keanggotaan PKPIM telah meningkat kepada 29 buah persatuan termasuk gabungan (18 buah), cawangan (6 buah) dan bersekutu (5 buah), dengan keahliannya seramai lebih kurang 16,000 orang.<sup>12</sup>

### 3.2. Penambahan Seksi-Seksi:<sup>13</sup>

Selain dari memberi taraf baru kepada kedudukan keanggotaan PKPIM, pada tahun itu juga (1968/69), 3 seksi baru telah dibentuk, yang masing-masingnya diketuai oleh seorang setiausaha. Seks-i-seksi itu ialah:-

- a) Seksi Perhubungan - Ketua: Setiausaha Perhubungan
- b) Seksi Kebudayaan & Sukan - Ketua: Setiausaha Kebudayaan & Sukan
- c) Seksi Hal Ehwal Wanita (HEWI) - Ketua: Setiausaha Hal Ehwal Wanita.

a) Seksi Hal Ehwal Wanita:

Pembentukan ketiga-tiga seksi tersebut telah memberikan sumbangan sangat berguna di dalam memperluas dan mempergiatkan lagi aktiviti PKPIM. Peranan wanita, misalnya, semakin mendapat tempat dan bertambah penting di dalam PKPIM. Oleh yang demikian pembentukan satu seksi yang khusus bagi wanita adalah sangat menepati kehendak-kehendak yang semakin bertambah itu. Seksi HEWI ini akan bertanggung-jawab menguruskan hubungan-hubungan yang lebih rapat dengan HEWI di tiap-tiap badan gabungan yang dibentuk kemudian daripada pembentukan HEWI pusat. Ini semua dilakukan dengan kerjasama rapat dari Seksyen Seksyen Perhubungan dan Penerangan. Juga dengan adanya Seksyen HEWI ini, dapatlah PKPIM merangka program yang lebih sesuai dan bermakna untuk dimainkan oleh wanita terutama dalam masa Gerakan Kempen Kesedaran yang telah menjadi program tahunan PKPIM.

Di samping itu seksi ini juga telah mengadakan program-program yang agak terpisah yang berkisar di sekitar peranan wanita di dalam masyarakat. Ini semua dilakukan melalui forum-forum HEWI, seperti yang pernah diadakan pada tahun 1970 yang bertajuk "Wanita Islam Dari Segi Sosial dan Perjuangan". Ahli-ahli penalnya ialah YAB Senator Aishah Ghani, Nik Safiah Hj Abd. Karim dan Sdr. Anwar Ibrahim.<sup>14</sup> Juga seksi ini ada menerbitkan "Suara HEWI", mengadakan peraduan syarahan ugama, kursus kewanitaan, menyertai forum-forum wanita di dalam TV dan lain-lain lagi yang mana kesemuanya ini adalah bertujuan memperluaskan lagi peranan wanita di dalam gerakan serta memberi peluang kepada mereka di dalam memberi falsafah hidup mereka

mengikut dasar-dasar Islam.

b) Seksi Perhubungan:

Seksi Perhubungan pula dibentuk adalah dengan tujuan asas bagi merapatkan lagi hubungan di antara badan-badan gabungan, cawangan serta bersekutu dengan PKPIM pusat. Selain dari itu antara tugas-tugas seksi Perhubungan ini ialah:-

1. Menyelenggarakan perhubungan dengan badan-badan gabungan, cawangan dan badan bersekutu.
2. Menyediakan rancangan-rancangan untuk badan-badan gabungan dan cawangan bagi pihak PKPIM yang dipersetujui oleh badan atau pertubuhan itu.
3. Menolong badan-badan gabungan dan cawangan di dalam aktiviti-aktiviti mereka.
4. Menjadi jurucakap dan pegawai perhubungan bagi badan-badan gabungan dan cawangan di dalam J/K Kerja PKPIM.<sup>15</sup>

Tugas yang dijalankan oleh seksi ini, tidak dinafikan amat penting sekali di dalam memperkuatkan lagi organisasi PKPIM. Dengan cara ini badan-badan gabungan dan cawangan yang jauh dari seluruh tanahair dapat mengikuti perkembangan-perkembangan terakhir yang berlaku di PKPIM pusat. Di samping itu dengan adanya seksi ini, penyelaras program di antara PKPIM pusat dengan badan-badan gabungan serta cawangan dapat diujudkan, baik program yang berupa program tetap, yang memerlukan penerusan dan peningkatan seperti LAPPIM atau program yang timbul akibat dari perkembangan semasa. Sebagai

contoh ialah Peristiwa Tindakan Mogok oleh pelajar Sekolah Arab Mahmud, Kedah pada tahun 1972 dahulu.<sup>16</sup>

Contoh keberkesanan tindakan PKPIM menyelesaikan peristiwa tindakan mogok oleh pelajar-pelajar Sekolah Arab Mahmud itu menggambarkan bagaimana perhubungan yang rapat di kalangan anggota gabungan PKPIM itu boleh menjayakan satu-satu tindakan. Peristiwa mogok Sekolah Arab Mahmud, Kedah itu berlaku akibat dari kenaikan yuran sekolah dari \$3/- kepada \$16/-. Tindakan sekolah menaikkan yuran ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pelajar-pelajar. Tetapi rayuan pelajar-pelajar sekolah itu tidak mendapat simpati baik dari majlis sekolah atau pihak guru-guru sekolah itu. Lantas mereka mengambil tindakan mogok.

Melihat serta menilai peristiwa yang boleh mendatangkan keburukan kepada pelajar-pelajar sekolah tersebut, PKPIM sebagai sebuah badan yang mengambil berat tentang kebijakan pelajar-pelajar cuba campur tangan dalam hal tersebut, dengan menghantar satu rombongan untuk berjumpa dengan pihak yang berkenaan. Rombongan ini diketuai oleh Sdr Ramli Ibrahim sendiri (YDP PKPIM 1972/73), tetapi malangnya pihak yang berkenaan enggan bertemu dengan pihak PKPIM tersebut. Pihak-pihak yang cuba ditemui ialah Menteri Besar Kedah, Pengurus Sekolah Arab Mahmud dan Pengetua Sekolah Arab Mahmud. Maka dari sikap tidak mahu kerjasama yang ditunjukkan oleh pihak-pihak berkenaan, PKPIM, sekembalinya ke Ibu Pejabat telah menghubungi kesemua badan-badan gabungan dan cawangan PKPIM agar menghantar taligram kepada pihak sekolah dan kerajaan negeri Kedah mendesak supaya menyelesaikan

masalah pelajar-pelajar sekolah itu dengan segera dan adil. Sebagai amaran kepada pihak yang berkenaan, PKPIM mengatakan bahawa ia tidak ragu-ragu untuk mengadakan satu demonstrasi secara besar-besaran di Kuala Lumpur sebagai membantah sikap pihak kerajaan negeri yang membiarkan keadaan yang merugikan pelajar tersebut, kecuali tindakan yang membina segera diambil. PKPIM juga memberi amaran bahawa demonstrasi yang akan dirancangkan itu juga akan mendedahkan sikap cuai dan zalim kerajaan negeri Kedah yang mana dengan ini akan menjatuhkan nama baik Menteri Besar dan Kerajaan negeri Kedah sendiri.

Akibat dari tindakan PKPIM yang meminta setiap badan gabungan dan cawangannya menghantar taligram itu berserta dengan ugutan-ugutan demonstrasi yang mampu mereka laksanakan itu, masalah pelajar-pelajar Sekolah Mahmud itu telah diselesaikan oleh pihak yang berkenaan dengan mengecualikan pelajar-pelajar tersebut dari membayar sebarang yuran sekolah.<sup>17</sup>

c) Seksi Kebudayaan Dan Sukan

Satu lagi seksi yang diadakan pada tahun itu ialah Seksyen Kebudayaan dan Sukan, yang sebelum daripadanya, kegiatan itu hanya dikelolakan oleh satu Jawatankuasa Tetap yang dipengerusikan oleh Timbalan Yang Dipertua. Kerana itu tumpuan ke arah bidang ini tidak dapat diberikan dengan sepenuhnya, kecuali untuk kegiatan-kegiatan biasa yang selalunya dijalankan oleh badan-badan gabungan PKPIM sahaja. Tetapi dengan terbentuknya seksi ini, maka kegiatan yang dulunya dijalankan di peringkat badan gabungan telah dapat dibawa

ke peringkat pusat. Ini juga bermakna PKPIM telah sanggup melibatkan diri di dalam menyatakan sikapnya di dalam aspek kebudayaan dan sukan itu. Walaupun tidak ada kenyataan yang khusus tentang sikap PKPIM terhadap soal-soal kebudayaan dan sukan ini, tetapi secara tersiratnya dapat kita membuat rumusan bahawa dari cara, bentuk dan "content" program PKPIM dalam bidang-bidang ini, ianya adalah merupakan satu manifestasi kepada konsep kebudayaan dan sukan bagi PKPIM.

Dari segi tugas, seksi ini adalah bertanggungjawab untuk melancarkan serta memperhebatkan kegiatan di dalam lapangan kesenian, kebudayaan dan sukan. Juga ia bertanggungjawab untuk mengadakan pertukaran rombongan kebudayaan dan sukan antara persatuan-persatuan pelajar baik di dalam atau di luar negeri dengan harapan kerjasama dan hubungan antara persatuan-persatuan pelajar itu bertambah rapat lagi.<sup>18</sup>

Kemuncak kepada aktiviti seksi ini dapat kita lihat misalnya pada tahun 1971, di mana "Pesta Sukan PKPIM Pertama" telah berjaya diadakan di Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh Persatuan Pelajar-Pelajar Islam Maktab Perguruan Teknik (PPIMPT), iaitu satu daripada badan gabungan PKPIM. Pesta sukan ini telah berjalan selama 3 hari yang bermula dari 15.10.1971 hingga 18.10.1971 dan sebanyak 8 buah badan-badan gabungan di sekitar Kuala Lumpur telah mengambil bahagian.<sup>19</sup> Manakala pada tahun yang berikutnya "Pesta Sukan PKPIM" telah diadakan di Universiti Pertanian Malaysia yang juga merupakan pesta sukan yang terakhir bagi PKPIM.

Dari aspek kebudayaan pula PKPIM telah dua kali menerima rombongan kebudayaan dari Indonesia, iaitu hasil kerjasama rapat PKPIM dengan Himpunan Mahasiswa Islam Indonesia (HMI). Kali pertama PKPIM menerima rombongan itu adalah pada tahun 1970 yang dipanggil "Rombongan Kebudayaan Indonesia" yang terdiri dari penyanyi-penyanyi pop Indonesia yang juga anggota HMI. Beberapa pertunjukan yang berupa nyanyian, tarian serta lawak telah diadakan atas nama "Malam Bingkisan".<sup>20</sup>

Manakala buat kali kedua PKPIM menerima rombongan kebudayaan HMI ini adalah pada bulan Disember 1971 yang dipanggil "Missi Muhibah dan Kesenian HMI". Kedatangan rombongan kebudayaan ini juga adalah hasil kerjasama antara PKPIM dengan HMI. Rombongan itu telah mengadakan pertunjukan kebudayaan di beberapa buah tempat di Malaysia ini atas kelolaan PKPIM. Tempat-tempat itu termasuklah Universiti Kebangsaan Lembah Pantai, Stadium Negara, Kuantan, Parit Raja (Johor), Kluang (Johor), Muar (Johor) dan Seremban (N. Sembilan). Pertunjukan itu dikenali dengan "Malam Amalindo HMI".<sup>21</sup>

Tetapi malangnya pada masa rombongan tersebut membuat lawatannya ke sini, Malaysia sedang berada di dalam suasana musim banjir. Kerana itu kebanyakan dari pertunjukan yang dipentaskan itu tidak mendapat sambutan yang memuaskan, sehingga akibat dari pertunjukan itu PKPIM telah mengalami kerugian yang agak banyak. Dari Penyata kira-kira PKPIM yang dibentangkan di PAT pada tahun 1970/71 itu menunjukkan PKPIM sedang mengalami kerugian sebanyak \$17,000/-, manakala pada tahun 1972/73 kerugian adalah lebih kurang \$30,000/-.<sup>22</sup> Walaupun tidak kesemua hutang-hutang yang sebanyak itu disebabkan oleh rombongan

kebudayaan dari Indonesia itu, tetapi kebanyakan hutang-hutang itu adalah tertumpu kepada Syarikat Penerbangan GARUDA dan hotel-hotel di mana penyanyi-penyanyi pop HMI itu menginap .

Kerugian yang begitu besar yang dialami oleh PKPIM akibat dari menerima rombongan-roombongan dari Indonesia itu, telah menimbulkan kemarahan di kalangan ahli-ahli PKPIM. Pada tahap itu ahli-ahli PKPIM tidak sahaja mempersoalkan faktor-faktor yang menyebabkan PKPIM terpaksa menanggung kerugian yang sedemikian besar tetapi mereka telah melangkah lebih jauh mempersoalkan apakah tindakan mengadakan pertunjukan itu selaras dengan cita-cita Islam dan kebudayaan Melayu. Walau bagaimanapun, pada masa itu kebanyakan ahli-ahli PKPIM serta para pimpinan PKPIM masih lagi belum tegas di dalam hal seperti itu. Malah sebaliknya mereka mengambil sikap, "demi untuk mendapatkan wang," PKPIM perlu mengadakan pertunjukan seperti itu dengan batas-batasnya yang tertentu seperti jangan sampai ianya melintasi batas-batas moral yang seterusnya akan mencemar kebudayaan Melayu serta tatasusila ketimuran yang suci ini.<sup>23</sup>

Hanya selepas tahun 1972 (semasa Ramli Ibrahim sebagai YDP), Seksi ini (Kebudayaan & Sukan) tidak lagi mengadakan program-program yang seperti itu. Hal ini disebabkan program-program seperti itu telah melibatkan risiko yang terlalu tinggi, sehingga PKPIM yang kurang mahir di dalam bidang pengurusan, terpaksa mengalami kerugian yang agak besar.

Walau bagaimanapun seksi ini tidaklah langsung dimansuhkan, cuma peranannya tidaklah lagi begitu menonjol dengan kegiatan-kegiatannya

yang penuh persoalan seperti yang pernah dijalankan sebelumnya. Satu lagi alasan tentang kemerosotan seksi ini, (selain dari disebabkan oleh perkara-perkara yang disebutkan di atas) ialah disebabkan oleh merosotnya hubungan PKPIM dengan HMI di tahun-tahun kemudiannya; iaitu lantaran sikap PKPIM yang memandang HMI lebih sekular.<sup>24</sup> Sehingga akibatnya dari sikap PKPIM yang demikian, ada beberapa orang exco tertinggi PKPIM menghendaki agar PKPIM memutuskan terus hubungan dengan HMI. Tetapi setelah kedua-dua belah pihak mengadakan beberapa perbincangan yang berhubung dengan soal-soal dasar, serta masing-masing diminta menjelaskan sikap masing-masing, maka didapati masih terdapat jalan kompromi dan persamaan yang membolehkan hubungan mereka terus dikeluarkan.<sup>25</sup>

Berhubung dengan soal kebudayaan seperti yang dikatakan di atas, PKPIM nampaknya telah memberikan perhatian yang agak serius pada tahun-tahun kebelakangannya. Perkara ini tidaklah memerlukan jarak kerana bermula pada tahun-tahun 1972 kebanyakannya pendokong-pendokong PKPIM adalah terdiri dari mereka yang menuntut di Fakulti Pengajian Islam, di antaranya termasuklah Ramli Ibrahim, Mohd Nor Hj. Manuti, Mat Ali Mat Daud, Auni Hj. Abdullah, Sidek Fadhil (Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya) dan lain-lain lagi. Latar belakang pengajian mereka ini sudah tentu mempunyai pengaruh yang sangat besar kepada pemikiran dan corak pergerakan PKPIM. Ini dapat dilihat dari apa yang pernah dikatakan oleh Sdr. Ahmad Shah Mohd Nor (S/U PKPIM 1973/74) bahawa:

"Di dalam aspek kebudayaan, penekanan yang diberikan oleh PKPIM kemudiannya adalah berbentuk kebudayaan intelektual yang berhubungan dengan soal-soal pemahaman dan pemikiran yang berpandukan kepada dasar-dasar moral yang tegas dan universal (Islam) dan tidak lagi PKPIM menekankan kebudayaan itu kepada soal-soal bentuk seperti nyanyian, tarian dan lain-lain yang sehubungan dengannya".<sup>26</sup>

Perubahan struktur pentadbiran PKPIM yang berlaku seterusnya ialah pada tahun 1975/76, sebagai akibat langsung dari perlaksanaan Akta Universiti dan Universiti Kolej 1975 (pindaan) yang berkuatkuasa pada bulan Mei 1975. Sejak tarikh itu kesemua badan-badan gabungan PKPIM di peringkat kampus telah terbubar keanggotaannya, yang selama ini menjadi tulang belakang kekuatan PKPIM.

Sebenarnya berhubung dengan soal akta ini, ianya telahpun pernah diperkenalkan oleh pihak kerajaan ke atas persatuan-persatuan pelajar di kampus-kampus, yang dipanggil "Akta Universiti dan Universiti Kolej 1971". Tetapi dengan kekuatan organisasi PKPIM, Akta tersebut telah ditolak secara total oleh PKPIM. Dan walaupun pihak kerajaan tetap melaksanakan akta tersebut ke atas persatuan-persatuan pelajar, tindakan-tindakan PKPIM selepas perlaksanaan Akta 1971 itu tidak sedikitpun menampakkan bahawa PKPIM pada masa itu sedang diikat oleh sebarang Akta. Sebaliknya kegiatan PKPIM selepas perlaksanaan Akta 1971 itu semakin hebat, yang dengan itu juga, telah menolak dakwaan setengah golongan yang mengatakan bahawa selepas perlaksanaan Akta 1971 tersebut pergerakan pelajar akan menempuh zaman yang gelap. Atau mengikut Mohd Abu Bakar disebut sebagai "period of inactivity".<sup>27</sup>

Keputusan pihak kerajaan untuk melaksanakan Akta Universiti dan Universiti Kolej 1975 (pindaan) adalah berakibat dari keberkesanan tindakan PKPIM menggugat pihak pemerintah pada masa itu dengan satu peristiwa demonstrasi terbesar pelajar pada 3 Disember 1974. Demonstrasi pelajar-pelajar berhubung dengan isu kemiskinan di Baling yang diadakan pada 3 Disember 1974 itu adalah merupakan satu demonstrasi yang terbesar pernah dianjurkan oleh PKPIM. Beberapa majalah keluaran luar negeri seperti yang paling terkemuka, "Far Eastern Economic Review", telah membuat fokus yang khusus tentang demonstrasi pelajar-pelajar dan masalah kemiskinan yang sedang berlaku di Malaysia terutamanya di daerah Baling di mana "Hunger Marches" oleh penduduk di sana telah diadakan. Pada keluaran 13 Disember 1974 dan 10 Januari 1975 misalnya, majalah tersebut telah menyatakan satu tinjauan khas tentang Malaysia dengan persoalan kemiskinan yang nampaknya selama ini tenang dan tenteram. Di antara beberapa faktor yang diutarakan oleh majalah tersebut tentang mengapa demonstrasi itu berlaku adalah berkisar di atas kegagalan pihak kerajaan menyelesaikan masalah kemiskinan rakyat:- Majalah itu telah memberikan faktor-faktor seperti berikut:

- "The Baling crisis expressed the inadequacies of the government's strategy of economic development in the rural areas".
- "The imperialist plunder of Malaysia's natural resources and exploitation of her workers and peasants".
- "The government's failure to deal with the corrupt politicians".<sup>28</sup>

Pendedahan seperti ini telah menjasaskan imej kerajaan di kalangan negara-negara luar negeri. Kerana itu kerajaan terpaksa mengambil apa sahaja langkah yang dikira patut bagi menyekat apa sahaja tindakan yang boleh menjatuhkan imej kerajaan. Lantaran itu apabila kerajaan melihat bahawa pihak yang bertanggungjawab di dalam melahirkan keadaan yang seperti itu adalah golongan pelajar-pelajar, maka langkah pertama kerajaan ialah menyekat kegiatannya.

Pemimpin-pemimpin pelajar, belia dan pensyarah selepas peristiwa itu telah ditangkap. Kampus diserang dan dibedil dengan gas pemedih mata sehingga keadaan yang "chaotic" telah berlaku di kampus Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan. Pejabat-pejabat persatuan digelidah dan fail-fail serta dokumen-dokumen dirampas. Kesemua tindakan-tindakan ini dilakukan adalah bertujuan melemah dan memecahkan organisasi PKPIM dengan harapan pelajar-pelajar nantinya akan tunduk kepada arahan pihak kerajaan. Tidak cukup dengan itu, perlombagaan PKPIM telah disemak semula oleh pihak Pendaftar Pertubuhan. Saudara Syed Abu Bakar (S/U PKPIM 1974/75) telah dipanggil oleh pihak Pejabat Pendaftar Pertubuhan untuk memberikan keterangan berkenaan dengan perlombagaan PKPIM.<sup>29</sup>

Terdapat dua kesan penting dari siri tindakan-tindakan itu. Pertama, ialah pengenalan Akta Universiti dan Universiti Kolej 1975 (pindaan) dan keduanya ialah perlombagaan dan pentadbiran PKPIM terpaksa dikembalikan kepada bentuknya yang asal, iaitu semasa ianya mula-mula dibentuk pada tahun 1961. Oleh yang demikian pentadbiran PKPIM sejak penyemakan semula dan seterusnya pengenaan Akta, telah kembali kepada

struktur pentadbiran PKPIM tahun 1961, kerana siri pindaan perlembagaan yang dibuat oleh PKPIM sejak tahun 1967 sehingga pada tahun 1974 tidak pernah disahkan oleh pihak Pendaftaran Pertubuhan.<sup>30</sup>

Akan tetapi, walaupun struktur pentadbiran PKPIM telah berubah dan kembali kepada bentuknya yang asal, adalah jauh dari tepat untuk kita mengatakan bahawa organisasi PKPIM juga sudah kembali sama seperti dulu. Seperti yang ditegaskan di awal-awal tadi bahawa organisasi sesuatu pertubuhan itu adalah terbina dari dua aspek yang utama yang saling melengkapi antara satu sama lain iaitu aspek "physiology" dan aspek "psychology". Dalam hal ini memang aspek "physiology" organisasi PKPIM adalah sama seperti dulu, tetapi dari aspek "psychology"nya ia telah jauh berubah, sedangkan aspek inilah yang paling penting di dalam memberikan identiti kepada mana-mana pertubuhan, khususnya bagi PKPIM yang ada mempunyai ideologi yang tertentu yang mendasari pergerakannya.

#### 4. KEKUATAN ORGANISASI PKPIM

Kekuatan organisasi PKPIM mempunyai hubungan yang rapat dengan komitmen serta kesediaan para pendokong PKPIM untuk menggerakkan PKPIM tanpa sebarang kepentingan diri. Untuk melahirkan kualiti pemimpin seperti ini bukanlah satu perkara yang senang. Lantaran itu PKPIM telah mengadakan langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang tertentu ke arah melahirkan kekuatan organisasi agar ianya dapat berfungsi dengan lebih licin dan berkesan. Di antara langkah-langkah yang pernah dilakukan ialah dengan mengadakan program-program latihan yang khusus untuk memperkuatkan organisasi PKPIM.

Walau bagaimanapun program untuk memperkuatkan organisasi itu tidaklah merupakan satu program yang terpisah dari keseluruhan pergerakan PKPIM, kerana bagi PKPIM, organisasi dan pergerakan adalah dua elemen yang mesti ujud serentak di dalam satu masa, sama seperti manusia dengan kehidupannya. Organisasi adalah sebagai alat yang terkandung di dalamnya tenaga-tenaga penggerak, sedangkan pergerakan adalah penggunaan tenaga penggerak tersebut di dalam usaha meralisasikan matlamat-matlamat PKPIM itu. Maka persoalan sejauh mana kekuatan sebenar organisasi PKPIM tentunya bergantung kepada sejauh mana PKPIM dapat menggunakan tenaga-tenaga yang ada itu ke arah mencapai matlamat-matlamanya yang sebenar.

Bertolak dari kesedaran yang seperti itu, PKPIM telah memberikan penekanan kepada beberapa perkara tertentu yang juga dapat dikatakan sebagai syarat utama ke arah mengukuhkan organisasi PKPIM itu. Dalam hal ini penulis cuba membahagikan syarat-syarat itu kepada beberapa aspek yang tidak dirancang secara sedar oleh pihak PKPIM, tetapi jelas matlamatnya memang ke situ. Di antara aspek-aspek itu adalah:-

- Pimpinan
- Struktur Pentadbiran
- Ideologi
- Hubungan Luar
- Perancangan
- Percetakan
- Kewangan
- Perlembagaan

Terdahulu tadi telahpun disentuh beberapa perkara yang melibatkan perlembagaan dan pentadbiran PKPIM. Tegasnya PKPIM dalam rangka mengujudkan satu kelincinan dan kelancaran aktiviti-aktivitinya telah beberapa kali mengubah perlembagaannya. Juga bagi menyesuaikan seksi-seksi yang ada agar ianya dapat saling melengkapi di antara satu sama lain. Sebagai contoh seksi Perhubungan yang dibentuk pada tahun 1969 adalah bagi menolong kelincinan perjalanan seksi-seksi lain seperti Penerangan, Kebajikan, Penerbitan dan lain-lain lagi. Di samping itu seperti yang telah diputuskan di dalam PAT, adalah amat perlu sekali PKPIM bertindak sesuai dengan perkembangan semasa yang dikira menonjol pada masa itu. Kerana itu pada tahun 1972 Jawatankuasa Khas Gerakan Kempen Kesedaran, yang dulunya hanya merupakan satu 'ad hoc' telah dinaikkan tarafnya ke peringkat "Seksi" dan setiausaha yang mengetuai seksi itu, diberi hak duduk bersama-sama Exco PKPIM.<sup>31</sup>

Tindakan ini semua dilakukan memandangkan perlunya PKPIM melibatkan diri secara lebih meluas dengan masyarakat luar bandar bagi mengetahui masalah yang mereka hadapi di samping memberi perkhidmatan secara terus kepada masyarakat itu. Perkhidmatan secara terus ini dilakukan melalui program-program penerangan tentang aspek-aspek ekonomi, pelajaran, kesihatan, sosial, ugama, politik, mengadakan kelas-kelas bimbingan, gotong royong dan lain-lain lagi. Dan di dalam masa yang sama, kajian-kajian juga dibuat di atas soal-soal pelajaran, sosial, ekonomi, ugama, kesihatan dan politik yang akan dimuatkan dalam satu lapuran khas. Lapuran ini kemudiannya dihantar kepada pihak-pihak yang

berkenaan, berserta dengan cadangan-cadangan dari pihak PKPIM, tentang bagaimanakah cara-caranya untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat yang dikaji itu.

#### 4.1. PIMPINAN

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa di dalam mana-mana organisasi pemimpin adalah merupakan faktor yang paling penting, kerana mereka lah yang secara langsungnya bertanggungjawab mencorak dan menggerakkan organisasi itu mengikut kehendak dan daya pimpinan yang ada pada mereka. Kalau seorang pemimpin itu korap maka organisasi di bawah pimpinannya itu akan turut menjadi korap. Dan begitulah sebaliknya berlaku. Kerana itu bagi menjamin satu-satu pergerakan itu berjalan dengan teratur, ber-tenaga dan tidak menyeleweng maka para pendokong pergerakan tersebut mestilah mempunyai nilai-nilai dan kualiti-kualiti yang tertentu yang mana dengan nilai-nilai inilah nanti akan melahirkan penghormatan di kalangan pengikut-pengikutnya terhadap pimpinan yang dipegangnya.

Dalam kontek PKPIM, ukuran yang digunakan bagi menilai samada seorang pemimpin itu benar-benar layak memegang pucuk pimpinan PKPIM atau tidak, adalah didasarkan kepada sifat-sifat karismatik, kejujuran, kesungguhan bekerja, keberanian serta nilai-nilai peribadi yang mulia yang ada pada seseorang pemimpin itu. Barangkali dengan melihat sifat-sifat pemimpin seperti ini, nampaknya ia merupakan sifat-sifat yang tak lebih dari sifat-sifat biasa dan "umum" sahaja yang mana sifat-sifat ini sememangnya harus ada bagi setiap pemimpin yang ingin memimpin apa sahaja pergerakan. Walaupun begitu sifat "umum"

bagi pimpinan PKPIM ini tidaklah "seumum" sifat pemimpin bagi pergerakan lain, kerana PKPIM yang bergerak di atas satu dasar ideologi, iaitu Islam, sekurang-kurangnya sifat-sifat "umum"nya itu tidak akan terlepas dari lingkungan yang dibenarkan oleh Islam.

Walau bagaimanapun di dalam aspek kepimpinan ini Islam telahpun meletakkan garis-garis yang tegas bagi dijadikan panduan di dalam menentukan apakah ciri-ciri yang harus ada pada seseorang pemimpin Islam itu. Mawardy seorang pemikir Islam, misalnya di dalam membincangkan soal ini telah menetapkan 7 sifat yang harus ada bagi seorang pemimpin yang telah dirumuskan berdasarkan kepada Al-Quran dan Hadith. Syarat-syarat itu ialah:

- 1) Jujur,
- 2) Dipercayai,
- 3) Mempunyai kebesaran diri (Penghormatan diri),
- 4) Mempunyai hubungan yang baik dengan rakyat,
- 5) Intelligen dan dapat menggenggam kebenaran terhadap sesuatu,
- 6) Mempunyai kemewahan dan kecintaan (kerana kalau tidak mungkin terjatuh menjadi mangsa kejahatan, kerana hidup untuk cinta dan kemewahan menyebabkan keruntuhan dan kelemahan berfikir) dan
- 7) Diplomasi dan pengalaman"<sup>32</sup>

Manakala Ahmad Kamar pula di dalam membicarakan tentang hal ini yang juga mendasari perbincangannya kepada Al-Quran dan Hadith

mengatakan "Al-Quran menetapkan syarat bagi mereka yang menjadi pemimpin. Dari pada 9 surah<sup>33</sup> yang disebutkan itu memperlihatkan betapa pentingnya mutu atau kualiti tersebut wajib diisi oleh penganut Islam ialah unsur TAQWA. Dengan TAQWA akan wujud wibawa dan kekuatan pergerakan."<sup>34</sup>

Di samping itu buku-buku yang ditulis oleh pengarang-pengarang Islam yang terkenal seperti Syed Qutb, Hassan Al-Banna, Abul A'la Maududi, yang menjadi rujukan utama oleh PKPIM, telah banyak mempengaruhi PKPIM di dalam menentukan konsep pimpinan di dalam PKPIM. Buku-buku tersebut telah memberikan penerangan yang terperinci tentang ciri-ciri pemimpin yang harus dibina, yang mana ciri-ciri itu adalah selaras dengan maksud Al-Quran dan Hadith.

Maududi misalnya di dalam menghuraikan perhubungan di antara pemimpin dan organisasi ini, telah menekankan bahawa sifat keluhuruan peribadi sebagai merupakan syarat utama di dalam menjayakan satu-satu pergerakan atau merubah satu-satu keadaan masyarakat itu. Dia mengatakan,

"One who cannot reform his own self can never do anything tangible for the reformation of others".<sup>35</sup>

Maka latihan-latihan yang diadakan oleh PKPIM itu adalah bertujuan untuk melahirkan peribadi-peribadi yang utama seperti yang dikatakan itu, iaitu bagi membentuk peribadi pemimpin itu dengan kualiti-kualiti yang tertentu yang pada dasarnya beriman kepada Allah. Di samping itu latihan itu adalah bertujuan untuk melahirkan semangat berjamaah (berorganisasi) yang mendalam di dalam organisasi itu. Semangat ber-

jamaah ini sangat penting di dalam konteks pergerakan kerana tidak dapat dinafikan bahawa terdapat manusia yang baik dari segi peribadinya sebagai seorang individu tetapi di dalam satu jamaah dan pergerakan dia menjadi kaku, tidak dapat bertoleransi dengan lain-lain pemimpin di dalam jamaah tersebut. Kerana itu salah satu dari tujuan latihan PKPIM ini adalah untuk mengujudkan dan menanam semangat seperti itu, di samping meningkatkan kefahamannya tentang konsep perjuangan itu. Kesemua perkara-perkara ini telah dirancangkan secara sedar oleh PKPIM.

#### 4.2. LATIHAN

Seperti yang dikatakan di atas bahawa hanya satu cara sahaja bagi melahirkan pemimpin yang mempunyai kualiti yang utama pada pandangan PKPIM, iaitu dengan mengadakan latihan kepimpinan. Latihan ini juga adalah merupakan satu persediaan untuk menghadapi masalah yang berlaku di dalam masyarakat, yang pada dasarnya lahir dari sikap penafian terhadap kebenaran ayat-ayat Allah yang kemudiannya dijelmakan di dalam berbagai bentuk tindakan seperti penipuan, kezaliman, rasuah, keruntuhan moral, penyelewengan dan lain-lain yang sehubungan dengannya. Maka bagi menghadapi ini semua perlulah ada pemimpin yang berani, dedicated, beriman, berilmu dan berkewibawaan.

Dari aspek yang lain pula latihan kepimpinan PKPIM ini, mempunyai makna yang lebih jauh dari hanya setakat memenuhi program-programnya atau hanya setakat ingin menampakkan bahawa PKPIM adalah satu pertubuhan yang aktif dan mampu mengadakan berbagai program yang

berlainan dengan persatuan-persatuan yang lain. Tetapi lebih dari itu, latihan PKPIM ini adalah mencerminkan identiti PKPIM itu sendiri, bahawa PKPIM bukan hanya setakat pertubuhan yang bersifat "programme oriented" semata-mata, tetapi lebih penting dari itu ianya bersifat "mission oriented".<sup>36</sup> Dengan kata lain PKPIM ada mempunyai perutusan yang ingin disampaikan kepada masyarakat pelajar dan masyarakat luar pelajar, iaitu melalui programnya yang diatur rapi, untuk menegakkan Risalah Allah.

Sifat PKPIM yang seperti ini juga telah menolak beberapa rumusan yang dibuat oleh sarjana-sarjana Barat yang mengatakan bahawa pergerakan pelajar tidak mempunyai sebarang program yang tetap dan teratur lantaran ketiadaan satu ideologi yang mendasari pergerakannya. Kerana itu mengikut mereka segala rancangan dan tindakan pelajar-pelajar adalah hanya merupakan tindakan yang lahir dari sikap ingin melepaskan diri dari menjadi orang yang bertanggungjawab terhadap masalah dan suasana yang ujud di dalam masyarakat yang berlaku pada masa itu. Tetapi bagi PKPIM hal ini adalah berlaku sebaliknya, bahawa segala tindakannya itu adalah lahir dari rasa tanggungjawab yang amat mendalam terhadap persoalan yang timbul yang melibatkan masalah-masalah umat yang menyeluruh. Ini dapat dilihat dari corak tindakannya dan juga dari ideologinya yang terdapat di dalamnya tuntutan-tuntutan yang tertentu yang mesti dilaksanakan. Seperti yang terdapat di dalam sepotong Hadith Sahih Rasulullah, terdapat tuntutan, bahawa:

"barangsiapa melihat satu kemungkaran dilakukan,  
maka hendaklah dia mencegahnya dengan tangannya,  
jika dia tidak berupaya maka hendaklah dia

mencegahnya dengan lidahnya, dan jika ia masih lagi tidak berupaya berbuat demikian maka hendaklah dia merasa benci di dalam hatinya, dan sesungguhnya itu adalah selemah-lemah iman" - Bukhari Muslim

Berbalik kepada persoalan latihan PKPIM tadi maka ia adalah termasuk di dalam salah satu program tahunan PKPIM. Latihan ini dikenal sebagai "Latihan Angkatan Pendakwah-Pendakwah Islam Malaysia" atau pendekannya "LAPPIM". Pada peringkat permulaan, iaitu semasa ianya mula-mula diperkenalkan pada tahun 1968, ianya dipanggil "Seminar Pimpinan Kebangsaan PKPIM". Nama ini kekal hanya sehingga latihan kali yang ke 4 sahaja.

LAPPIM ini sebenarnya diadakan di dua peringkat iaitu di peringkat zon dan di peringkat pusat. Terdapat 4 zon kesemuanya iaitu:-

1. Zon Utara terdiri daripada negeri-negeri Kedah, Perlis, P. Pinang dan Perak.
2. Zon Tengah " " " " Selangor, N. Sembilan
3. Zon Selatan " " " " Johor, Melaka.
4. Zon Timur " " " " Kelantan, Terengganu, Pahang.

Setiap zon ini akan mengadakan latihan kepimpinannya masing-masing dan kemudiannya akan menghantar peserta-peserta yang dipilih di peringkat zon itu ke peringkat pusat. Mereka-mereka yang dipilih untuk mewakili zon masing-masing itu adalah biasanya terdiri daripada para pimpinan dan bakal pimpinan yang akan memegang pucuk pimpinan

badan-badan gabungan dan juga PKPIM nanti.

Di samping itu ada juga badan-badan gabungan yang mengadakan latihan kepimpinan mereka masing-masing di peringkat badan gabungan. Ini terutamanya diadakan oleh badan-badan gabungan peringkat kampus disebabkan oleh komitmen mereka yang lebih dari badan-badan gabungan yang lain dan juga disebabkan jangka masa mereka berada di universiti adalah relatif lama kalau hendak dibandingkan dengan jangka masa penuntut maktab-maktab . Di Universiti Malaya misalnya latihan itu dikenali dengan nama "Latihan Kepimpinan Islam Universiti Malaya (LAKIUM)" yang diadakan 3 kali setahun. Juga diadakan "Tamrin Lanjutan Islam Universiti Malaya (TALIUM)" yang diadakan sekali setahun ~~iaitu semasa~~ cuti penggal ketiga (cuti panjang). Di UKM ia dikenali sebagai "Kursus Pimpinan PMUKM" yang dimulakan pada tahun 1971 lagi. Di ITM ianya dikenali sebagai LKD atau "Latihan Kader Dakwah" manakala di Institut Sofar pula ianya dikenali sebagai "Latihan Dedikasi dan Kepimpinan". Kesemua latihan-latihan ini adalah mempunyai tujuan yang sama.

Pada peringkat permulaan, latihan-latihan ini tidaklah menyeluruh dalam erti kata ianya hanya menekankan aspek-aspek ilmu dan pemikiran dan ianya lebih berbentuk seminar dengan pembentangan-pembentangan kertas kerja yang tertentu. Penekanan latihan ini, pada masa itu, adalah lebih kepada peranan pelajar-pelajar di dalam proses pembangunan negara. Hal ini mungkin disebabkan pergolakan politik yang berlaku pada masa itu begitu serius sekali, (misalnya terjadinya peristiwa 13 Mei) dan ini telah menarik perhatian menyeluruh dari semua pihak. Dan PKPIM yang juga merupakan salah satu golongan masyarakat

yang sedang menempuh zaman mencabar pada masa itu tidak terlepas dari dipengaruhi oleh perkembangan-perkembangan politik tanahair seperti ini. Malah kadang-kadang tanpa disedari, prinsip perjuangan mereka sendiri seringkali terkeluar dari landasannya, terutamanya semasa melakukan tindakan penentangan seperti demonstrasi disebabkan oleh terlalu terbawa-bawa oleh semangat menentang.

Di dalam Seminar Pimpinan Kebangsaan PKPIM kali kedua yang diadakan di ITM pada tahun 1969, misalnya penekanan terhadap pemikiran seperti yang disebutkan di atas itu begitu jelas sekali terlihat. Satu kertas kerja yang dibentangkan oleh Anwar Ibrahim yang kemudian diaulas oleh Sdr. Ahmadani G. Martha dari Indonesia yang bertajuk "Konsep Perjuangan Pelajar-Pelajar Dalam Konteks Pembangunan Negara"<sup>37</sup> adalah keseluruhannya menyatakan sikap dan falsafah perjuangan pelajar-pelajar di dalam negara yang sedang menempuh berbagai masalah politik, sosial, ekonomi, pelajaran dan lain-lain lagi. Dia mengatakan,

"Perkara yang dititamakan di dalam pergerakan pelajar ini adalah untuk memberi pengertian atau mengisi kemerdekaan yang telah dicapai hasil dari perjuangan yang gigih menentang penjajahan dan imperialisma Barat oleh jenerasi sebelumnya".<sup>38</sup>

Kerana itu mengikutnya lagi pelajar-pelajar mestilah bersedia dan mempersiapkan diri dengan segala keperluannya bagi menghadapi kesemua masalah yang timbul itu, jangan sampai pelajar-pelajar di Malaysia ini terikut-ikut separtimana pelajar-pelajar di negara-negara Barat yang bertindak ganas.

".....seperti pelajar-pelajar Barat yang kebingungan. Kebingungan disebabkan usaha-usaha mereka mencari dan mendramatisikan isu-isu tanpa program kerja yang teratur. Atau kebingungan akibat kehilangan kepercayaan iktiqad sehingga menimbulkan penyakit non-conformist dan anti segala yang berbentuk status quo".<sup>39</sup>

Seterusnya Anwar selaku YDP PKPIM pada masa itu telah menyatakan sikap serta konsep perjuangan PKPIM pada masa itu. Dia mengatakan bahawa,

"Kita perlu menyedari bahawa ketidakseimbangan antara rohani (spiritual) dan jasmani (material); duniawi dan ukhrawi boleh menggagalkan perjuangan kita untuk mencapai ideal-ideal yang murni itu. Ini adalah penting kerana masalah ini semua adalah berhubung rapat dengan nilai-nilai akhlak (ethical values) dan soal-soal pokok umpannya soal-soal kebaikan (hasanah), kemanusiaan (insaniah) dan sebagainya. Dari itu penyatuan tenaga kita haruslah mempunyai pengertian yang lebih dari apa yang didapati oleh pertubuhan-pertubuhan pelajar yang lain dengan kebijakan biasa. Ideal yang kita pegang sekarang ke arah "efficiency" dan keadilan tidak harus merupakan isu penting yang sengaja hendak disesuaikan dengan semangat membara; tetapi mestilah berdasarkan kepada ajaran-ajaran yang haq dan sempurna; membentuk satu keutuhan peribadi sebagai insan-ul-kamil."<sup>40</sup>

Demikian juga dengan Latihan Pimpinan PKPIM ke 3 yang diadakan di Kota Bharu di antara 8 hingga 15 April 1970, telah memberikan penekanan yang sama seperti tahun-tahun yang terdahulu.

Dari segi matlamat, Latihan PKPIM ke 3 ini adalah juga bertujuan untuk meningkatkan lagi mental dan pemikiran para pemimpin dan mahasiswa Islam serta memberi kesedaran tentang latar belakang

masyarakat dan tanggungjawab memperbaiki masyarakat (Melayu) yang masih jauh ketinggalan di dalam serba lapangan samada ekonomi, pelajaran atau kefahaman tentang ugama.<sup>41</sup> Dan untuk tujuan ini, para peserta latihan itu telah dipaparkan dengan data-data serta angka-angka peratusan yang sah yang menunjukkan tingkat penglibatan orang-orang Melayu (Islam) yang begitu rendah di dalam bidang-bidang ekonomi, pelajaran, perkhidmatan. Kertas kerja tentang aspek ini telah dibuat oleh Sdr. Sritua Arief, Pensyarah Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya, atas tajuk "Beberapa Konsep Ekonomi Kesejahteraan Dan Fakta-Faktanya Di Malaysia: Satu Tentangan Terhadap Golongan Bumiputra".<sup>42</sup>

Tak cukup dengan itu, diedarkan pula satu petikan artikel dari buku "The Malay Delima" tulisan Dr. Mahathir dengan tujuan menyemarakkan lagi semangat para peserta untuk terus bergerak dan memperbaiki keadaan masyarakat Melayu (Islam) yang ada pada waktu itu. Manakala ceramah-ceramah biasa yang disampaikan kepada para peserta, adalah berkisar di sekitar masalah-masalah yang dihadapi oleh orang Melayu (Islam) seperti "Masalah Kemunduran Pelajaran Anak-Anak Melayu" yang disampaikan oleh Abdul Razak Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Kelantan, dan "Masalah Yang Dihadapi oleh Masyarakat Islam Di Malaysia" yang telah disampaikan oleh Mohammad Labib, Pengarang DIAN. Para peserta juga diberikan indoktilasi, dengan tujuan membakar semangat mereka, supaya mereka lebih bersikap radikal dan berani di dalam perjuangan mereka apabila mereka keluar dari latihan itu nanti. Indoktilasi ini telah disampaikan sendiri oleh Sdr. Anwar

Ibrahim (YDP PKPIM), Sdr. Ismail Daud (bekas YDP) dan Sdr. Merlizan (bekas Setiausaha PBMUM).

Tetapi di tahun-tahun awal 70an latihan-latihan PKPIM telah berubah corak. Ini disebabkan oleh perubahan pucuk pimpinan PKPIM dan juga perubahan suasana masyarakat pada masa itu. Perubahan bentuk latihan ini dapat dilihat pada aspek-aspek penekanan yang diberikan. Kalau dulu penekanan yang diberikan ialah pada konsep perjuangan pelajar-pelajar di dalam memenuhi cita-cita negara dan menolong membaiki keadaan masyarakat Melayu (Islam), tetapi di tahun-tahun kemudiannya penekanan yang diberikan ialah terhadap pemahaman Islam secara yang menyeluruh. Kerana itu kita dapati di tahap itu, konsep perjuangan PKPIM adalah lebih bersikap menyeluruh sepetimana menyeluruhnya Islam itu sendiri. Soal-soal kekeliruan di antara Islam dan Melayu yang didapati begitu ketara pada masa sebelumnya, tidak lagi diberikan penekanan di tahun-tahun awal 70an. Walaupun begitu soal-soal Melayu tidak dapat tidak, mesti dilibatkan juga di dalam perjuangan PKPIM, kerana secara kebetulan kesemua orang Melayu di Malaysia adalah Islam.

Kejelasan sikap dan konsep perjuangan PKPIM pada tahun-tahun kebelakangan ini dapat kita lihat dari matlamat-matlamat PKPIM mengadakan LAPPIM itu, iaitu:-

1. Mengujudkan golongan pelajar-pelajar yang sedar dan insaf akan tanggungjawab mereka sebagai seorang Islam.
2. Mengujudkan barisan kepimpinan di kalangan pelajar-pelajar.

3. Memupuk semangat perjuangan menegakkan Islam di kalangan pelajar-pelajar Islam.
4. Mendalami soal pergerakan Islam tempatan dan antarabangsa.
5. Menguatkan dan menyusun pergerakan Islam melalui organisasi.
6. Meningkatkan kefahaman tentang Islam dan Keimanan.
7. Meniupkan semangat jihad, amar makruf nahi munkar di kalangan pelajar-pelajar.<sup>43</sup>

Segala tujuan-tujuan yang digariskan di atas telah dapat dijayakan melalui program latihan yang diatur rapi. Bahkan latihan itu bukan sahaja mengandungi program yang berbentuk pengisian ilmu dan kefahaman tentang Islam, tetapi juga mengandungi program yang berbentuk ibadat (rohani) seperti sembahyang berjumaah, puasa, sembahyang sunnat dan usrah yang kesemuanya ini telah diwajibkan dalam latihan itu.

Penekanan aspek rohani ini adalah satu senjata yang amat penting di dalam mana-mana juga latihan. Pergerakan Ikhwan ul-Muslimin Mesir, misalnya seperti yang digariskan di dalam Peraturan dan Arahannya telah meletakkan amalan rohani ini sebagai yang paling utama. Dan di antara dua wasiat di antara "SEPULUH WASIAT" yang menjadi asas panduan pergerakan ini ada dicatitkan:

1. Apabila saudara mendengar azan, bangunlah sembahyang serta merta walau bagaimana keadaan sekalipun.
2. Bacalah Al-Quran, atau tatapilah buku-buku atau amalkanlah zikrillah, dan janganlah sekali-kali saudara membuang masa walau sedikitpun,

kerana perkara-perkara itu tidak berfaedah.<sup>44</sup>

Maka apakala PKPIM telah menjadikan Pergerakan Ikhwan-ul-Mulimin sebagai modelnya, sudah tentu latihan-latihan PKPIM tidak jauh lari dari perancanaan dan penekanan aspek-aspek yang penting yang diberikan oleh Ikhwan itu. Melihat kepada program-program ceramah LAPPIM misalnya kita dapati hampir kesemuanya adalah ditumpukan kepada aspek pemahaman Islam itu sendiri iaitu Islam sebagai "a complete way of life", yang berasaskan kepada kesatuan aqidah terhadap Allah. Tajuk-tajuk ceramah seperti "Filsafat Peribadatan Dalam Islam", "Prinsip Pendidikan Islam", "Konsep Islam dan Matlamatnya"<sup>45</sup> adalah merupakan tajuk-tajuk yang sangat popular di setiap kali ceramah LAPPIM, bahkan ianya dirangka khas dengan tujuan membentuk kefahaman yang mendalam tentang Islam dan wajib pula fahaman itu dicerminkan di dalam hidup sehari-hari.

Jadi apa yang penting dan perlu ditekankan di sini ialah latihan PKPIM ini telah menjadi faktor utama di dalam menguatkan organisasi PKPIM. Latihan itu telah melahirkan pimpinan yang berjiwa ikhlas, berani terhadap perjuangan yang mereka lakukan itu. Di dalam diri mereka tidak timbul "vested interest", seperti mana yang berlaku di dalam persatuan-persatuan lain, khususnya GPMS, dalam mana kebanyakan aktivis GPMS itu biasanya mengharapkan akan mendapat jawatan tinggi di dalam kerajaan apabila mereka tamat pengajian mereka nanti. Kerana itu, semasa mereka bergiat di dalam GPMS mereka berhati-hati benar di dalam menentukan sikap mereka, takut-takut sampai pada tahap penggunaan cara atau isu yang boleh menimbulkan kemarahan pihak kerajaan, sehingga akibat

dari itu mereka tidak akan mendapat jaminan untuk diambil bekerja di dalam kerajaan.

Tetapi sebaliknya pula bagi pergerakan PKPIM bahawa kebanyakan aktivis PKPIM tidak menghadapkan apa-apa ganjaran di dalam apa jua tindakan yang mereka lakukan. Segala tindakan yang mereka lakukan itu merupakan satu tanggungjawab untuk "menegakkan yang makruf dan menentang yang mungkar," kerana kerja-kerja seperti ini adalah merupakan satu tanggungjawab dan juga ibadat (jihad) mengikut Islam, iaitu ideologi yang PKPIM anuti itu. Kerana itu kita dapat semakin kuat seseorang itu berpegang kepada ideologi ini maka semakin ikhlas dan berani dia di dalam perjuangannya. Dan aspek inilah yang sebenarnya memberi sumbangan kepada kekuatan organisasi PKPIM itu.

#### 4.3. FAKTOR IDEOLOGI

Satu faktor yang paling penting yang tidak boleh diketepikan di dalam membincarkan kekuatan organisasi PKPIM ini ialah faktor ideologi yang dipegang oleh PKPIM itu. Khusus tentang ideologi ini, perbincangan akan ditumpukan dalam bab yang akan datang ini. Walau bagaimanapun aspek ideologi di dalam konteks sebuah organisasi, haruslah diberi satu perspektif yang agak berbeza.

Tetapi sebelum seseorang itu faham dan dapat menerima kebenaran bahawa Islam itu boleh memperkuatkan satu-satu organisasi itu, khususnya PKPIM, seseorang itu terlebih dahulu harus faham apakah sebenarnya yang terkandung di dalam ajaran Islam itu. Di dalam hal ini barangkali sedikit perbandingan adalah perlu sekali dibuat, ter-

utama dengan dasar-dasar anutan persatuan lain agar dapat kita melihat dengan jelas bagaimana faktor atau peranan ideologi Islam di dalam memperkuuhkan organisasi PKPIM ini.

Islam pertamanya sangat menekankan kepada penyatuan umatnya bahkan Rasulullah pernah bersabda yang maksudnya "dosa besar selepas menyembah berhala itu ialah dosa memecahkan jamaah". Di dalam Hadith Nabi yang lain pula ada menyebutkan bahawa "Sesungguhnya umat Islam itu diumpamakan seperti satu badan. Kalau sekiranya salah satu dari anggota badan itu merasa sakit, maka keseluruhan badan itu akan turut merasa sakit pula". Dan kepentingan jamaah seperti ini lebih-lebih lagi dipentingkan di dalam satu gerakan Islam atau gerakan yang sekarang ini dipanggil gerakan Dakwah. Gerakan ini mestilah melalui ummah, iaitu jamaah yang dipadukan oleh kesatuan aqidah dan kaedah serta kerapian peta dan rencana. Gerakan kolektif beginilah yang membawa kepada jayanya gerakan Dakwah. Mengikut Sayyid Abul A'la al-Maududi, para dai' (pendakwah) bukan sahaja perlu mempunyai sifat peribadi yang baik tetapi juga perlu mempunyai sifat jamaah yang baik.<sup>46</sup>

Seterusnya kita akan dapat lihat satu gambaran yang lebih jelas apabila kita memahami bagaimana Islam itu bukan hanya satu ajaran yang berbentuk tiori semata-mata, tetapi satu "ugama amalan" yang sesuai dengan fitrah manusia itu sendiri. Dan kemuncak kepada amalan sistem Islam ini adalah iman dan taqwa, kerana iman itu merupakan penerimaan dan penghayatan yang meliputi aqidah dan syariat, doktrin dan method. Iman itu juga adalah pemahaman intelektual, keyakinan spiritual serta komitmen fizikal dan material.

Maka dengan melihat kepada kesemua aspek-aspek yang dikatakan di atas itu (yang masih terlalu sedikit untuk memahami Islam yang sebenarnya), kalau dipadankan pula dengan konsep ibadat di dalam Islam, maka akan terjelma pula satu kesatuan yang padu di kalangan umatnya yang mana kesatuan tersebut merupakan syarat utama di dalam usaha menegakkan syariat Allah ini. Kerana apabila kita membicarakan tentang konsep ibadat di dalam Islam maka ia adalah merupakan pengabdian seseorang hamba yang tidak berbelah bagi terhadap Allah, seperti yang telah difirmankan oleh Allah, bahawa, "Tidak Ku jadikan Jin dan manusia melainkan hanya untuk beribadat kepada Aku."<sup>47</sup> Firman Allah ini telah membawa satu implikasi yang sangat mendalam bahawa keseluruhan tindak tanduk manusia Islam yang beriman itu, semestinya berpusatkan kepada "perlakuan" untuk mengabdikan diri kepada Allah. Kerana itu juga satu-satu tindakan itu tidak dianggap mempunyai nilai di sisi Allah sekiranya tindakan itu akan hanya membawa seseorang itu melencung jauh dari tujuan yang utama tadi. Maka kesimpulannya, kesan dari penghayatan Islam ini, akan lahirlah peribadi-peribadi yang tidak mempunyai kepentingan diri, berani berkorban baik jiwa atau harta yang mana sifat-sifat seperti inilah yang akan melahirkan satu jamaah yang kuat dan padu.

Melihat kepada ciri-ciri seperti yang dikatakan di atas maka kita dapati ciri PKPIM tidak jauh berbeza dari ciri-ciri tersebut sesuai dengan sifat "Islamnya PKPIM" itu yang masih lagi belum sampai ke tahap "Islamnya Islam". Sebagai satu contoh yang jelas ialah tentang kesan dari perlaksanaan Akta Universiti dan Universiti Kolej 1975

(pindaan) yang mula dikuatkuasakan pada bulan Mei 1975 itu. Perlaksanaan Akta tersebut adalah jelas bertujuan untuk menghapuskan kegiatan pelajar terutamanya yang bergerak di atas "platform" PKPIM dan PKPM. Hasrat kerajaan untuk menghapuskan kegiatan pelajar yang bergerak di dalam kedua-dua persatuan ini telah mula timbul berekoran dari Peristiwa 3 Disember 1974 dulu dan lain-lain tindakan yang dianggap boleh mencabar kedudukan kerajaan. (lihat muka surat 33 & 34). Kesemua tindakan pelajar-pelajar tersebut telah dikatakan tidak memberi apa-apa sumbangan yang berfaedah kepada kerajaan selain dari merosakkan negara dan masyarakat. Ini pernah dikatakan sendiri oleh Dr. Mahathir (Menteri Pelajaran pada masa itu) di dalam ucapannya di Parlimen; semasa membentangkan Rang Undang-Undang Akta Universiti 1975 (pindaan).

"...apa yang tidak dapat dinafikan ialah perbuatan mereka membinasakan bangsa dan negara dan menghalang pencapaian kesimbangan antara kaum di dalam negara kita ini".<sup>48</sup>

Kerana itu, mengikutnya lagi,

"Undang-undang tidak perlu apabila masyarakat yang sedar akan tanggungjawab dan mengawal diri tanpa desakan dan paksaan. Tetapi apabila masyarakat atau sebahagian daripada masyarakat tidak mengambil berat tentang tanggungjawab mereka dan tidak mengawal diri mereka, undang-undang mestilah digubal untuk memelihara ketenteraman dan kejayaan masyarakat." "Kita tidak ada masa untuk melayan mereka kerana kita tahu mereka tidakpun berupaya untuk mengatasi masalah diri mereka sendiri tanpa pertolongan dari kita".<sup>49</sup>

Walau bagaimanapun tindakan kerajaan ini, adalah jelas sekali menunjukkan bahawa ianya timbul dari rasa tidak selamat, sehingga

kerajaan begitu sekali tergesa-gesa membentangkan Rang Undang-Undang itu di Parlimen dan cuma memberi masa selama 5 hari (dari 3.4.75 - 8.4.75) kepada ahli-ahli Parlimen untuk memikir, mengkaji, membincang dan meluluskan Rang Undang-Undang tersebut. Dan persoalan mengenai akta ini tidak langsung diberi peluang kepada pihak-pihak yang mempunyai hubungan secara langsung dengan Akta itu agar dapat memberikan pendapat mereka terutama sekali dari pihak universiti, pelajar-pelajar, ibu bapa dan masyarakat umumnya. Dalam hal ini, barangkali ada juga kebenarannya kenyataan yang dibuat oleh Lim Kit Siang semasa membahaskan Rang Undang-Undang Akta tersebut yang mengatakan bahawa "This is a piece of panic legislation raising from panic reaction".<sup>50</sup> Dan ia adalah merupakan suatu tektik yang sengaja diada-adakan untuk mendapatkan kuasa bertindak melalui proses undang-undang, padahal proses mendapatkan kuasa itu sendiri telah terpaksa mengorbankan amalan demokrasi yang sebenarnya di negara ini.

Walau bagaimanapun Rang Undang-Undang tersebut telah pun diluluskan dan sebulan kemudian iaitu pada bulan Mei 1975 Akta itu telah berjaya dilaksanakan. Maka Seksyen 15(2) Akta tersebut telah menyebabkan pada bulan Mei tahun itu, kesemua badan-badan gabungan PKPIM di peringkat kampus di 5 buah universiti telah terpaksa dilucutkan keanggotaannya dari badan induk PKPIM. Manakala bagi PKPM pula, Akta itu adalah merupakan satu hukuman tembak mati, kerana selepas dari perlaksanaan Akta tersebut PKPM terus terkubur dan hilang riwayatnya dari sejarah pergerakan pelajar. Tetapi bagi PKPIM, nampaknya Akta itu hanya baru merupakan satu tahanan buat sementara, manakala

pembicaraan masih lagi berjalan. Kerana itu PKPIM masih lagi hidup walaupun hidupnya itu di dalam keadaan yang tak bermaya sekali.

Di dalam memberi huraian tentang sebab-sebab mengapa PKPIM itu masih lagi dapat bergerak walaupun Akta dikenakan, ada setengah golongan yang mengatakan bahawa faktor yang menghidupkan PKPIM ini ialah kerana PKPIM didokong sama oleh badan-badan pelajar di peringkat Maktab dan negeri yang masih berjumlah sebanyak 26 buah pada masa itu. Kesan dari Akta tersebut hanya melibatkan 5 buah badan gabungan di peringkat kampus sahaja iaitu PMIUM, PMIUPM, PMIUSM, PMIUTM dan PMUKM, yang terpaksa melucutkan keanggotaannya.

Tetapi, kalau itulah sahaja satu-satunya alasan untuk mengatakan PKPIM tetap hidup walaupun Akta dikenakan, maka apakah sebabnya hal yang sama tidak berlaku pada PKPM yang juga dihanggottai oleh badan-badan gabungan di peringkat Maktab. Lagi pula kalau kita perhatikan barisan Exco PKPIM selepas Akta dikenakan, pucuk pimpinan PKPIM masih lagi dipegang oleh pelajar-pelajar dari universiti. X Sebagai contoh ialah Exco PKPIM 1975/76:-

Y.D.P.	.	.	.	.	.	:	W. Hamid b. W. Teh	dari	UKM.
T.Y.D.P.	.	.	.	.	.	:	Mohammad b. Deraman	"	UPM.
N.Y.D.I.	.	.	.	.	.	:	Nasir b. Daud	"	ITM.
S.U.A.	.	.	.	.	.	:	Sy. Abu Bakar	"	KPIJ.
P.S.U.A.	.	.	.	.	.	:	Amini b. Ibrahim	"	UKM.
S.U.K.	.	.	.	.	.	:	Mat Zawawi Awang Long	"	ITM.

S.U. Penerangan & Perhubungan . . . . .	:	Zuhaili b. Sanin	"	UTM
S.U. Kebajikan . . . . .	:	Zakaria b. Ibrahim	"	UPM
S.U. Kebudayaan & Sukan . . . . .	:	Ismail Mat Hassan	"	MPT
S.U. Penerbitan . . . . .	:	Hashim Ahmad	"	UM
S.U. H.E.W.I. . . . .	:	Badariah bt Ahmad	"	UKM
S.U. G.K.K.K. . . . .	:	Ismail Ab. Rahman	"	UKM
Pengerusi Biro Ekonomi . . . . .	:	Misroni Sulaiman	"	MPT
Pengerusi Biro T.D.P.I. . . . .	:	Ismail Basri	"	UM
Pengerusi Biro Pelajaran . . . . .	:	Syed Osman Mohammad	"	ITM

Meneliti dari barisan exco PKPIM tersebut di atas, kita dapati 9 dari 13 jumlah Exco adalah terdiri dari pelajar-pelajar dari universiti, padahal dari segi Akta mereka tidak lagi dibenarkan memegang apa-apa jawatan di dalam apa juga pertubuhan di luar kampus (Seksyen 15(2) Akta 1975). Oleh itu apakah sebenarnya yang menyebabkan mereka begitu komitted dan sanggup mendokong PKPIM walaupun itu sudah menyalahi undang-undang. Untuk ini saudara Mahmud Muhammad (TYDP PKPIM 76/77) mengatakan bahawa "Akta boleh memisahkan persatuan-persatuan peringkat kampus dari segi pendaftarannya, tetapi Akta tidak dapat memisahkan persatuan-persatuan tersebut dari segi realitinya kerana kekuatan ideologi Islam yang sama-sama didokong itu, telah tidak membentarkan pemisahan seperti itu. Dan hidupnya PKPIM ini adalah sebenarnya didokong oleh persatuan-persatuan pelajar di peringkat kampus."<sup>51</sup>

Penglibatan persatuan pelajar di peringkat kampus ini lebih ketara lagi di dalam program-program PKPIM seperti LAPPIM, Gerakan Kempen

Kesedaran (GKK), Simposium Pimpinan PKPIM, juga di dalam usrah-usrah antara kampus yang dirangka khas untuk menyelaraskan kegiatan pelajar-pelajar di semua kampus. Dan jelas sekali di dalam setiap penggembelingan tenaga seperti ini fokus utama yang diberikan ialah ke arah pencapaian satu matlamat yang didasarkan kepada kesatuan aqidah, iaitu matlamat seperti yang ditugaskan oleh Allah supaya "hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebijakan, menyuruh kepada yang ma'aruf dan mencegah dari yang mungkar, merekalah orang-orang yang berjaya,"<sup>52</sup>

Kesemua itu telah menggambarkan bagaimana Islam itu menjadi faktor utama menggembelingkan tenaga pendokong-pendokong PKPIM di dalam usaha mereka mencapai matlamat suci menegakkan kebenaran dan menumbangkan kebatilan. Para pendokong PKPIM sentiasa sedar bahawa mereka diutuskan ke muka bumi ini sebagai insan Muslim adalah untuk menjadi hamba dan khalifah Allah yang terpikul di bahu mereka tanggungjawab yang disebutkan di atas itu.

Dan kerana kesedaran inilah juga, maka kebanyakan ahli-ahli PKPIM selalunya enggan menerima atau memegang pimpinan PKPIM. Bagi mereka jawatan di dalam persatuan bukanlah satu kemegahan tetapi satu tanggung-jawab yang sangat berat yang mesti dijalankan seikhlas mungkin. Kerana itu di dalam sejarah PKPIM soal-soal perebutan kuasa dan soal tidak percaya kepada pemimpin, seperti yang pernah berlaku di dalam persatuan-persatuan lain tidak pernah berlaku di PKPIM. Ini juga barangkali disebabkan oleh cara pemilihan pimpinan PKPIM itu sendiri dijalankan dengan cara yang agak berbeza dengan lain-lain persatuan.

Tidak seperti lain-lain persatuan, cara pemilihan pemimpin PKPIM, biasanya dilakukan melalui satu majlis "syura," iaitu Majlis yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin kanan PKPIM yang bertanggungjawab secara langsung bagi membincangkan dan menetapkan siapakah yang sepatutnya memegang pimpinan PKPIM di masa yang akan datang. Manakala mesyuarat agong adalah cuma untuk mengesahkan sahaja barisan pimpinan yang telahpun ditetapkan itu.

Kesemua ini dilakukan adalah dengan tujuan bagi menjamin PKPIM agar tidak terlepas ke tangan mereka yang tidak mampu membawa PKPIM ke matlamatnya yang betul, juga untuk menjamin agar ujudnya keseragaman pemikiran di dalam organisasi PKPIM, yang mana keseragaman pemikiran ini adalah merupakan faktor yang penting di dalam melahirkan kekuatan organisasi PKPIM itu sendiri.

#### Nota Kaki

- 1 Keperluan kekuatan organisasi ini telah dinyatakan di dalam Al-Quran yang bermaksud "Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berjuang di jalanNya di dalam barisan yang teratur seakan-akan mereka seperti satu bangunan yang tersusun kukuh" - Ash Shaff: 4.
- 2 Peter M. Blau, Formal Organization, A Comparative Approach. m.s. 2
- 3 Ibid m.s. 4.
- 4 Pergerakan yang mempunyai ideologi ini biasanya (1) Mempunyai matlamat yang jelas dalam pergerakannya, (2) Dapat mengemukakan satu kritikan terhadap bentuk-bentuk susunan sosial yang ingin dirobahnya, (3) Dapat menghuraikan dengan jelas doktrin yang dipegangnya sebagai satu alasan yang patut dijadikan alternatif kepada order sosial yang ingin dirobahnya itu, (4) Mempunyai prinsip-prinsip asas baik yang berbentuk tiori atau praktikal di dalam pergerakannya, (5) Ada mempunyai satu "mythj" yang dapat membina harapan dan keyakinan pergerakannya. Ini didasarkan kepada Thesis Zulfikar Mohd, "Dakwah Movement In Singapore, Its Social and Political Orientation, m.s. 10.

- 5 Perlembagaan Asal PKPIM.
- 6 Lihat muka surat 5 "Kedudukan Badan-Badan Gabungan"
- 7 Perlembagaan PKPIM (Asal)
- 8 Ibid
- 9 Ibid
- 10 Pejabat Pendaftaran Pertubuhan: Fail PKPIM No: 1569.
- 11 Laporan Tahunan PKPIM 1968/69.
- 12 Ibid
- 13 Ibid
- 14 Laporan Tahunan PKPIM 1970/71
- 15 Perlembagaan PKPIM (Pindaan)
- 16 Temuduga: Ramli Ibrahim, YDP PKPIM 1972/73
- 17 Ibid
- 18 Perlembagaan PKPIM (Pindaan)
- 19 Laporan Tahunan PKPIM 1971/72
- 20 Laporan Tahunan PKPIM 1970/71
- 21 Opcit.
- 22 Temuduga: Mat Ali Mat Daud, S/U GKK PKPIM 1972/73
- 23 Laporan Tahunan PKPIM 1970/71, Kenyataan Anwar Ibrahim
- 24 Lihat Bab 3: Hubungan Dengan PEMIAT m.s. 22
- 25 Temuduga: Ramli Ibrahim YDP PKPIM 1972/73
- 26 Temuduga: Ahmad Shah Mohd Nor SUA PKPIM 1973/74
- 27 Mohammad Abu Bakar. Mahasiswa Menggugat m.s. 151, 153
- 28 Far Eastern Economic Review, 10 Januari 1975 m.s. 30.
- 29 Temuduga: Syed Abu Bakar, Setiausaha Kerja PKPIM 1978/79
- 30 Ibid

- 31 Laporan Tahunan PKPIM 1972/73
- 32 Haroon Khas Sherwani, Mempelajari Pendapat Sarjana-Sarjana Islam Tentang Administrasi Negara, m.s. 97.
- 33 9 yang dikatakan itu ialah:  
Surah Al-Maidah ayat: 51, 55, 57.  
Surah Ali Imran ayat: 28, 118-120.  
Surah Taubah ayat: 23-24.  
Surah Mumtahinah ayat: 1
- 34 Ahmad Kamar, Islam Tercabar, Satu Pandangan Terhadap Perjuangan PAS, m.s. 28.
- 35 Maududi, Islamic Movement, Pre-Requisite For Success, m.s. 5
- 36 Temuduga: Auni Hj. Abdullah SUA PKPIM 1973/74
- 37 Laporan Tahunan PKPIM 1969/70
- 38 Seminar Kepimpinan PKPIM Ke-2, Kertaskerja Anwar Ibrahim
- 39 Ibid
- 40 Ibid
- 41 Cenderamata Seminar Pimpinan PKPIM Ke 3
- 42 Seminar Pimpinan PKPIM Ke 3, Kertas kerja oleh Sritua Arief
- 43 Cenderamata LAPPIM Ke 6, di UPM 6 - 8 April 1973
- 44 Hassan Al-Banna, Peraturan Dan Arahan, m.s. 82
- 45 Cenderamata LAPPIM Kawasan Tengah, di Maktab Perguruan Teknik, K.L (26 - 31 Dis, 76).
- 46 Risalah Bilangan 2 1979, Uslubu-D-Da'wah oleh Sidek Fadhil
- 47 Al-Quran, Surah Al-Dhariyat, ayat 56.
- 48 Penyata Resmi Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Ke-empat, 8.4.1975  
Ucapan Dr. Mahathir Mohammad.
- 49 Ibid
- 50 Ibid - Ucapan Lim Kit Siang.
- 51 Temuduga: Mahmud Mohammad TYDP PKPIM 1976/77
- 52 Al-Quran, Surah Ali Imran, Ayat 104.

### BAB III

#### IDEOLOGI DAN PERGERAKAN

##### 1. IDEOLOGI

Meneliti kepada beberapa kajian yang pernah dibuat oleh sarjana Barat, kita dapati bahawa hampir keseluruhan pergerakan pelajar-pelajar di sana tidak mempunyai sebarang ideologi yang mendasari pergerakannya. Julius Gould di dalam karyanya yang berjudul "Student Rebellion" iaitu satu tulisan yang dibuat berdasarkan kepada kajian yang dijalankan ke atas pergerakan pelajar-pelajar di Britain dan Amerika Syarikat, mengatakan, "Do these movement have an ideology? In one very important sense the answer must be no. They do not have a common doctrine or creed built..... They often but not always, describe themselves as Marxist but their Marxism is peculiar and elective".<sup>1</sup> Dia selanjutnya menambah bahawa dengan sebab ketiadaan ideologi inilah maka pergerakan pelajar-pelajar tersebut tidak mempunyai sebarang program yang tetap, tersusun dan jelas. Di dalam hal ini dia menekankan "The existential of the contemporary youth movements - notably the absence of a fixed set of programmes or ideological dogmas".<sup>2</sup>

Seorang lagi sarjana, Prof. Donald Rogen, yang telah membuat kajian selama 20 tahun ke atas pergerakan pelajar-pelajar

di negara Barat telah memberi penguraian yang agak berbeza dengan apa yang diberikan oleh Julius Gould, tetapi jelas terlihat bahawa faktor atau motif utama terhadap kesemua aktiviti yang dilakukan oleh pergerakan pelajar itu adalah merupakan satu manifestasi kepada ketiadaan sebarang ideologi. Di dalam bukunya "The Campus Apocalypse - The Student Search Today", dia telah mengatakan bahawa "pelajar-pelajar adalah berjuang untuk mengelakkan diri mereka dari menjadi manusia yang bertanggungjawab kepada kedudukan keadaan dunia pada masa itu. Kerana itu ada pelajar-pelajar yang mencari jalan keluar menerusi seks, dadah, aktiviti-aktiviti ganas termasuk demonstrasi dan mogok".<sup>3</sup>

Jadi kalau pergerakan pelajar-pelajar di Barat sana dicirikan oleh ketiadaan ideologi tertentu, maka sewajarnyalah bagi melihat corak pergerakan PKPIM, soal-soal dasar seperti itu, yang melibatkan soal-soal ideologi dan motif dicerna dengan teliti. Dalam pada itu kalau kita berbicara tentang ideologi maka ianya tidak terlepas dari pembicaraan tentang pergerakannya, kerana ideologi satu-satu pergerakan itu tidak akan mempunyai apa-apa makna kalau tidak dijelmakan dan dinyatakan di dalam bentuk amalan dan tindakan. Malah bagi mengukur samada satu-satu pergerakan itu ada mendokong mana-mana ideologi atau tidak, maka mestilah segala bentuk tindakan dan pergerakannya diteliti dengan saksama. Penelitian seperti ini adalah perlu untuk menilai apakah pergerakan itu ada mempunyai program yang teratur yang dapat menyediakan landasan-landasan yang kuat agar dapat ideologi yang diperjuangkannya itu berkembang dan hidup subur di dalam masyarakat.

Seterusnya kalau disebut ideologi, maka tidak boleh tidak ianya mesti disertai oleh dorongan-dorongan yang tertentu yang lahir dari sifat ideologi itu sendiri. Ini biasanya dijelmakan di dalam bentuk keyakinan bertindak oleh para pendokong ideologi itu bagi membuktikan bahawa ideologi mereka lah yang paling baik dan mesti dijadikan realiti di dalam kehidupan masyarakat. Kerana itu "struggle" mereka adalah bertujuan merubah satu bentuk kehidupan kepada bentuk kehidupan yang baru sesuai dengan tuntutan ideologi mereka itu.

Seperti yang pernah diutarakan oleh McLaughlin,<sup>8</sup> bahawa terdapat ciri-ciri tertentu yang terpancar dari konsep ideologi apabila ianya diperjuangkan di dalam satu bentuk pergerakan.

"An ideology is inevitable for it provides firstly, a clear statement of purpose and objective of the movement. Secondly, it presents a set of criticism attacking the part of the social order it seeks to change. Thirdly, it makes possible an explanation or 'defence doctrine' to justify its objective and criticism and the need to change. Fourthly, an ideology provides a code of principle with regards to the theoretical and practical operation of the movement. Lastly the myth that gives hope and confidence".<sup>4</sup>

Maka berdasarkan kepada ciri-ciri yang disebutkan di atas itu, apakah PKPIM sudah benar-benar memenuhi ciri-ciri tersebut sehingga dapat ianya digolongkan ke dalam sebuah badan pergerakan pelajar? Atau taraf PKPIM itu sama sahaja dengan lain-lain persatuan pelajar yang tidak lebih dari persatuan kebajikan atau paling lebih sebagai "pressure group" sahaja? Untuk ini maka perlulah kita meneliti pada dasar per-

gerakannya. Seterusnya kita mesti melihat pula apakah dasarnya itu benar-benar merupakan satu gambaran dari satu ideologi yang boleh mencorakkan bentuk-bentuk tertentu di dalam pergerakannya. Juga apakah segala aktiviti yang dijalankan oleh PKPIM itu benar-benar merupakan penjelmaan kepada dasar ideologinya?

## 2. DASAR

Kalau dilihat kepada nama pertubuhan ini, iaitu Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia, dengan segera kita akan memberi tanggapan bahawa tentunya dasar persatuan ini adalah ISLAM. Tetapi kalau dilihat pada Perlembagaannya langsung tidak tercatit secara khusus satu bab tentang dasar PKPIM. Tidak seperti PAS, misalnya, yang juga merupakan satu pergerakan Islam yang menggunakan platform politik, ada mencatitkan di dalam perlembagaannya satu bab khas tentang dasar pergerakannya. Dalam Bab 2, Fasal 3 Perlembagaan PAS ada dicatitkan dengan jelas bahawa "Dasar PAS ialah ISLAM".<sup>5</sup> Walau bagaimanapun kalau kita meneliti perlembagaan PKPIM dalam Bab 2 (Bab Tujuan) dan Bab 3 (Bab Pergerakan), kita masih dapat membuat rumusan bahawa pergerakan PKPIM adalah berkisar di sekitar "untuk kepentingan pelajar-pelajar Islam" yang mana ini berbeza dari "pergerakan Islam di peringkat pelajar".

Walau bagaimanapun ketidakjelasan secara bertulis tentang dasar PKPIM seperti yang tercatit di dalam perlembagaan ini, tidaklah pula bermakna pergerakan PKPIM itu tidak merupakan pergerakan Islam di peringkat pelajar khususnya kalau kita perhatikan perkembangan

PKPIM dilewat tahun 60an ini. Misalnya di dalam banyak ucapan-ucapan yang dibuat oleh pemimpin PKPIM tentang dasar perjuangan PKPIM maka kita dapati mereka sangat menekankan tentang dasar perjuangan PKPIM kepada ahli-ahlinya agar mereka tidak kehilangan prinsip di dalam membuat sebarang tindakan dan tafsiran. Dan dari ucapan-ucapan seperti itu, telah menampakkan memang PKPIM itu merupakan satu pergerakan Islam di peringkat pelajar.

Saudara Anwar Ibrahim misalnya di dalam ucapannya di Persidangan Agong Tahunan PKPIM yang ke 10 yang diadakan pada 3 - 10/8/71 dan serentak dengan itu, di adakan "Kongres Universiti Islam" dan penubuhan ABIM ada menekankan "... atas kesedaran inilah maka seluruh tenaga pelajar-pelajar Islam mesti digembelingkan di dalam PKPIM dengan kegiatan-kegiatan kita yang selaras dengan tujuan-tujuan kita bagi menegakkan cita-cita Islamiah di negara kita".<sup>6</sup> Demikian juga di dalam kata alu-aluan Sdr. Ramli Ibrahim Yang Dipertua PKPIM bagi sessi 1972/73 di dalam buku cenderamata sempena PAT PKPIM ke 12 yang diadakan di Fakulti Pengajian Islam UKM pada 5 - 8 Ogos 1973, ada mengatakan perkara-perkara yang menyentuh tentang bentuk pergerakan PKPIM, bahawa, "Sebagai pelajar-pelajar Islam yang berani dan jujur bersumpah dengan dirinya sendiri untuk menjadikan Islam sebagai satu idealisma perjuangan kita menerusi PKPIM, maka wajiblah bangun menggugat segala bentuk penyelewengan, penindasan, dan pengeliruan yang bertentangan dengan ajaran Islam sehingga terbena masyarakat Islam yang sejahtera".<sup>7</sup> Seterusnya di dalam satu risalah yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat PKPIM pada tahun 1978 untuk disebarluaskan kepada pelajar-pelajar baru di seluruh universiti

dengan tujuan untuk memperkenalkan PKPIM kepada pelajar-pelajar tersebut telah mencatitkan dengan tegas bahawa corak pergerakan PKPIM di antaranya ialah:-

- (a) Menegak, mengembang dan memperjuangkan cita-cita Islamiah sesuai dengan ajaran asasi Al-Quran dan Sunnah Rasul.
- (b) Menjalankan dakwah Islamiah dengan cara yang berkesan dan progressif kepada seluruh pelajar-pelajar dan masyarakat.
- (c) Menggembelingkan tenaga pelajar Islam seluruhnya untuk sama-sama bekerjasama bagi meningkatkan taraf hidup bersama dalam semua lapangan termasuk sosial, pelajaran, kebudayaan, falasafah dan sebagainya.
- (d) Meningkatkan pengertian Islam di kalangan masyarakat dengan menanam dan memupuk pengertian tentang hakikat berugama dan hidup umumnya.
- (e) Menerbitkan risalah-risalah dan buku-buku ke arah pengertian Islam, kesedaran dan komitmen terhadap harakah Islamiah.
- (f) Menganjurkan seminar-seminar, simposium dan usrah interkampus untuk meningkatkan ilmu dan pemahaman serta penghayatan Islam.<sup>8</sup>

Maka bertolak dari penelitian ke atas beberapa punca yang disebutkan di atas, dapatlah kita katakan bahawa PKPIM ada mempunyai dasar ideologinya yang jelas. Ideologinya ialah ISLAM. Dan segala pergerakannya adalah ditumpukan ke arah untuk menegakkan Islam baik di kalangan pelajar dan juga masyarakat. Ia bukannya hanya setakat

pergerakan pelajar-pelajar Islam semata-mata kerana GPMS juga adalah pergerakan pelajar-pelajar Islam dalam erti kata keseluruhan anggota GPMS itu terdiri dari orang-orang Islam. Tetapi GPMS tidak berjuang untuk menegakkan Islam walaupun didokong oleh pelajar-pelajar Islam. Pergerakan GPMS adalah merupakan satu pergerakan yang tidak mempunyai sebarang ideologi yang tertentu. Ia hanya merupakan satu perjuangan untuk kepentingan pelajar-pelajar Melayu yang lahir dari rasa dan semangat nasionalisma Melayu yang terlampaui kuat. Di sinilah letaknya perbezaan antara PKPIM dengan GPMS. Seterusnya dari perbezaan dasar seperti inilah, maka lahirnya perbezaan sikap dan tindakan atas perkara-perkara yang sama. Misalnya di dalam demonstrasi 14 Jun 1971 yang di-anjurkan oleh PKPIM, GPMS tidak ikut serta. Demikian juga demonstrasi Anti Tengku 1969, dan banyak lagi demonstrasi yang tidak disertai oleh GPMS. Sehingga dari sikap GPMS yang seperti ini, telah menyebabkan PKPIM renggang dehgan GPMS.

Jadi dari segi dasar, sudah tidak dapat diragukan lagi, bahawa memang sifat PKPIM ini adalah merupakan sebuah pergerakan pelajar sepetimana yang telah ditegaskan dengan jelas di dalam huraian yang lalu. Lebih-lebih lagi apabila ruang lingkup pergerakan PKPIM ini tidak hanya terbatas pada lengkongan pelajar, tetapi juga meliputi keseluruhan masalah umat yang secara langsung menyentuh ideologi PKPIM itu. Soal ini telah pun dicatitkan dengan jelas semasa Simposium Pimpinan Pelajar PKPIM ke 2 yang diadakan pada bulan Februari 1978, di Universiti Kebangsaan, Lembah Pantai, bahawa,

mata, memekak sebelah telinga, mengikat sebelah kaki, memangku sebelah tangan terhadap masalah-masalah negara, kerana masalah-masalah ini termasuk masalah politik adalah secara langsung menyentuh hak-hak umat, bangsa dan kita juga".<sup>9</sup>

Implikasi dari kenyataan di atas bersama dengan matlamat tegas yang ingin dicapai oleh PKPIM, maka pergerakan PKPIM itu nampaknya tidak hanya berupa satu badan kebajikan atau "pressure group" semata-mata, tetapi pergerakannya telah menjangkau lebih jauh dan lebih luas sehingga sampai kepada peringkat menyentuh soal-soal sistem yang wujud di dalam masyarakat pada masanya. Kerana itu kelahiran PKPIM sebenarnya lebih merupakan kelahiran satu fenomena sosial yang mampu meninggalkan kesan-kesan yang mendalam dan meluas di dalam masyarakat Malaysia, terutama dalam konteks kebangkitan Islam, baik secara langsung atau tidak langsung.

Kalau dibandingkan dengan GPMS misalnya, sifat pergerakan PKPIM adalah jauh berbeza. Perbezaan yang paling nyata ialah, GPMS tidak mendokong sebarang ideologi. Kerana itu GPMS tidak mempunyai sebarang perancangan yang teratur lantaran ketiadaan satu teori dan prinsip yang jelas untuk diamalkan oleh masyarakat atau para pendokongnya. Segala programnya adalah cuma berkisar kepada soal-soal kepentingan nasionalisma Melayu. Ini dapat dilihat dari tujuan GPMS itu sendiri yang tercatit di dalam perlembagaan:-

1. Menyatukan pelajar-pelajar Melayu di seluruh tanah air.
2. Menyedarkan orang-orang Melayu akan kemunduran bangsanya di bidang-bidang pelajaran dan pendidikan.

3. Menjamin ujudnya rasa tanggungjawab untuk mengembang dan meninggikan pengetahuan dan pelajaran di kalangan orang-orang Melayu.
4. Mengujudkan rasa kesedaran dan kepercayaan bahawa maju mundur di bidang kemajuan duniaawi orang-orang Melayu adalah terletak di tangan pelajar-pelajar Melayu itu sendiri.<sup>10</sup>

Sebaliknya bagi PKPIM, programnya adalah terencana rapi yang didasarkan kepada ideologi Islam. Perencanaan ini, seperti mana yang dikatakan oleh McLaughlin. B. tadi adalah disebabkan oleh sifat Islam itu sendiri yang menuntut para penganutnya berjuang untuk menegakkannya ideologi itu di dalam realiti kehidupan masyarakat sebagai "a complete way of life". Penubuhan ABIM misalnya bukan sahaja patut dilihat sebagai satu peristiwa bersejarah bagi PKPIM, tetapi mesti dilihat dari segi prinsip dan matlamat PKPIM itu sendiri. Penubuhan ABIM ini adalah untuk tujuan pergerakan iaitu sebagai usaha melanjutkan cita-cita PKPIM ke dalam masyarakat yang lebih luas dengan momentum yang lebih serius. PKPIM sebagai sifatnya sebuah pergerakan pelajar telah dibatasi oleh had-had yang tertentu, terutama dari segi penglibatan para pendokongnya. Manakala Islam tidak meletakkan mana-mana had di dalam memperjuangkan cita-cita sucinya. Maka kerana itu ABIM telah ditubuhkan dengan tujuan menyediakan satu gelanggang baru yang lebih luas dan lebih banyak memberi peluang kepada para pendokongnya untuk bergerak tanpa disekat oleh batas dan had masa sepetimana 'masa pengajian akademik' menghadkan kelanjutan perjuangan di atas "platform" PKPIM.

### 3. PERGERAKAN

#### 3.1 PENUBUHAN ABIM DAN HUBUNGAN DENGAN MAJLIS BELIA MALAYSIA

(MBM)

ABIM ditubuhkan di atas daya usaha PKPIM. Ia lahir dari satu kesedaran bahawa perlunya diujudkan sebuah pertubuhan belia Islam yang akan dapat menampung para pimpinan dan ahli-ahli PKPIM yang telah tamat pengajiannya dari institusi pengajian tinggi dan ABIM diharapkan akan menjadi satu gelanggang baru di dalam melahirkan satu persambungan perjuangan PKPIM di peringkat belia.

Penubuhan ABIM ini sangat penting sekali bagi PKPIM terutama apabila dilihat dari segi pembentukan satu barisan yang secara langsung akan menguatkan organisasi PKPIM itu sendiri dan mempercepatkan proses pencapaian matlamat PKPIM. Sebagai satu kesan yang pernah dihasilkan oleh kerjasama rapat PKPIM, ABIM dan PKPM pada satu masa dulu adalah kejayaan tiga gabungan pertubuhan ini yang bergerak sebagai satu "front" merebut pucuk pimpinan MBM pada sessi 1974/76 yang lalu.

Kejayaan ini bagi PKPIM dan rakan-rakannya dari ABIM dan PKPM adalah lebih jauh merentasi kejayaan peribadi atau dengan perkataan lain ia adalah merupakan satu kejayaan dari segi prinsip yang didokong oleh peribadi-peribadi yang telah diberi kepercayaan untuk duduk di dalam pucuk pimpinan MBM tersebut. Hal ini lebih-lebih lagi terasa apakala golongan ini adalah golongan yang paling minoriti, sedangkan mereka berhadapan dengan golongan yang begitu popular dari Belia 4B,

MBS dan GPMS yang diketuai oleh Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin yang juga merupakan seorang tokoh kuat UMNO. Walau bagaimanapun golongan yang pertama tadi telah mendapat kepercayaan yang mengejutkan terutama dari golongan yang nampak dari segi luarannya mempunyai prinsip yang bercanggahan seperti Majlis Belia Hindu, Kesatuan Pemuda Kristian Malaysia (C.Y.M.A) dan lain-lain lagi. Tetapi sebenarnya prinsip yang dibawa oleh PKPIM, ABIM, PKPM itu (yang berdasarkan kepada Islam) adalah merupakan prinsip yang universal yang mempunyai dasar moral yang baik dan dapat diterima oleh semua pihak yang tidak mempunyai sebarang kepentingan.<sup>11</sup> Manakala golongan yang terdiri dari Belia 4B, MBS dan GPMS itu adalah merupakan golongan yang berkepentingan yang cuba membawa amalan politik mereka ke dalam, MBM, yang sepatutnya dibebaskan dari gangguan politik seperti itu.

EXCO MBM 1974/76.

Y.D.P. . . . .	:	Anwar Ibrahim (ABIM)*
N.Y.D.P. . . . .	:	Azham Ab. Wahab (MAYC)
	:	Zulkifli Ab. Hamid (SANYA)
	:	Idris Jusi (PKPM)*
S.U.A. . . . .	:	Ab. Halim Abdullah (PKPIM)*
Bendahari . . . . .	:	S. Rajaratnam (Majlis Belia Hindu)
Ahli Jawatankuasa . . . .	:	Rahmah Othman (MAYC)
	:	Wilfred Lingam (SANYA)
	:	Halim Arshat (PKPIM)*
	:	Arifin Sedi (SABERKAS).

: Ibrahim Ali (PKPIM)\*

: Mohd Jamil Mukmin (MBNS).<sup>12</sup>

Melihat kepada barisan Exco MBM di atas itu, kita dapati 5 kerusi daripada 12 kerusi adalah dipegang oleh golongan pertama. Walau pun jumlah ini masih lagi minoriti dipandang dari segi keseluruhan jumlah kerusi, tetapi mereka mempunyai kuasa yang besar kerana tiga jawatan tertinggi MBM ini adalah dipegang oleh mereka, iaitu jawatan Presiden, Naib Presiden dan Setiausaha Agong, Kombinasi jawatan-jawatan ini adalah satu kombinasi yang kuat bagi membuat satu tindakan yang berkesan. Kerana itu golongan ini telah dianggap sebagai "the excellent minority" di dalam MBM.

Maka dengan kesempatan dan kekuatan yang ada pada mereka itu, golongan ini telah cuba memberi tafsiran baru kepada falasafah pergerakan supaya belia di negara ini/ menampakkan satu kesungguhan di dalam tindakan dan lebih bertanggungjawab di dalam kepimpinan. Dan nampaknya mereka telah berjaya di dalam usaha-usaha mereka ini.

Golongan ini telah berjaya mengubah perlembagaan MBM itu sendiri, seperti tidak membenarkan orang-orang tua yang berumur lebih dari 40 tahun bertanding untuk merebut jawatan tertinggi MBM. Langkah ini diambil adalah dengan tujuan untuk memberi peluang yang lebih luas kepada golongan muda sesuai dengan sifat "belia" pertubuhan ini. Sebelum daripada perlembagaan MBM ini diubah, kerap kali pucuk pimpinan MBM dipegang oleh orang yang sudah pun bercucu seperti Tengku Abdullah Ibni Al Marhum Tengku Ab. Rahman yang tidak lagi mempunyai semangat

belia. Kerana itu kerapkali MBM ini terseret ke dalam kancang politik sehingga menjadikan konsep belia itu begitu kabur sekali.<sup>13</sup>

Golongan ini juga telah berjaya membawa program-program yang lebih bermoral ke dalam setiap kegiatannya serta menghapuskan segala program yang mengkhayalkan dan berbentuk maksiat seperti majlis tari menari, minuman keras, pertunjukan filem-filem lucu dan penggunaan wanita untuk kepuasan nafsu. Pada pandangan mereka kesemua aktiviti seperti itu adalah menggambarkan ketiadaan kesungguhan di dalam kepimpinan serta ketiadaan prinsip yang dapat diikuti bagi kebaikan masyarakat umumnya. Kerana itu, golongan ini telah mengambil langkah meletakkan satu dasar dan falasafah perjuangan belia yang jelas terutama yang berteraskan dasar-dasar moral yang universal dan dapat diterima oleh semua golongan. Dan falasafah serta dasar ini masih diikuti hingga sekarang ini.<sup>14</sup>

Bagi PKPIM khususnya, keanggotaannya di dalam MBM telah memberi erti yang bukan sedikit terutama dikala PKPIM sedang diikat dengan kuat oleh tali Akta universiti itu. Hubungan seperti ini merupakan satu daripada jalan keluar kepada PKPIM bagi meneruskan kelancaran perjalanan programnya. Faedah yang didapati dari hubungannya dengan MBM ini adalah lahir dari dasar dan falasafah yang baru yang dipegang oleh MBM itu. Dasar baru MBM ini telah terpaksa meminta banyak sumbangan dan penglibatan dari PKPIM. Kalau dahulu MBM tidak ada aktiviti yang berbentuk kerohanian, tetapi setelah dasar MBM diberi tafsiran semula, maka kegiatan-kegiatan yang berbentuk kerohanian seperti itu semakin diperbanyak. Oleh itu PKPIM dan ABIM yang secara

langsung terlibat di dalam bidang ini, mereka telah diberi kepercayaan untuk mengendalikannya.

Di dalam Rancangan Khidmat Masyarakat misalnya, MBM telah memberikan mandat sepenuhnya kepada PKPIM untuk menjalankannya dengan pembiayaan yang keseluruhannya ditanggung oleh MBM. Dalam "Rancangan Khidmat Masyarakat PKPIM-MBM" yang diadakan pada 1 - 6 Mei 1979, di kawasan Sik, Kedah yang lalu, perbelanjaan yang diberikan oleh MBM kepada PKPIM adalah sebanyak \$8,000.00.<sup>15</sup> Demikian juga dengan R.K.M. yang diadakan di mukim Macap, Keluang, Johor pada bulan Mei tahun 1978 sebelumnya, adalah di atas tanggungan MBM. Dan bagi PKPIM kesemua kesempatan ini adalah begitu penting sekali, lebih-lebih lagi di dalam suasana cengkaman Akta yang tidak membenarkan PKPIM mencari wang dan mengumpulkan wangnya sendiri. Faedah dari kerjasama seperti ini lebih-lebih lagi dirasakan apabila PKPIM menganggap projek ini merupakan salah satu projek yang penting di mana melalui projek inilah PKPIM berpeluang menerbus masuk ke dalam masyarakat bagi memperkatakan dan memperkenalkan satu cara hidup yang sebenarnya seperti yang dikehendaki oleh Islam itu.

Kesemua program yang diatur untuk projek ini bukanlah satu program yang dibuat untuk kepentingan program semata-mata. Tetapi kesemua program itu ada mempunyai perutusan yang tertentu yang jelas berpaksikan Islam. Tambah lagi apabila peserta yang menyertai projek ini adalah terdiri dari kader-kader setiap badan gabungan PKPIM terutamanya di peringkat kampus, yang telah benar-benar faham akan konsep pergerakan PKPIM dan mereka diyakini dapat menjadi satu model yang berkesan di dalam proses menyampaikan perutusan tersebut. Misalnya

di sepanjang projek tersebut setiap peserta dikehendaki bersembahyang berjumaah di surau-surau dengan mengajak sama ayah-ayah angkat mereka menyertai jamaah tersebut. Manakala masa di antara Maghrib dan Isya dan kadang-kadang selepas Isya akan selalu dipenuhi dengan perbincangan dan penerangan tentang Islam mengikut maksudnya yang sebenar; iaitu sebagai satu cara hidup yang tidak ada pemisahan di antara ibadat dan kehidupan.<sup>16</sup>

Begitu juga dengan kelas-kelas bimbingan, gotong royong dan percampuran dengan keluarga angkat mereka adalah kesemuanya membawa perutusan yang sama. Dan kerapkali ini telah melahirkan kesan yang segera di samping kesan yang lewat yang berupa kesedaran dan pemahaman yang tidak dapat dilihat. Kesan segera yang dimaksudkan itu ialah sembahyang. Daripada lapuran didapati ada orang-orang kampung yang tidak sembahyang.<sup>17</sup> Tetapi disebabkan anak angkat yang tinggal selama satu minggu bersama-sama mereka itu mengajak mereka sembahyang maka mereka pun ikut apabila disertai dengan penerangan yang jelas yang sebelum itu mungkin mereka tidak mempunyai peluang untuk mendengarnya, maka diharapkan titik permulaan mereka itu akan langsung membina penerusan di dalam hidup mereka.

Melalui hubungan dengan ABIM juga PKPIM telah dapat mengenali banyak pergerakan Islam luar negeri dengan cara yang lebih dekat dan dengan cara yang lebih meluas. Di antara pergerakan yang penting ialah "Ikhwan-ul-Muslimin" yang pelopori oleh Hassan Al-Banna (di Mesir), "Jamaat al-Islami," (Pakistan) yang dipelopori oleh Maulana Abul 'Ala Maududi dan juga Pergerakan "Bediuzzaman Nursi"

di Turki. Pengetahuan tentang pergerakan Islam seperti ini adalah penting bagi PKPIM terutama apabila mengenalinya bukan sahaja dari segi sejarah pergerakan, tetapi yang lebih pentingnya ialah dari segi "content", method dan perencanaan pergerakan tersebut bagi menegakkan Islam.

Perhubungan seperti ini (perhubungan idea) adalah amat penting sekali dalam konteks satu pergerakan. Tidak seperti satu pertubuhan yang berbentuk "pressure group", satu "movement" lebih memerlukan satu perencanaan program yang teratur dan mesti dipadankan dengan pendekatan serta "methode-methode" yang sesuai pula. Kalau tidak, matlamat yang ingin dicapai itu tidak mungkin berjaya. Kerana itu kebanyakan pergerakan Islam yang dikatakan tadi ada menggariskan model-model mereka yang tersendiri di dalam pergerakan.

Bagi PKPIM, walaupun penulis telah meletakkan ia sebagai satu pertubuhan yang berbentuk pergerakan Islam, (hasil dari rumusan awal yang dibuat berdasarkan ada beberapa ciri pergerakan), ia masih tidak mempunyai sebarang model, di dalam bentuk seperti yang telah dikemukakan oleh pergerakan seperti Ikhwan dan lain-lain lagi. Ini adalah disebabkan PKPIM tidak mempunyai ahli-ahli fikir dan juga ulamak ataupun mereka yang benar-benar arif di dalam memahami Al-Quran dan Hadith secara sepenuhnya. Kerana itu PKPIM telah banyak memadankan model-model yang telah diutarakan oleh pergerakan-pergerakan tersebut di dalam pergerakannya. Di dalam hal ini model yang dirangka oleh Ikhwan-ul-Muslimin lebih mempengaruhi PKPIM dari model-model lain. Hal ini mungkin disebabkan pengetahuan PKPIM tentang pergerakan Ikhwan

lebih diketahui dari pergerakan yang lain-lainnya. Di dalam simpanan perpustakaan PKPIM misalnya banyak sekali terdapat buku-buku yang dikarang para pendokong Ikhwan yang diedarkan melalui IIFSO seperti, "Risalah Jihad oleh Hassan Al-Banna, Milesstone (Syed Qutb), Peraturan dan Arahan (Hassan Al-Banna), Salah Faham Terhadap Islam (Mohammad Qutb), Riwayat Hidup Hassan-Al-Banna, Toward Understanding of Islam, Usrah dan Dakwah (Hassan Al-Banna, dan lain-lain lagi.

Dalam model Ikhwan, Hassan Al-Banna telah mengemukakan 7 tahap asas bagi kebangkitan semula Islam:-

1. Membentuk Peribadi Muslim
2. Membentuk keluarga Islam
3. Membentuk masyarakat Islam
4. Membebaskan masyarakat dari ikatan politik (yang bukan Islam)
5. Membina Kerajaan Islam.
6. Membina semula umat Islam dan mengembalikan kedudukan Khalifah
7. Memimpin masyarakat dunia dan menjalankan tanggungjawab memandu masyarakat seluruh dunia itu menuju ke jalan Allah.<sup>18</sup>

Manakala bagi Bediuzzaman Sa'ed Nursi pula, dia lebih menekankan kepada soal IMAN. "Nursi believed that the fundamental change is to cure the ideological weaknesses in society, since without this, the mission of Islamic work is meaningless".<sup>19</sup> Kerana itu kita dapati kandungan asas model Nursi, faktor IMAN diletakkan pada tingkat paling utama, seperti berikut:-

1. Mengubati kelemahan IMAN dan membina keinsafan diri.

2. Tugas menyampaikan Islam itu mestilah dilakukan melalui jamaah.

3. Mengujudkan kesatuan:-

- a) Di kalangan individu Muslim.
- b) Di kalangan negara-negara Islam

c) Di kalangan penganut berbagai ugama sehingga terbentuknya satu barisan bagi menentang musuh yang tidak percaya kepada ugama.<sup>20</sup>

Sebagai kesannya, model-model seperti yang dirangkakan di atas, khususnya model Ikhwan, telah banyak memberikan sumbangan kepada pergerakan PKPIM, kerana model itu telah berjaya menyediakan satu skop perjuangan yang lebih luas. Maka berpandukan kepada model-model itu PKPIM telah dapat mengenali masalah-masalah yang dihadapi dan juga mengenali di peringkat manakah pergerakan PKPIM itu sedang berada. Lantas dengan itu penekanan yang bersesuaian dapat diberikan untuk mempercepatkan lagi pencapaian matlamat PKPIM itu.

Seterusnya kalau diukur pada model Ikhwan-ul-Muslimin, pergerakan PKPIM masih lagi berada di dalam tahap pertama iaitu "membentuk peribadi Muslim". Kerana itu segala program PKPIM baik yang berbentuk latihan, ceramah, seminar, kempen kesedaran, percetakan dan lain-lain lagi adalah kesemuanya menjurus kepada pencapaian matlamat tahap pertama tadi. Dengan perkataan lain segala program PKPIM tersebut adalah untuk memberikan kefahaman tentang Islam kepada masyarakat ~~kampus~~ dan juga masyarakat Islam seluruhnya mengikut maksud yang sebenarnya; iaitu tidak Islam itu sebagai satu ibadat semata-mata yang terpisah dari kehidupan dan politik negara, tetapi Islam itu adalah sebagai

cara hidup yang lengkap yang mencakupi segenap bidang hidup. Kesempurnaan Islam ini telah dijamin oleh Allah di dalam FirmanNya:

"Pada hari ini telah Ku sempurnakan untukmu agamamu dan telah Ku cukupkan kepadamu nikmat Ku dan Aku menyukai Islam itu menjadi ugamamu".<sup>21</sup>

Manakala kalau diukur dengan model Nursi pula, segala program PKPIM itu tidak lain dari bertujuan untuk mencapai matlamat pertamanya iaitu "mengubati kelemahan IMAN dan membina keinsafan diri".

Akan tetapi bagi PKPIM, untuk mencapai tujuan "membentuk peribadi Muslim" atau "Mengubagi kelemahan IMAN" itu tidaklah semata-mata dapat dilakukan dengan hanya menumpukan kepada ibadat-ibadat khusus seperti sembahyang, puasa, menghabiskan masa membaca Al-Quran di dalam masjid dan lain-lain lagi tanpa mengambil tahu tentang hal-hal yang berlaku di dalam masyarakat. Sebaliknya pembentukan peribadi Islam dan keimanan itu mestilah mempunyai erti yang lebih luas di dalam konteks sebuah masyarakat. Peribadi-peribadi yang dibentuk itu mestilah mempunyai sikap kesediaan serta kesanggupan bertindak atas dasar iman untuk menegakkan yang maafur dan mencegah yang mungkar. Kerana itu peribadi dan keimanan itu mestilah disertai dengan kefahaman yang mendalam serta meluas tentang masalah masyarakat baik yang menyentuh soal-soal politik negara dan antarabangsa, ekonomi, pendidikan, pelajaran, sains, sosial dan lain-lain lagi.

Maka bertolak dari persoalan-persoalan inti seperti di ataslah, kita dapati program PKPIM selalunya berbentuk menyeluruh dengan membawa

satu "message" untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang apakah sikap dan penyelesaian Islam di dalam bidang-bidang yang telah dinyatakan di atas itu. Dan bagi memenuhi maksud ini PKPIM telah bertindak melalui berbagai method yang dikira sesuai dan paling berkesan berdasarkan masa dan suasana yang ada. Di antara beberapa method yang pernah dilakukan dan sedang dilakukan oleh PKPIM ialah:-

1. Gerakan Kempen Kesedaran
2. Latihan dan Kursus
3. Ceramah, Foram dan Seminar
4. Penerbitan
5. Hubungan Luar
6. Perundingan dan Demonstrasi

### 3.2 GERAKAN KEPEN KESEDARAN

Secara sepintas lalu GKK ini telahpun disentuh di dalam huraiyan yang lepas. Dan pada bahagian ini kita sekali lagi akan melihat secara yang agak terperinci GKK ini terutama dari segi "kepentingannya" di dalam suatu pergerakan. Dari situ nanti, seseorang akan dapat menilai bagaimana GKK ini merupakan satu program yang benar-benar bermakna bagi PKPIM sebagai sebuah pergerakan yang berideologi.

Sebelum daripada itu perlu sekali kita perhatikan bahawa bentuk GKK ini sebenarnya telahpun mengalami beberapa perubahan yang tertentu. Tegasnya terdapat beberapa perbezaan yang agak jelas terutama dari segi "content" dan penekanan di antara GKK peringkat per-

mulaan dengan GKK yang diadakan pada masa sekarang ini.

Dari segi perancangannya, GKK ini adalah merupakan satu projek tahunan yang tetap bagi PKPIM. Projek ini telahpun dimulakan sejak tahun 1968 lagi iaitu semasa Anwar Ibrahim mula-mula memegang pucuk pimpinan PKPIM. Kali pertama GKK ini diadakan ialah di Pahang iaitu di daerah Sungai Lembing, Baserah dan Chenor untuk jangka masa selama 2 minggu. Pada tahun 1969 pula GKK diadakan di Kampung Air Hitam, Kajang, Kampung Lada, Rembau dan Chenor, Pahang untuk selama 2 bulan. Dan pada tahun 1970 pula GKK ini diadakan di Negeri Sembilan di daerah Rembau untuk selama 12 hari.<sup>22</sup>

Pada peringkat awal tujuan GKK ini diadakan adalah untuk:-

1. Merapatkan lagi hubungan dengan masyarakat serta memahami masalah yang mereka hadapi terutama di dalam bidang ekonomi, pelajaran, kesihatan dan kerohanian.
2. Mengetahui sebab-sebab mengapa orang-orang Melayu ketinggalan di dalam berbagai bidang pembangunan.
3. Menjadi ajen untuk mengubah fikiran rakyat terutama masyarakat kampung supaya bersikap lebih praktikal di dalam menghadapi hidup.
4. Memberi panduan agar mereka dapat lebih memahami tentang kesucian ugama Islam.<sup>23</sup>

Menjelang tahun 1971/72 konsep GKK ini telah diberikan tafsiran yang agak berbeza daripada konsep GKK yang terdahulu. Kalau dulu GKK ini telah memberikan penekanan yang utama kepada aspek kesedaran

orang Melayu di dalam konteks pembangunan negara (yang pada waktu itu masyarakat sedang dipukau oleh slogan pembangunan negara), maka pada tahun-tahun yang kemudiannya, penekanan ini tidak lagi diutamakan. Sebaliknya, seperti yang tercatit di dalam lapuran khas GKK 1971/72, bahawa GKK sebenarnya adalah salah satu daripada bentuk atau "methode" untuk berdakwah:

"Satu cara dakwah yang paling realistik dilaksanakan oleh PKPIM ialah melalui Gerakan Kempen Kesedaran".

"GKK ini diteruskan supaya masyarakat umum luar bandar dapat kita berikan tenaga baru di dalam perjuangan mereka untuk menyempurnakan kehidupan dan dapat mengubah cara pemikiran mereka kepada cara berfikir yang lebih praktikal sesuai dengan ajaran Islam yang maha suci itu".<sup>24</sup>

Manakala di dalam lapuran setiausaha PKPIM 1972/73 pula ada disebutkan bahawa tujuan mengadakan GKK ini adalah untuk "mengujudkan keadilan, kejujuran, kebenaran dan kefahaman di kalangan rakyat terutama di kawasan luar bandar supaya dapat dijamin kemajuan sosial, ekonomi, politik, pelajaran dan lain-lain aspek yang berhubungan dengan cita-cita Islamiah di negara ini".

Jadi penekanan kepada unsur-unsur inilah yang sebenarnya membezakan di antara GKK yang lalu dengan GKK yang kemudiannya. Walaupun memang kedua-duanya mempunyai motif untuk menyedarkan masyarakat luar bandar, tetapi orintasinya berbeza. Kalau dulu orintasinya lebih kepada **kebendaan** semata-mata maka orintasi GKK yang kemudiannya adalah lebih kepada asas-asas moral seperti mana yang dikehendaki oleh ajaran Islam itu.

Juga penggunaan perkataan "dakwah" itu telah membawa implikasi yang lebih mendalam. Perkataan dakwah itu bukan sahaja bermakna atau merujuk kepada pengamalan ibadat khusus, tetapi ianya terangkum di dalam sepotong ayat "menyeru kepada yang makruf dan mencegah yang mungkar".<sup>25</sup> Dan implikasi dari ayat ini menggambarkan bahawa bidang kuasa dakwah ini menjangkau kepada soal-soal "sistem" yang terdapat di dalam masyarakat (yang bermaksud sistem itu perlu dirobah kalau sistem itu bertentangan dengan kehendak-kehendak Al-Quran dan Hadith). Kerana itu, apabila GKK ini telah turut membincangkan soal-soal sistem tadi, maka projek ini telah mendatangkan rasa tidak senang kepada setengah-setengah pihak terutama bagi golongan yang merasa kepentingan mereka akan terjejas dengan aktiviti seperti ini. Pernah pihak Pemuda UMNO Melaka menuntut pihak kerajaan agar mengharamkan GKK ini atas alasan GKK ini dijadikan landasan untuk mengkritik dan memburuk-burukkan tindakan kerajaan. Di Perak juga pernah Menteri Besar Perak (Datuk Mohammad Said) menerima lapuran dan menggesa agar GKK ini diharamkan. Tetapi pihak PKPIM telah memberikan keterangannya tentang apakah konsep sebenar GKK ini.<sup>26</sup>

Demikian juga apa yang telah berlaku semasa Projek Khidmat Masyarakat yang diadakan di Sik Kedah pada 1 - 6 Mei 1979 yang laju di mana penulis sendiri ada bersama-sama menyertai PKM tersebut. Pada hari pertama projek itu berjalan, pihak PKPIM telah didatangi oleh pihak Majlis Belia Negeri Kedah dan juga pihak kerajaan negeri Kedah untuk bertanyakan tentang kesahan projek yang dijalankan itu. Mereka telah menimbulkan soal-soal teknik yang dikira bahawa PKPIM sudah

tidak mengikuti peraturan-peraturan yang tertentu dan cuba membelakangkan pihak Majlis Negeri Kedah dan pihak kerajaan Negeri Kedah sendiri.

Sebenarnya kesemua hal-hal yang ditimbulkan itu tidak mempunyai kaitan langsung dengan projek tersebut kerana kelulusan untuk mengadakan projek itu telahpun diberikan oleh pihak Majlis Belia Malaysia pusat bersempena dengan Hari dan Minggu Belia yang jatuh pada bulan Mei 1979 dan urusan serta hubungan dengan pihak-pihak yang berkenaan berhubung dengan projek itu telahpun diadakan terlebih dahulu. Tetapi oleh sebab mereka merasakan tidak puas hati dengan cara pengendalian dan kandungan projek tersebut, mereka telah cuba mencari sebarang alasan dengan harapan projek itu akan dibatalkan.

Kejadian seperti ini sebenarnya berasarkan dari ucapan yang dibuat oleh YDP PKPIM, Sdr. Fuad Hassan semasa majlis peresmian projek tersebut di mana pihak Majlis Belia Negeri dan wakil kerajaan Negeri Kedah ada sama-sama menghadiri majlis tersebut. Sdr. Fuad di dalam ucapannya menekankan "konsep pembangunan" yang mana baginya dan juga bagi PKPIM bukan semata-mata berbentuk material tetapi sebaliknya pembangunan moral dan diri, kerana pembangunan diri dan morallah yang sebenarnya akan memberi makna terhadap setiap pembinaan material yang sedang hebat diberikan penekanan yang begitu utama oleh pihak kerajaan sekarang ini.

Walau bagaimanapun kehebatan projek GKK ini telah begitu menurun sekali sekarang ini kalau dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum

Akta Universiti dikenakan ke atas persatuan pelajar sejak tahun 1975 yang lalu. Selepas daripada Akta Universiti 1975 dikenakan, kita dapati paling banyak PKPIM dapat mengadakan projek ini hanya satu kali dalam setahun untuk jangkamasa satu minggu; iaitu dengan pembiayaan dari pihak MBM. Sedangkan pada tahun-tahun sebelum Akta dikenakan dahulu, seluruh masa cuti universiti penggal ketiga iaitu dari bulan Februari sehingga bulan Mei, tumpuan telah diberikan sepenuhnya oleh PKPIM untuk mengadakan projek GKKK ini yang diadakan di seluruh negara.

Sebagai contoh ialah pada tahun 1971, sebanyak 13 GKKK ini diadakan di 13 kawasan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dengan penglibatan peserta seramai 273 orang yang bermula dari bulan Februari hingga bulan Mei 1971. Dan pada tahun yang sama juga, iaitu sempena sambutan Hari Belia Malaysia, yang bermula dari 15.6.1971 - 31.7.1971, sebanyak 4 lagi projek GKK ini telah diadakan di negeri-negeri Perak, Melaka, Selangor dan Pahang dengan penglibatan seramai 70 orang peserta.<sup>27</sup>

Manakala pada tahun 1972 pula sebanyak 5 lagi projek GKKK ini diadakan di sebanyak 5 kawasan iaitu,

1. Senggarang - Johor
2. Ulu Kusial - Kelantan
3. Lenggong - Perak
4. Benut - Johor
5. Mengabong, Talipot - Terengganu.<sup>28</sup>

Projek GKKK pada tahun 1972 ini memakan masa selama 3 bulan iaitu dari bulan Mac hingga Mei dengan perbelanjaan sebanyak \$44,525.00 yang kebanyakannya ditanggung oleh pihak kerajaan negeri. Dan tahun-tahun inilah (iaitu tahun 1971 dan 1972) dapat dikatakan PKPIM mencapai ke peringkat kemuncak di dalam projek GKKnya. Pada tahun 1972 misalnya satu lapuran khas tentang GKK ini telah disediakan oleh PKPIM yang terisi di dalam 37 muka surat bersaiz "full scap" bertaip. Di dalam "Laporan Gerakan Kempen Kesedaran" itu catitkan masalah yang ditemui oleh para peserta GKK ini di setiap buah kawasan yang mereka jalankan dengan menurunkan data-data yang lengkap berhubung dengan masalah tersebut. Masalah-masalah yang dimaksudkan ini ada hubungan dengan masalah ekonomi, pelajaran, kesihatan, keadaan tempat tinggal (geography), sosial, ugama dan politik. Dan berdasarkan kepada masalah yang dihadapi tersebut maka difikirkan dan diperturunkan pula usul dan cadangan-cadangan bagi mengatasi masalah tersebut yang dikira bersesuaian dengan bentuk masalah yang dihadapi mengikut tempat. Kemudian usul dan dadangan-cadangan ini dihantar kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya seperti kepada pihak Jabatan Pertanian, Kesihatan, dan seterusnya.<sup>29</sup>

### 3.3 HUBUNGAN LUAR

Keujudan hubungan luar adalah merupakan salah satu daripada ciri-ciri di dalam menentukan samada satu-satu pertubuhan itu benar-benar merupakan satu pergerakan yang memperjuangkan satu-satu ideologi tertentu atau pertubuhan itu hanya berupa sebuah pertubuhan berbentuk kebajikan semata-mata. Hal yang seperti ini akan dapat dilihat dengan

jelas apabila kita melihat ciri semulajadi yang dilahirkan oleh ideologi itu sendiri. Kebiasaan sesbuah ideologi itu tidak hanya ujud dan berkembang di satu-satu kawasan tertentu sahaja, tetapi sebaliknya ideologi itu lahir dan tersebar luas di merata-rata tempat walaupun sambutan terhadapnya mungkin berbeza di antara satu tempat dengan tempat yang lain.

Maka kerana itu, mana-mana pertubuhan yang berasaskan kepada ideologi yang serupa akan berjuang untuk mencapai satu matlamat yang serupa pula, iaitu berjuang untuk menegakkan ideologi yang mereka anuti itu di dalam masyarakat di mana pertubuhan itu bergerak. Lantaran itu, seringkali pula kita dapati pergerakan-pergerakan yang berasaskan kepada ideologi yang sama, walaupun ia berada di tempat yang berlainan, telah mengadakan hubungan di antara satu sama lain, atau sekurang-kurangnya mereka itu lebih cenderung untuk mengadakan hubungan sekiranya keadaan dan suasana mengizinkan mereka berbuat demikian.

Hal yang seperti ini berlaku adalah disebabkan keserupaan ideologi yang mereka pegang itu seringkali melahirkan "a sense of group identity and solidarity..."<sup>30</sup> yang seterusnya mengikat mereka di bawah satu matlamat. Seperti yang dikatakan oleh Rudolf Herbele bahawa "the main uniting bond of a movement on the other hand is due to a certain set of constructive ideas or ideology",<sup>31</sup> maka ciri yang seperti ini akan seterusnya membawa pergerakan yang berasaskan kepada ideologi yang sama itu membuat perhubungan di antara satu sama lain. Keadaan yang seperti ini menepati sekali apa yang dikatakan oleh Zulfikar Mohd bahawa " a social movement need not restricted to a

particular state. It may have a central organization in another country or it maintains close contact with organizations having similar objectives in other countries. The movement may not limit itself to a region but extends to other countries outside the region as well".<sup>32</sup>

Jadi setakat ini kita telahpun meneliti bahawa memang terdapat kaitan yang rapat di antara ideologi dan "contact" di dalam pergerakan-pergerakan yang berdasarkan kepada ideologi yang sama. Maka berdasarkan kepada kaitan ini perlulah pula kita melihat apakah perhubungan yang diadakan oleh PKPIM dengan badan-badan luar (termasuk dalam dan luar negeri) itu mempunyai "significant"nya yang tertentu dalam konteks pergerakan seperti yang dikatakan di atas.

Tetapi sebelum daripada itu perlulah terlebih dahulu kita meneliti sejauh manakah hubungan yang pernah diadakan oleh PKPIM dengan badan-badan luar khususnya luar negeri. Dalam hal ini barangkali agak penting untuk dicatatkan nama-nama badan yang pernah PKPIM membuat hubungan yang berkesan, dalam ertikata hubungan yang lebih dari pada pertukaran "information" dan surat menyurat semata-mata. Di antaranya yang paling penting ialah HMI dan USMS (dalam konteks PEMIAT), IIFSO, FOSIS, WAMY dan yang selebihnya itu adalah hanya merupakan perhubungan biasa yang berbentuk pertukaran "information" seperti dengan MSA, MISG, AFAMSA dan lain-lain lagi. Manakala badan-badan di dalam negeri pula yang pernah PKPIM membuat hubungan ialah ABIM, MBM, PKM (sewaktu persatuan ini masih bergerak iaitu sehingga tahun 1975),

YDIM, Pusat Islam dan lain-lain persatuan pelajar-pelajar Islam yang tidak menjadi anggota gabungan kepada PKPIM.

### 3.3.1 HUBUNGAN DENGAN PEMIAT

Hubungan luar yang berkesan pernah diadakan oleh PKPIM ialah dengan PEMIAT iaitu melalui keanggotaannya di dalam pertubuhan tersebut. Pertubuhan ini sebenarnya telah dibentuk pada 14 November 1967 lagi, yang merupakan satu usaha yang telah dimulakan oleh PKPIM sendiri. Pada tahun tersebut PKPIM telah menganjurkan satu persidangan yang dipanggil "Persidangan Pelajar-Pelajar Islam Asia Tenggara" yang diadakan di Universiti Malaya dengan dihadiri oleh perwakilan-perwakilan dari Malausia, Indonesia, Singapura, Filipina, Brunei, Sabah, Sarawak dan Ceylon. Ekoran dari persidangan tersebut, PEMIAT telah ditubuhkan dengan badan-badan gabungannya terdiri dari HMI, USMS dan PKPIM.<sup>33</sup>

Idea penubuhan PEMIAT ini sebenarnya adalah merupakan satu cetusan rasa kesedaran di kalangan para perwakilan persidangan tersebut tentang betapa perlunya diujudkan satu kerjasama rapat di antara badan-badan mahasiswa Islam Asia Tenggara di dalam rangka melahirkan intelektualisme Islam yang bertauhid. Mereka mengharapkan agar dengan kelahiran PEMIAT ini, usaha-usaha untuk membawa Islam ke dalam penghidupan sosial masyarakat Asia Tenggara ini akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi sesuai dengan suasana dan keadaan penghidupan masyarakat Asia Tenggara itu sendiri.

Maka kerana itu, sejak dari awal penubuhannya lagi, PKPM selalu sahaja mengadakan hubungan yang rapat dengan badan-badan gabungan PEMIAT yang lain di dalam bentuk bertukar-tukar fikiran serta pengalaman di samping mencari jalan yang lebih berkesan tentang bagaimana tiap-tiap badan gabungan harus bergerak untuk merealisasikan cita-cita yang telah digariskan itu. Di dalam setiap Persidangan Agong Tahunan badan-badan gabungan, para perwakilan dari badan-badan gabungan yang lain akan selalu sahaja dihantar untuk menjadi sebagai pemerhati. Demikian juga di dalam seminar-seminar dan latihan perkaderan yang dianjurkan oleh badan-badan gabungan PEMIAT, perwakilan dari badan gabungan **yang lain** akan selalu sahaja ikut menyertainya. Di dalam "Seminar Pimpinan Kebangsaan PKPIM Kali Ketiga" misalnya, yang diadakan di Kota Bharu pada 8 - 15 April 1970, terdapat seramai 6 orang wakil dari HMI dan 10 orang wakil dari USMS turut menghadiri seminar terbesar pernah dianjurkan itu. Seramai 200 orang peserta kesemuanya yang telah menghadiri seminar tersebut yang kebanyakannya dihantar oleh badan-badan gabungan PKPIM seluruh negara.<sup>34</sup>

Terdahulu daripada Seminar tersebut, wakil-wakil dari setiap badan gabungan PEMIAT sudahpun bertemu di dalam "Persidangan Kedua PEMIAT" yang diadakan di Jakarta pada 1 - 4 Februari 1970. Dan PKPIM telah menghantar seramai 7 orang perwakilan untuk menghadiri persidangan tersebut yang diketuai oleh saudara Anwar Ibrahim, YDP PKPIM. Anggota-anggota yang lain itu terdiri dari:-

Sdr. Mohd Jamil Mokmin (SUA)

Sdr. Shahabuddin Rashid

Sdr. Hanafi Ramli

Sdri. Salimah Ab. Samad

Sdri. Maznah Ishak.<sup>35</sup>

Di dalam persidangan tersebut 3 orang wakil PKPIM telah dipilih untuk menduduki kerusi EXCO PEMIAT, iaitu:-

Sdr. Zakaria Hashim - Sekreterias General

Mohd Jamil Mokmin - S/U Penerbitan

Shahabuddin Rashid - S/U Kewangan

Pada tahun berikutnya PKPIM telah menghantar seramai 17 orang wakil ke "Seminar PEMIAT Yang Pertama" yang diadakan di Universiti Singapura pada 6 - 13 Mac 1971. Seminar perkaderan ini diadakan adalah dengan tujuan melatih pemimpin dari setiap badan gabungan agar menjadi lebih berani, dedikasi dan berpandangan luas serta dapat mengekalkan hubungan yang rapat dengan PEMIAT. Mereka yang telah dihantar untuk menyertai seminar perkaderan ini adalah terdiri dari:-

Sdr. Abu Asmara (TYDP) - Ketua Perwakilan

Sdr. Kamaruddin Mohd Nor (SUA PKPIM)

Sdr. Shahabuddin Rashid (Bekas SUA - tahun 1969/70)

Sdr. Halim Abdullah (NYDPI)

Sdr. Osman Bakar (S/U Penerangan)

Sdr. Ismail Yusoff (S/U Penerbitan)

Sdr. Jalil Din (S/U Tadbir)

Dan EXCO dari badan gabungan PKPIM yang lain.<sup>36</sup>

Penyertaan PKPIM ke Seminar Perkaderan ini telah memberi erti yang sangat besar kepada pergerakan PKPIM terutamanya di dalam proses meletakkan perjuangan PKPIM di atas landasan yang sebenarnya, sesuai dengan tuntuan Al-Qur'an dan Al-Hadith. Di dalam seminar tersebut banyak perkara-perkara telah dibincangkan melalui majlis-majlis diskusi, forum dan perbincangan yang telah secara langsung menyentuh aspek-aspek yang "fundamental" di dalam gerakan. Ini termasuklah soal-soal strategi yang harus digunakan, soal perlunya pemahaman yang kemasakini tentang perkembangan politik semasa yang berlaku di negara berkenaan dan juga soal-soal pemahaman tentang struktur sosial masyarakat setempat agar pendekatan yang digunakan itu akan lebih mudah diterima. Untuk tujuan ini beberapa kertas kerja juga telah dibincangkan yang dikira sesuai dengan tujuan dan usaha untuk menimbulkan kefahaman di kalangan para pimpinan di dalam aspek-aspek yang dikatakan di atas itu. Di antara kertas kerja yang telah dibentangkan di dalam seminar itu ialah:-

"Masalah Sosial Kultural Umat Islam di Asia Tenggara" oleh Prof Syed Hussain Al-Attas.

"Perkembangan Politik Asia Tenggara" oleh Anwar Ibrahim

"Dasar Berorganisasi" oleh Ahmad M.S. dari HMI

"Nilai dasar Perjuangan Islam" oleh Nurcholis Majid (Indonesia).

"Leadership Dalam Perjuangan" oleh Pak Subchan (Indonesia).<sup>37</sup>

Sebagai kesannya, kita dapati, bentuk perancangan yang digunakan di dalam latihan perkaderan PEMIAT ini telah banyak mempengaruhi corak latihan PKPIM itu sendiri kemudiannya. Sebagai contoh ialah tentang penekanan terhadap aspek "Ibadah Khusus" di dalam latihan yang mana sebelumnya, aspek ini tidak diberikan penekanan yang utama di dalam setiap latihan pimpinan PKPIM. Tetapi setelah berlakunya proses pertukaran pengalaman dan cara pendekatan di dalam latihan, maka idea seperti ini telah diperkenalkan pula di dalam latihan-latihan anjuran PKPIM. Pada masa itu aspek ibadah khusus ini dikenal sebagai latihan rohani.

Walau bagaimanapun Latihan Perkaderan PEMIAT ini bukanlah hanya satu-satunya latihan yang telah mempengaruhi bentuk latihan PKPIM, kerana sebelum daripada itu telah kerap kali benar para pimpinan PKPIM menyertai latihan yang dianjurkan oleh persatuan pelajar Islam Indonesia. Sebagai contoh, Anwar Ibrahim sendiri telah pernah menghadiri program latihan HMI yang dipanggil "Training Ideopoliter Upgrading Coheti" yang diadakan di Medan pada 20 - 28.7.70 bersama-sama dengan seorang perwakilan dari PKPM iaitu saudara Sidek Montak.

Pada tahun-tahun yang berikutnya, pertukaran delegasi antara PKPIM, HMI dan USMS dilanjutkan lagi sehinggalah ke bidang-bidang yang lebih luas seperti kebudayaan dan lawatan sambil belajar. Dalam bulan Oktober 1971 misalnya, satu rombongan PKPIM seramai 7 orang<sup>38</sup> telah dihantar ke Indonesia (dalam konteks PEMIAT) dengan

tujuan meninjau perkembangan pergerakan pelajar Islam di sana sambil menghadiri "Persidangan Nasional Himpunan Mahasiswa Islam Indonesia", yang diadakan pada masa itu di Jakarta. Dari lawatan seperti itu banyak pertemuan-pertemuan telah diadakan dengan EXCO HMI dan USMS dan perbincangan-perbincangan telah diadakan dalam hal-hal yang menyentuh soal-soal pokok dan basik dalam pergerakan terutama tentang bagaimana harus peranan yang lebih berkesan dimainkan oleh tiap-tiap badan gabungan PEMIAT dalam memperluas dan memperdalamkan lagi fahaman Islam di kalangan masyarakat Islam Asia Tenggara.

Tetapi perhubungan PKPIM dengan PEMIAT pada tahun-tahun yang berikutnya telah menjadi agak renggang. Kerenggangan adalah disebabkan oleh dua sebab yang utama: Pertama, PKPIM melahirkan reaksi yang kurang senang terhadap "Idea pembaharuan" yang cuba diperkenalkan oleh Sdr. Nurcholis Ab. Majid (dari HMI) pada masa itu. PKPIM menganggap "idea" ini mempunyai unsur-unsur sekular. Walaupun "idea pembaharuan" ini tidak menyentuh soal-soal aqidah, tetapi PKPIM merasa bimbang kemasukan "idea" ini nanti boleh mengorbankan sebahagian daripada aspek-aspek prinsip dalam gerakan Islam.

"Idea Pembaharuan" yang cuba diperkenalkan oleh Nurcholis di dalam gerakan Islam adalah tidak lebih dari satu "methode" atau satu strategi dalam gerakan, yang mana mengikutnya perlu dipergunakan oleh gerakan Islam di dalam suasana Islam yang sedang dikongkong oleh pemikiran yang sekular. Mengikutnya gerakan Islam harus menggunakan cara yang tidak Islamik demi mencapai cita-citanya. Sebagai contoh katanya lagi gerakan Islam harus bertoleransi dengan gerakan atau pihak-

pihak bukan Islam atau pihak yang bukan berjuang untuk menegakkan Islam agar dengan itu nanti unsur-unsur Islam dapat diterapkan ke dalam pertubuhan tersebut melalui hubungan dan kerjasama yang diujudkan itu.

Kesemua method tersebut tidak dipersetujui oleh PKPIM dan tentangan PKPIM ini disokong oleh USMS. Reaksi kurang senang ini disuarakan oleh PKPIM adalah disebabkan PKPIM merasakan bahawa di dalam Islam tidak ada dan tidak harus gerakan Islam itu menggunakan dasar "ala Macheavelli" yang berperinsipkan "the ends justify the means". Lantas berikutan dari reaksi PKPIM seperti ini, saudara Ramli Ibrahim sebagai Sekreterias Jeneral Bahagian Antarabangsa PEMIAT bagi sessi 1972/73 telah mengeluarkan kenyataan bahawa hubungan PKPIM dengan PEMIAT akan diteruskan tetapi tertakluk kepada sikap HMI terhadap "Idea Pembaharuan" yang dibawa oleh Nurcholis Majid itu.<sup>39</sup>

Sebab kedua yang membawa kepada kerenggangan perhubungan di antara PKPIM dengan PEMIAT ialah berekoran dari perkembangan dan siri kegiatan-kegiatan PKPIM, USMS dan HMI yang nampaknya semakin aktif dan mencabar hasil dari kerjasama mereka di dalam PEMIAT. Kerana itu segala kegiatan mereka telah diperhati oleh kerajaan ketigatiga buah negara tersebut. Hal yang seperti ini semakin diberi perhatian apabila berlakunya Demonstrasi 3 Disember 1974 (Baling) yang dianjurkan oleh PKPIM. Maka sebagai kesannya Persidangan Agong PEMIAT Ke 4, yang diadakan di Singapura telah hampir-hampir tidak dapat diadakan kerana disekat oleh kerajaan Singapura atas alasan pertubuhan PEMIAT ini tidak

sah dari segi undang-undang. Walau bagaimanapun persidangan itu dapat juga diteruskan.<sup>40</sup>

Selain daripada itu, pengenaan Akta Universiti dan Universiti Kolej 1975 (pindaan) juga telah menjadi sebab mengapa hubungan PKPIM dengan PEMIAT menjadi semakin longgar. Akta Universiti ini telah menyebabkan organisasi PKPIM sendiri menjadi longgar dan lemah kalau dibandingkan dengan organisasi PKPIM sebelum Akta itu dikenakan. Di samping itu PMIUS sendiri ada menghadapi masalah dalamannya yang tersendiri yang berakibat dari tekanan pihak kerajaan Singapura ke atas pergerakan PMIUS.

Walau bagaimanapun badan ini tetap dikekalkan dan persidangan Agong PEMIAT tetapi diteruskan setiap 2 tahun sekali. Tetapi perhubungan yang hanya berbentuk demikian tidak mempunyai apa-apa "significance" lagi kerana hasil dari perhubungan yang seperti itu tidak melahirkan program-program yang benar-benar memberi makna kepada pergerakan PKPIM dan PEMIAT sendiri. Dan kelemahan seperti ini memang disedari oleh semua pihak khususnya PKPIM. Kerana itu, dalam Persidangan Agong Tahunan PKPIM yang berlangsung pada 21 - 23 September 1979 di Fakulti Sains UKM, baru-baru ini, telah diputuskan bahawa usaha-usaha akan dipergiatkan semula untuk mengujudkan hubungan yang lebih rapat antara PKPIM dengan PEMIAT sesuai dengan arus kebangkitan Islam yang sedang terasa di mana-mana sekarang ini.<sup>41</sup>

### 3.3.2 HUBUNGAN DENGAN IIFSO (International Islamic Federation of Student Organization)

PKPIM telah mula menjadi anggota gabungan kepada badan antarabangsa ini sejak tahun 1971 lagi. Penggabungan PKPIM di dalam badan IIFSO ini adalah dengan tujuan mengujudkan satu untaian gerakan Islam sedunia yang teratur yang dapat saling bantu membantu di antara satu sama lain. Ini bersesuaian dengan tujuan penubuhan IIFSO itu sendiri yang bertujuan antara lain,

- To Strengthen the Islamic movement among students on national scale and advancing all possible assistance to the member organizations.
- To bring about cooperation and coordination among all member organizations.
- To fight against all forms of destructive ideologies.
- To exchange experiences among the students Islamic organizations with the aim of unification style and method of work.<sup>42</sup>

Di dalam Persidangan Agong IIFSO kali ke 4 yang diadakan di Istanbul Turki pada 1 - 6 Julai 1977 yang lalu PKPIM telah menghantar 2 orang perwakilannya bersama dengan seorang perwakilan dari ABIM. Mereka ini terdiri daripada

Wan Hamid Wan Teh

- Yang Dipertua PKPIM

Mohd Zaidi Nordi

- Setiausaha Agong PKPIM

Anwar Ibrahim

- Presiden ABIM.<sup>43</sup>

Hasil dari persidangan tersebut, Saudara Anwar Ibrahim dari ABIM telah turut terpilih untuk duduk di dalam Jawatankuasa bagi kawasan Asia.

Dari segi bentuk tindakannya IIFSO telah merangka tingkat-tingkat tindakannya yang tertentu bagi faedah anggota gabungan pertubuhan itu. Dan melalui tindakan inilah PKPIM turut mendapat faedah. Secara kasarnya terdapat tiga garis tindakan (line of action) IIFSO yang telah diputuskan oleh persidang Agong IIFSO kali ke 4 tahun 1977 yang lalu:-<sup>44</sup>

a) The First Line of Action

"First line of action" ini adalah berpusat kepada "the spread of the objective prudent of Islamic teaching in different languages". Bagi mencapai tujuan ini IIFSO telah memilih sebanyak 18 buah buku yang ditulis oleh penulis-penulis Islam yang terkenal seperti Syed Qutb, Abul 'Ala Maududi, Maryam Jameelah, Mohammad Qutb dan lain-lain lagi untuk diterjemahkan ke dalam 24 bahasa seluruh dunia. Di antara bahasa tersebut ialah: Arab, Turki, Urdhu, English, Persian, Malayalam, Gujerati, Hindi, Tamil, Sinhalese, Pushto, Melayu, Bengali, German, Perancis, Portugese, Yugoslavia, Itali, Somahili, Jepun, Thai, Indonesia, Kanada dan Marathi. Dan sehingga tahun 1977 terdapat sebanyak 113 jenis buku telah diterjemahkan yang kesemuanya berjumlah 2 juta buah. Di dalam aspek ini PKPIM telah turut berpeluang menerima buku-buku dari edaran tersebut untuk pembacaan ahli-ahlinya. Dan sumbangan dari pengedaran buku-buku tersebut terhadap menambahkan lagi pengetahuan dan kefahaman Islam adalah begitu ketara sekali di negara ini terutama apabila buku-buku Islam yang ditulis oleh penulis-penulis tempatan begitu sedikit sekali bilangannya.

b) Second line of Action

Garis tindakan di peringkat kedua ini adalah berkisar kepada tujuan untuk merapatkan lagi pandangan-pandangan politik, pergerakan dan penyebaran Islam (to bring as closer as possible activist, propagational and political points of view). Ini dilakukan melalui pengedaran "bulletin" mingguan "AL-AKHBAR", yang diterbitkan oleh IIFSO sejak dari penubuhannya pada tahun 1969 lagi. Bulletin "AL-AKHBAR" (yang mempunyai sebanyak lebih kurang 8 muka surat pada setiap kali keluaran) telah memainkan peranan penting di dalam menyiaran berita semasa yang berlaku di negara-negara Islam seluruh dunia, juga sebuah artikel bagi menerangkan konsep-konsep tertentu tentang Islam atau konsep yang telah disalahgunakan oleh orang-orang bukan Islam dengan tujuan menjatuhkan nama Islam itu sendiri.

c) The Third line of Action

Tindakan di peringkat ini adalah bertujuan "to build up contacts with member as well as non-member organizations and with students studying in different countries of the world". Hubungan ini dijalankan melalui konferensi-konferensi, pertukaran buku-buku dan bahan bercetak, melalui bantuan (assistance) secara langsung dan juga melalui hubungan yang rapat dengan anggota pertubuhan yang lain yang boleh memberi bantuan baik material dan perkhidmatan kepada anggota pertubuhan yang memerlukannya.

Hasil dari kerjasama dan hubungan ini PKPIM selalu sahaja menerima tetamu dari anggota IIFSO yang lain dalam usaha merapatkan

hubungan dan meninjau perkembangan pergerakan yang berlaku di sini.

Dalam satu seminar anjuran PKPIM yang dipanggil "Seminar Hal Ehwal International PKIM" yang diadakan di Maktab Teknik pada 25 - 28 Jun 1970, misalnya, Dr. Ahmad Totonji, Setiausaha Agong IIFSO telah turut hadir menyertai forum di dalam seminar tersebut.<sup>45</sup>

#### 4. PERUNDINGAN DAN DEMONSTRASI

Selalunya apabila disebut sahaja tindakan pelajar maka yang tergambar di kepala orang ramai ialah tindakan demonstrasi. Manakala demonstrasi yang dimaksudkan itu pula telah diberi gambaran yang begitu buruk sekali oleh pihak yang berkuasa, seolah-olah mempunyai motif yang jahat dan motif untuk mengganggu ketenteraman orang ramai dan negara. Langkah ini mungkin merupakan satu teknik yang digunakan oleh pihak berkuasa untuk menimbulkan rasa kebencian di kalangan orang ramai terhadap sebarang tindakan demonstrasi pelajar agar dengan itu tindakan demonstrasi pelajar-pelajar akan berkurangan. Juga untuk menunjukkan kepada pihak orang ramai bahawa pihak berkuasa ada mempunyai justifikasi di dalam tindakannya untuk menyekat tindakan demonstrasi ini.

Sebenarnya di dalam konteks PKPIM apabila disebut tindakan pelajar maka demonstrasi ini adalah merupakan satu tindakan yang paling akhir, iaitu selepas lain-lain cara tindakan seperti melalui meja perundingan dan memorandum telah gagal. Pun demikian tiap demonstrasi yang diadakan itu tetap tidak lari dari motif yang jujur dan rational dan berfaedah untuk kesejahteraan masyarakat umumnya. Dan juga bukanlah setiap isu yang dibangkitkan oleh PKPIM itu akan berakhir dengan

demonstrasi sekiranya penyelesaian di meja perundingan atau melalui ketetapan yang diambil itu telah gagal dilaksanakan.

Banyak isu-isu yang ditimbulkan oleh PKPIM yang menyentuh soal-soal moral, intelektual, politik, ekonomi, akademik dan lain-lain lagi yang dikira amat penting kepada masyarakat tetapi telah tidak sampai ke pengetahuan orang ramai tetapi tidak pula diikuti oleh demonstrasi. Dan isu-isu yang mereka timbulkan ini bukanlah merupakan satu isu yang sengaja diada-adakan tetapi adalah lahir dari kesedaran yang berdasarkan kepada ideologi yang mereka pegang itu. Di antara yang paling penting ialah isu Universiti Islam, Maktab Perguruan Islam, Soal Filem-Filem Lucah, soal Bahasa Kebangsaan, Soal Pembalakan Endau Rompin, Soal Penindasan Rakyat Islam di Selatan Thailand, Soal campur tangan Amerika Syarikat di dalam Perang Asia Barat, Soal Kemiskinan yang meluas di kalangan masyarakat desa, Soal Pengiktirafan Ijazah Universiti Taiwan dan Nanyang dan lain-lain lagi.

#### 4.1 UNIVERSITI ISLAM

Isu Universiti Islam (U.I) adalah merupakan satu isu yang telah lama ditimbulkan dan diperjuangkan oleh PKPIM, bahkan sejak dari awal penubuhannya sehingga sekarang ini persoalan ini tidak jemu-jemu ditimbulkan di dalam setiap Persidangan Agong Tahunan PKPIM. Dan kemuncak kepada perjuangan ini membawa kepada berlangsungnya satu kongres yang dianjurkan oleh PKPIM yang khusus membincangkan persoalan ini yang dipanggil sebagai "Kongres Universiti Islam" yang telah di-

adakan di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan pada 3 Ogos 1971.<sup>46</sup>

Beberapa kertas kerja telah dibentangkan di dalam kongres itu, di antaranya oleh Prof. Zainal Abidin Wahid (pada waktu itu menjadi Dekan Fakulti Sejarah UKM), oleh Haji Dasuki Hj. Ahmad (dari Biro Ugama UMNO), Kamaruddin M. Zain, Tan Sri Ab. Jalil Hassan (Dekan Fakulti Pengajian Islam UKM) dan lain-lain lagi. Tan Sri Syed Haafar Albar yang sepatutnya membentangkan kertas kerja bagi pihak Biro Ugama UMNO telah tidak dapat membentangkan kertas kerja itu disebabkan timbul sedikit salah faham di antara pihaknya dengan pihak PKPIM.<sup>47</sup>

Kongres Universiti Islam ini telah mendapat liputan yang sangat meluas dari seluruh akhbar tempatan bermula dari 3 Ogos sehingga pada 5 Ogos 1971. Di dalam rencana pengarang Utusan Melayu keluaran 5 Ogos 1971 ada mencatitkan: "Kertas kerja Biro Ugama UMNO memberikan beberapa faktor yang mendorong cita-cita penubuhan Universiti Islam itu. Di antaranya ialah kebimbangan akan meluasnya kerosakan moral manusia kerana perkembangan pengaruh nilai kebendaan yang amat pesat, yang cuma dapat diimbangi dengan pengaruh rohaniah. Faktor yang lain ialah salah faham terhadap Islam itu sendiri serta keperluan untuk menampung pelajar-pelajar ugama bagi mendapat peluang meneruskan pengajian tinggi mereka".<sup>48</sup>

Hasil dari kongres tersebut seramai 22 orang anggota penaja penubuhan Universiti Islam ini telah dilantik. Di antaranya termasuklah:-

1. Datuk Ab. Rahman Yaacob - Ketua Menteri Sarawak
2. Tun Datu Mustapha - Ketua Menteri Sabah
3. Datuk Harun Hj. Idris - Menteri Besar Selangor
4. Datuk Mohd Asri Hj Muda - Menteri Besar Kelantan
5. Tan Sri Prof. Ab. Jalil Hassan - Dekan Fakulti Pengajian Islam UKM
6. Prof. Syed Mohammad Naguib - Dekan Fakulti Sastera UKM
7. Tan Sri Syed Nasir Ismail - Naib Presiden UMNO
8. Prof Zainal Abidin Wahid - Dekan Fakulti Sejarah UKM
9. Dan lain-lain lagi.<sup>49</sup>

Tetapi kesungguhan serta semangat dalam usaha penubuhan Universiti Islam itu telah menurun berikutan dari beberapa perkembangan yang berlaku selepasnya. Pertama disebabkan oleh kejayaan penubuhan Universiti Kebangsaan yang juga turut ditaja oleh orang-orang yang sama. Lantaran itu keghairahan untuk menubuhkan Universiti Islam menjadi mengurang disebabkan oleh tumpuan, samada tenaga perancangan dan kegembiraan dicurahkan ke arah itu. Keduanya disebabkan oleh pertukaran Menteri Pelajaran baru, iaitu Datuk Hussain Onn yang nampaknya tidak begitu positif terhadap penubuhan Universiti Islam ini. Di dalam ucapannya semasa berada di Kota Bharu pada 6 Mei 1971, dia ada membuat kenyataan bahawa "Kerajaan tidak pernah berjanji untuk menubuhkan Universiti Islam dan kerajaan tidak dapat melaksanakan penubuhan Universiti tersebut".<sup>50</sup> Ketiga adalah disebabkan orang yang sebenarnya menjadi tenaga penggerak dan bercita-cita terhadap penubuhan Universiti Islam ini, iaitu Dr. Ungku Omar telah terlebih dahulu pulang ke Rahmatullah, sebelum hasrat ini menjadi realiti. Bagaimana pasti dan positifnya

beliau tentang keujudan Universiti Islam ini dapat dilihat dari jaminannya yang mengatakan "Universiti Islam tetap akan ujud dalam tahun 1971"<sup>51</sup>

Walau bagaimanapun bagi PKPIM cita-cita untuk melihat Universiti Islam ini tegak di negara ini tetap tidak luput walaupun UKM telahpun ditubuhkan. Memang dalam banyak hal PKPIM turut menyokong penubuhan Universiti Kebangsaan, tetapi Universiti Kebangsaan tidaklah menjadi satu alternatif kepada penubuhan Universiti Islam. Penubuhan Universiti Kebangsaan mungkin dapat menyediakan tempat yang lebih kepada orang-orang Melayu (Islam) bagi mengikuti pelajaran tinggi yang selama ini amat sedikit sekali orang-orang Melayu yang mendapat kesempatan tersebut. Tetapi sebenarnya falsafah di sebalik penubuhan Universiti Islam bukanlah merupakan satu persoalan "tempat" atau "peluang" yang lebih untuk bangsa Melayu (Islam) tetapi lebih dari itu adalah merupakan persoalan konsep dan ideologi.

#### 4.4.1 Konsep Universiti Islam

Masalah konsep Universiti Islam ini adalah termasuk di dalam perkara-perkara yang turut dibincangkan di dalam Kongres Universiti Islam 1970 dulu. Sebagai contoh, satu kertas kerja yang dibentangkan oleh pihak Biro Ugama UMNO ada menyebutkan "Konsep Universiti Islam itu bukanlah merupakan satu institusi yang hanya mengkaji idea-idea lama sebagai satu cabang kajian kebudayaan. Tetapi ianya hendaklah menjadi tempat dalam mana para mahasiswa, para sarjana dan kakitangan saling bertindakbalas membuat penyelidikan yang bertujuan menyelesaikan masalah-

masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan juga bertujuan menggerakkan semula perjalanan pemikiran Islam".<sup>52</sup> Kertas kerja itu juga ada menyentuh sedikit tentang pergerakan dakwah, yang mana pada ketika itu perkataan "dakwah" itu masih lagi belum digunakan secara meluas. "Ditinjau dari sudut dakwah, Universiti Islam ini lebih mustahak lagi. Peranan dakwah sekarang tidak akan berkesan kecuali para mubaligh itu terdiri daripada orang-orang yang boleh dan sanggup menghadapi berbagai peringkat dan golongan manusia di paras masing-masing"<sup>53</sup>

Di dalam kertas kerja yang dibentangkan oleh Us. Narkhaie Hj. Ahmad yang bertajuk "Mustahaknya Universiti Islam Ditubuhkan" dia telah turut membuat penganalisaan tentang konsep Universiti Islam ini. Di antaranya dia mengatakan:

1. Universiti Islam tersebut hendaklah mempertalikan keugamaan dan akhlak dengan kehidupan; sesuai dengan kehendak Islam yang tidak memisahkan antara dunia dan akhirat, kebendaan dan kerohanian. Ini bermakna Universiti Islam tersebut tidak sahaja mengkaji matematik pelajaran Usuluddin, Syariah tetapi juga kajiannya meliputi bidang-bidang kedoktoran, kejuruteraan, ekonomi dan lain-lain lagi.
2. Universiti Islam hendaklah sesuai dengan kepentingan negara. Ini bermakna ia mestilah mengeluarkan siswazah-siswazah yang boleh menjadi tenaga untuk kepentingan negara dan perkembangannya; iaitu bukan sahaja bagi maksud memenuhi jawatan-jawatan berorientasikan ugama tetapi juga jawatan-jawatan pentadbir dan jawatan-jawatan di dalam bidang-bidang perusahaan dan perniagaan.
3. Universiti Islam hendaklah mempunyai tradisi yang tersendiri berdasarkan kepada akhlak Islamiah di dalam kegiatan mahasiswa, pensyarah dan kakitangan yang lain dari kegiatan ilmiah. Hal ini mustahak untuk menjaga identiti Universiti tersebut dan supaya menjadi contoh kepada masyarakat Islam.<sup>54</sup>

Perlu ditegaskan bahawa cita-cita PKPIM untuk menubuhkan Universiti Islam ini adalah sebenarnya bukanlah semata-mata satu keinginan untuk menonjolkan nama "Islam" itu, tetapi serentak dengan nama "Islam" itu, semestilah juga dilaksanakan tuntutan "Islam" itu sendiri. Kerana itu juga PKPIM menolak alasan penolakan penubuhan Universiti Islam ini yang mengatakan bahawa kebanyakan Universiti yang ada sekarang ini sudahpun mempunyai Fakulti Islam (seperti UKM) atau sekurang-kurangnya Jabatan Pengajian Islam (seperti Universiti Malaya). Bagi PKPIM, walaupun sudah terdapat bidang-bidang pengajian Islam di Universiti-universiti tempatan ini, tetapi ia masih lagi belum memenuhi syarat konsep yang diperjuangkan oleh PKPIM itu.

Di dalam hal ini, Syed Naguib pernah mengatakan bahawa universiti-universiti yang ada sekarang ini, walaupun telah berjaya mengajar ilmu yang tinggi yang bisa melahirkan graduan-graduan yang dapat memberi sumbangan yang baik kepada kemajuan kebendaan, namun beliau masih lagi menganggap universiti yang ada sekarang ini sebagai satu badan yang tidak mempunyai otak dan roh. Beliau membuat kenyataan demikian adalah berdasarkan kepada sepotong Hadith Nabi yang berbunyi "Sesungguhnya dalam tubuh (jasad) anak Adam itu ada seketul daging. Bila baik ia nescaya baiklah seluruh anggota tubuhnya dan bila jahat ia nescaya jahatlah seluruh anggota tubuhnya. Ketahuilah, iaitulah hati (Qalbu)" - Riwayat Bukhari dan Muslim.

Beliau seterusnya mengatakan, disebabkan universiti sekarang ini sudah tidak mempunyai otak dan roh atau tegasnya tidak mempunyai

konsep pengajaran yang betul, maka universiti sekarang ini tidak mampu mengeluarkan insan-insan atau pemimpin-pemimpin yang baik dan adil apabila diberi amanah memegang tampok pemerintahan. Dan mengikutnya lagi inilah sebenarnya yang menyebabkan lahirnya keadaan tidak stabil, kucar kacir dalam masyarakat dan lain-lain penyakit sosial seperti keruntuhan moral, rasuah, penipuan, penindasan, dadah dan lain-lain lagi.<sup>55</sup>

Ideologi Islam yang dipegang oleh PKPIM adalah diyakini dengan sepenuhnya oleh para pendokongnya bahawa ISLAM akan membawa kesejahteraan kepada umat manusia jika ianya diamalkan di dalam masyarakat. Maka kerana itu hasrat untuk menubuhkan Universiti Islam ini adalah merupakan satu jalan untuk jangkamasa panjang bagi menyelesaikan masalah umat dan seterusnya melahirkan keadaan keadilan dan keharmonian di dalam masyarakat. Dan di samping perubahan universiti ini dapat memperbaikkan segala kekeliruan terhadap faham Islam, diharapkan universiti ini juga dapat mengeluarkan pemimpin-pemimpin yang amanah, adil, bertanggung terhadap pembinaan moral yang tinggi di kalangan masyarakat.

Justru dari keperluan yang begitu utama itu, maka PKPIM telah menjadikan isu penubuhan Universiti Islam ini satu isu yang prinsipal yang akan terus diperjuangkan sehingga Universiti Islam benar-benar tertubuh. Dalam Muktamar PKPIM kali yang ke 17 yang diadakan pada 29.9.1978 hingga 1.10.1978, salah satu dari keputusan usul PKPIM ialah mendesak "supaya kerajaan menubuhkan satu Jawatankuasa Petugas Universiti Islam dan menetapkan tarikh sebenar bagi penubuhan universiti

tersebut yang didasarkan kepada janji kerajaan bahawa Universiti Islam akan ditubuhkan selewat-lewatnya tahun 1975 iaitu hasil rumusan Seminar Peradaban Islam (1967) dan Kongres Universiti Islam (1971), yang telahpun dibentuk Jawatankuasa Penajanya.<sup>56</sup>

#### 4.2 FILEM LUCAH

Di sekitar tahun-tahun 1970an, rakyat Malaysia telah disogokkan dengan filem-filem seks dengan cara yang begitu meluas sekali. Akibat dari penayangan yang begitu meluas ini, menyebabkan ramai golongan tampil menyuarakan rasa tidak senang mereka dengan sikap kerajaan yang terlalu membenarkan kemasukan filem-filem tersebut tanpa sebarang kawalan. Dalam pada itu ramai juga golongan yang menyatakan sokongan mereka terhadap penayangan filem-filem tersebut dengan alasan, "hiburan biasa" yang tidak akan meninggalkan kesan apa-apa kepada penonton malah sebaliknya akan menambahkan lagi ke-matangan penonton terhadap perkembangan seks yang dianggap mereka sebagai satu yang "natural".

Jadi di dalam suasana pertentangan pendapat di antara pros dan cons ini pihak kerajaan telah menukuhan satu Jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Khas Parlimen bagi menilai pendapat umum tentang penayangan filem seks tersebut. Maka PKPIM sebagai sebuah pertubuhan Islam yang sentiasa memandang berat terhadap keperluan pembinaan moral yang tinggi di kalangan masyarakat Malaysia ini, telah menghantar satu memorandum kepada Jawatankuasa tersebut. Dan sikap PKPIM di dalam hal ini adalah menentang penayangan filem ter-

sebut dengan alasan antaranya:-

1. Penayangan filem-filem tersebut telah menyentuh secara langsung nilai-nilai moral, fahaman dan falsafah Islam itu sendiri.
2. Penayangan filem-filem tersebut boleh menjauhkan lagi masyarakat Islam, khususnya golongan muda ke arah mengamalkan prinsip-prinsip Islam yang berdasarkan Al-Quran dan Hadith.
3. Filem adalah merupakan satu model yang berkesan di dalam proses pembelajaran. Jadi unsur-unsur seperti keganasan perlakuan seks, free sex, free love, cara hidup hippie, penggunaan dadah yang ditayangkan di dalam filem-filem itu akan ditiru oleh mereka yang menonton filem tersebut lebih-lebih lagi golongan muda.
4. Penayangan filem seks ini akan menyebabkan pemikiran rakyat akan tertumpu kepada persoalan jantina dan seterusnya akan mematikan perkembangan intelektualisme seseorang yang mana ini juga adalah adalah bertentangan dengan semangat Rukun Negara sendiri yang mempunyai orientasi bagi melahirkan sebuah masyarakat yang mempunyai daya kreatif dan sebuah masyarakat yang mempunyai tata susila dan budi bicara yang murni.
5. Filem-filem seks itu adalah merupakan satu cabaran yang nyata kepada ugama dan budaya timur yang diasaskan kepada unsur-unsur rohani.<sup>57</sup>

Jadi berdasarkan kepada alasan-alasan di atas (ada 13 alasan kesemuanya), maka PKPIM mengesyorkan supaya,

1. Kerajaan mengharamkan sama sekali filem-filem seks, bahan-bahan bacaan, penerbitan, iklan-iklan lucu serta lain-lain perkara yang akan menimbulkan gejala nafsu seks dari dimasuk, disebar, diedar atau ditayangkan di mana-mana tempat di negara ini.
2. Kerajaan hendaklah mengkaji semula kedudukan Lembaga Penapis Filem supaya dapat dimainkan peranannya yang benar-benar bermakna di dalam membentuk masyarakat Malaysia yang mempunyai tata susila dan keperibadian yang luhur.<sup>58</sup>

#### 4.3 POLITIK

Di dalam bidang politik juga PKPIM telah turut memainkan peranannya sebagai satu pertubuhan yang bersifat pressure group. Peranan yang dimainkannya di dalam hal ini adalah semata-mata untuk menyatakan sikap dan pendiriannya terhadap satu-satu isu yang timbul dan mendesak pihak yang berkenaan mengambil tindakan yang sewajarnya ke arah penyelesaian mengikut lunas-lunas keadilan.

##### 4.3.1 Peristiwa 14 Jun 1971.

Peristiwa 14 Jun adalah satu peristiwa demonstrasi pelajar-pelajar yang dianjurkan oleh PKPIM bertempat di sepanjang Federal Highway bersempena dengan lawatan Perdana Menteri Thailand, Thanom Kitikachorn ke Malaysia pada tarikh tersebut. Demonstrasi ini dianjurkan adalah dengan tujuan menyatakan sikap penentangan PKPIM terhadap dasar penekanan, kezaliman yang dilakukan oleh regim Thanom tersebut ke atas orang-orang Islam di Selatan Thailand. Seramai lebih dari seribu orang pelajar-pelajar dari Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan telah mengambil bahagian di dalam demonstrasi tersebut.

Kalau kita melihat dari tindakan demonstrasi yang dianjurkan oleh PKPIM pada masa itu, maka sebenarnya ianya bukanlah merupakan satu trend umum pergerakan pelajar yang wujud pada waktu itu, yang sering-kali mengambil langkah berdemonstrasi apakala ada sahaja isu yang timbul. Tetapi lebih jauh dari trend tersebut, ia adalah berpunca dari timbulnya rasa kesedaran, rasa persaudaraan yang mendalam ter-

hadap orang-orang yang seugama dengan mereka dan tindakan ini juga merupakan satu cetusan rasa juang di kalangan para pendokong PKPIM tersebut bagi menentang siapa sahaja yang bertindak ganas dan zalim terhadap orang-orang Islam serta ugama Islam. Dan rasa ini sebenarnya lahir dari didikan serta tuntutan ideologi Islam itu sendiri. Kerana itu walaupun penindasan itu berlaku di negara asing, tetapi PKPIM tetap menganggap masalah orang-orang Islam tersebut sebagai satu masalah mereka juga yang mesti diperjuangkan bersama untuk kebebasan dan hak mereka.

Sebelum dari itu juga, iaitu pada tahun 1970, Majalah SUARA SISWA keluaran Disember 1970 Bilangan 2, telahpun memuatkan berita-berita tentang penderitaan orang-orang Islam di Selatan Thailand. Pada keluaran kali tersebut yang bertajuk "Pattani-Bagaimana Penyelesaiannya?", telah diisi sebahagian besarnya dengan berita-berita perjuangan rakyat Pattani di dalam usaha mereka menentang kezaliman kerajaan Thailand.<sup>59</sup> Sehingga dengan sebab pendedahan yang begitu berani dan terus terang itu kerajaan Malaysia terpaksa menarik balik KDN majalah Suara Siswa tersebut dengan alasan untuk mengelakkan keretakan perhubungan diplomatik di antara Malaysia dengan Thailand.

Demikian juga dengan peristiwa campurtangan Imperialis Amerika di dalam peperangan Asia Barat, telah dipandang oleh PKPIM sebagai satu peristiwa yang secara langsung menyentuh kedudukan umat Islam seluruh dunia. Sokongan Amerika bagi pihak Israel itu adalah merupakan satu sikap dan usaha Amerika sendiri untuk menghancurkan Islam. Oleh itu PKPIM telah bangun bertindak menyuarakan tentang

mereka agar Amerika menghentikan campurtangannya di Perang Arab-Israel tersebut. Dalam masa yang sama juga PKPIM telah menyatakan sokongan mereka terhadap perjuangan rakyat Palestin dalam mengembalikan bumi mereka yang sah itu.

Tentangan PKPIM terhadap campurtangan Amerika ini telah dilakukan melalui satu demonstrasi di hadapan kedutaan Amerika di Jalan Ampang pada 13 Oktober 1973. Seramai lebih kurang 500 orang pelajar telah menyertai dalam demonstrasi tersebut sambil membakar patung Monshe Dayan, Menteri Pertahanan Israel yang telah dipakaikan dengan bendera Amerika. Surat bantahan juga telah dihantar kepada duta besar Amerika sebagai menyatakan bantahan mereka terhadap penglibatan Amerika di dalam perang tersebut serta mendesak Amerika menghentikan dengan segala bantuan yang diberikannya kepada Israel.

#### 4.3.2 Peristiwa 3 Disember 1974

Peristiwa ini adalah merupakan satu peristiwa demonstrasi terbesar pernah dianjurkan oleh PKPIM di mana seramai 8,000 orang pelajar dari Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian dan Institut Teknologi Mara telah mengambil bahagian. Peristiwa bersejarah 3 Disember ini adalah merupakan satu gambaran bagaimana PKPIM itu begitu sensitif dan responsif terhadap perkembangan politik, ekonomi dan sosial yang berlaku di dalam negara. Malah lebih dari itu peristiwa ini menggambarkan bagaimana PKPIM bertanggungjawab secara langsung terhadap memperbetulkan sebarang penyelewengan dan ketidakadilan di dalam pengurusan dan pentadbiran negara sehingga menyebabkan berlakunya

ketidakseimbangan di dalam politik, ekonomi dan sosial negara ini.

Demonstrasi yang berlaku itu dikatakan berpunca dari masalah kemiskinan. Memang masalah kemiskinan ini merupakan satu fenomena biasa yang tidak dapat dielakkan daripada berlaku di mana-mana, tetapi tidaklah bermakna masalah ini harus dilihat dan dihadapi secara yang biasa juga. Pihak kerajaan sendiri menyedari akan hakikat ini. Kerana itu pihak kerajaan telah meletakkan masalah ini sebagai satu masalah yang utama dan "menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan keturunan" telah dijadikan matlamat utama kerajaan melalui Dasar Ekonomi Barunya.

Tetapi bagi PKPIM walaupun matlamat DEB ini telah diterima pada dasarnya, PKPIM tetap melihat ianya masih lagi kekurangan satu unsur yang paling penting yang telah menyebabkan gagalnya perlaksanaan DEB tersebut. Dan demonstrasi yang dianjurkan oleh PKPIM itu bukanlah bertujuan menentang DEB, tetapi bagi menyatakan bahawa di dalam usaha melaksanakan DEB itu telah berlaku beberapa penyelewengan dan lantaran itu menuntut agar diperbaiki dengan segera bentuk-bentuk penyelewengan tersebut. Dan tuntutan ini telah dinyatakan melalui demonstrasi kerana cara lain tidak mungkin mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan.

PKPIM sesuai dengan kepercayaan yang dipegangnya melihat dasar moral, yang merupakan unsur terpenting bagi kejayaan-kegagalan satu-satu rancangan itu, telah tidak diberikan penekanan yang sesuai di dalam DEB. Bagi PKPIM dasar moral ini sepatutnya diberikan penekanan

yang utama dan dijadikan semangat kepada perlaksanaan DEB tersebut.

Kerana itu di dalam 12 tuntutan yang dikemukakan oleh PKPIM semasa demonstrasi tersebut, walaupun tidak menyatakan faktor ini sebagai satu faktor yang tersendiri, tetapi jelas menggambarkan bahawa unsur inilah yang menjadi dasar kepada tuntutan mereka itu. Di antaranya dapat kita lihat seperti di bawah ini:-

1. Para Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Politik, serta Wakil-Wakil Rakyat hendaklah berkhidmat jujur serta berhati-hati di dalam menggunakan amanah rakyat.
2. Mempastikan kelincinan perlaksanaan Perbadanan Kemajuan Negeri-Negeri dengan menghapuskan penyelewengan pentadbiran dan rasuah pada semua peringkat.
3. Menghentikan semua projek yang membazirkan wang rakyat.
4. Mempastikan semua settingan, boroh serta pekerja-pekerja kilang mendapat pembelaan yang adil dan berperikemanusiaan serta mengambil tindakan yang tegas terhadap majikan-majikan yang mengambil kesempatan mengeksplorasi tenaga pekerja kilang serta menjamin gaji pada kadar minima yang menasabah.<sup>60</sup>

Dari satu segi yang lain pula segala tuntutan seperti di atas (12 tuntutan kesemuanya) adalah secara langsung menggambarkan sikap serta ideologi perjuangan PKPIM itu sendiri. Islam, sebagai satu ideologi pegangan PKPIM, kalau ditinjau dari sudut sosial ada mempunyai satu dasar moral yang kalau diamalkannya akan melahirkan kesejahteraan umat manusia seluruhnya. Maka gagalnya mengujudkan satu keadaan ke-

sejahteraan di dalam masyarakat itu menggambarkan gagalnya memasukkan satu dasar moral yang sepatutnya menjadi roh kepada segenap polisi yang dirangkakan itu, yang mana ini adalah merupakan faktor utama kepada kejayaan dan kegagalan kepada setiap polisi tersebut.

Siri "Perarakan Kelaparan" yang ditunjukkan oleh seramai 13,000 hingga 30,000 penduduk daerah Baling yang bermula dari tarikh 19 November 1974 hingga 30 November 1974 menunjukkan terdapatnya paradoks terhadap keadaan ekonomi rakyat negara ini. Dari satu sudut digambarkan bahawa Malaysia dengan perlaksanaan DEBnya sedang mencapai taraf ekonomi yang semakin meningkat. Tetapi dari sudut yang lain pula, di dalam suasana Pendapatan Negara yang semakin meningkat itu, terdapat keadaan kemiskinan yang semakin meluas, sehingga membawa kepada peristiwa "Perarakan Kelaparan" di Baling itu. Dan PKPIM sebagai satu persatuan pelajar yang menjadi lidah penyambung kepada suara rakyat telah menyatakan sokongannya terhadap tindakan penduduk Baling itu. Di dalam masa yang sama sesuai dengan sifatnya sebagai golongan terpelajar telah turut mendedahkan rahsia di sebalik keadaan paradoks yang ujud itu: iaitu tiadanya satu dasar moral di dalam perlaksanaan DEB itu yang mana akibat dari itu berlakulah berbagai bentuk penyelewengan, rasuah, tidak amanah dan lain-lain yang sehubungan dengannya.

Semasa demonstrasi itu diadakan risalah-risalah diedarkan kepada orang ramai bagi membuktikan bagaimana negara Malaysia yang kaya ini sedang dieksplorasi oleh orang-orang luar melalui DEB. Di antara butir-butir yang didedahkan berbunyi seperti berikut:

"Daripada tahun 1967 hingga 1971 sahaja jumlah modal yang mengalir keluar dari Malaysia ditaksirkan berjumlah \$3,017 juta iaitu tiga kali lebih banyak daripada jumlah Perbelanjaan Negara yang berjumlah sebanyak \$1,007 juta bagi Rancangan Malaysia Pertama. Dalam tahun 1969 sahaja Imperialis British telah merampas kekayaan negara kita sebanyak \$2.2 juta. Jadi di dalam suasana rampasan dan pemerasan yang belum pernah berlaku ini, mengapakah kamu (pihak kerajaan) sibuk menjemput pelaburan asing dengan faedah dan keuntungan untuk mereka yang begitu banyak? Dengan eksplotasi secara terang-terangan terhadap pekerja **dan** petani kita? Sambil membebaskan pula perusahaan asing itu dari cukai?"<sup>61</sup>

Tetapi sebagaimana lazimnya kesemua persoalan dan masalah yang sebenar yang cuba diketengahkan oleh PKPIM itu tidak pernah didedahkan secara terang-terangan kepada umum. Mass media tidak pernah memberikan gambaran yang jelas tentang apakah isu yang sebenar yang diperjuangkan oleh golongan pelajar di dalam demonstrasi mereka. Sebaliknya kesemua isu yang ditonjolkan itu telah diselewengkan dengan cara menonjolkan isu yang lain yang diada-adakan seperti sikap ganas pelajar terhadap polis, serta demonstrasi yang dianjurkan oleh pelajar-pelajar itu telah mengganggu lalu lintas dan ketenteraman umum dan lain-lain lagi.

Tak cukup dengan itu pihak kerajaan pula telah membuat tuduhan bahawa golongan pelajar tadi telah diperalatkan oleh golongan-golongan yang tertentu, terutamanya Kominis yang sentiasa menunggu peluang keadaan huru-hara bagi membolehkan mereka menyelinap masuk ke dalam masyarakat. Lantas dari "justifications" yang digunakan itu, pihak kerajaan telah bertindak menangkap para pelajar, pimpinan pelajar dan mereka yang disyaki terlibat di dalam demonstrasi tersebut dengan alasan

keselamatan negara.

Akibatnya, pihak kerajaan telah berjaya menangkap seramai 1128 orang pelajar dan 13 orang pemimpin pelajar, pemimpin belia dan juga pensyarah.<sup>62</sup> Manakala reaksi rakyat terhadap tindakan menangkap para pelajar dan pemimpin pelajar itu, tidak sedikitpun menggambarkan bahawa mereka membantah terhadap tindakan penangkapan tersebut, malah sebaliknya ada suara-suara yang mengatakan bahawa tindakan kerajaan itu memang sepatutnya dilakukan. Orang ramai terus menyuarakan bahawa para pelajar sepatutnya menggunakan kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan itu untuk belajar dan bukan untuk berdemonstrasi. Dan kalau pun ada perkara-perkara yang tidak memuaskan hati mereka seperti kemiskinan yang berlaku di Baling itu, mereka seharusnya bertindak ke arah penyelesaian masalah tersebut, bukannya menimbulkan kekusutan masalah yang sudah sedia ada itu. Sebagai contoh, para pelajar seharusnya membuat gerakan kutipan derma untuk menolong mangsa-mangsa kemiskinan yang dikatakan berlaku itu.

Pandangan seperti ini adalah merupakan pandangan yang umum dan meluas sekali di kalangan masyarakat pada masa itu. Dan memang sepatutnya mereka berpandangan demikian kerana mereka tidak pernah di-dedahkan dengan keadaan dan tujuan sebenar demonstrasi pelajar-pelajar tersebut. Sebenarnya demonstrasi pelajar-pelajar itu bukanlah hanya disebabkan oleh masalah kelaparan atau kemiskinan semata-mata sebagai satu masalah yang pokok yang terpisah dari sebarang masalah yang lain. Bagi PKPIM masalah kelaparan itu adalah cuma satu masalah ranting dan ia adalah sebenarnya merupakan satu gambaran kepada satu masalah pokok

yang lebih besar dan asas. Kemiskinan bagi PKPIM, merupakan satu gejala atau manifestasi kepada penyakit yang ujud di dalam jentera kerajaan sendiri yang mehyebabkan gagalnya DEB itu. PKPIM melihat, masalah sebenar kegagalan DEB itu ialah tiadanya satu dasar moral di dalam penggubalan DEB itu dan tiadanya kesedaran moral di kalangan mereka yang menggerakkan projek-projek yang dirangkakan itu. Lantaran itu maka lahirlah berbagai-bagai bentuk penyelewengan, rasuah, tidak amanah, cuai di dalam tanggungjawab dan lain-lain yang sehubungan dengannya. Kesemua ini telah dinyatakan di dalam tuntutan serta saranan yang telah dibuat oleh PKPIM semasa demonstrasi itu.

Walau bagaimanapun seperti mana yang telah ditegaskan tadi bahawa demonstrasi yang dianjurkan oleh PKPIM itu bukanlah merupakan satu program tetap yang terencana bagi mencapai matlamatnya. Tetapi sebaliknya ia adalah merupakan bentuk-bentuk tindakan yang timbul dari keadaan semasa yang mendesak. Dan tindakan demonstrasi ini diambil adalah hanya setelah lain-lain tindakan seperti memorandum, perundingan tidak lagi berkesan. Atau kadang-kadang demonstrasi itu dianjurkan adalah bagi menembusi halangan-halangan ke arah meja perundingan. Kerana seperti mana yang biasa berlaku, selepas sahaja satu-satu demonstrasi itu dianjurkan pihak berkuasa akan memanggil wakil-wakil pelajar untuk berunding bagi mendapat persetujuan bersama di atas isu yang ditimbulkan itu. Ini terbukti di dalam banyak demonstrasi yang dianjurkan seperti demonstrasi atas isu Penentangan Campurtangan Amerika di Perang Asia Barat (1973), Isu pembalakan Bangi (1972), Isu Bahasa Kebangsaan Kebangsaan (1970) dan lain-lain lagi.

NOTA KAKI

- 1 Julius Gould, "Student Rebellion," m.s. 15.
- 2 Ibid, m.s. 8.
- 3 Mohammad Abu Bakar, "Mahasiswa Mengquqat," m.s. 13.
- 4 M. Zulfikar Mohammad, "Dakwah Movement In Singapore, Its Social And Political Orientation," m.s. 10.
- 5 Perlembagaan PAS, Bab 2, Fasal 3, m.s. 1.
- 6 Cenderamata Persidangan Agong PKPIM Ke 10, Ucapan Anwar Ibrahim.
- 7 Cenderamata Persidangan Agong PKPIM Ke 12, Ucapan Ramli Ibrahim.
- 8 "Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia," "Pamphelet" keluaran Sektetariat PKPIM, 20B, Jalan Daud, Kampung Bharu, Kuala Lumpur.
- 9 Garis-Garis Tindakan PKPIM, Simposium Pimpinan Pelajar PKPIM Ke 2.
- 10 Perlembagaan GPMS.
- 11 Temuduga: Zakaria Hashim
- 12 Ahmad Haji Faiz, "Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung."
- 13 Opcit.
- 14 Ibid.
- 15 Temuduga: Syed Abu Bakar, Setiausaha Tadbir PKPIM 1978/79.
- 16 Projek Khidmat Masyarakat, anjuran bersama PKPIM-MBM- tinjauan penulis.
- 17 Penulis mengambil aspek sembahyang ini sebagai satu contoh kerana penulis mengira bahawa soal sembahyang ini adalah satu soal yang maha penting. Hadith Nabi ada menyebutkan bahawa:-

"Sembahyang itu tiang ugama. Siapa yang mendirikan sembahyang, maka dia telah mendirikan ugama. Manakala siapa yang meninggalkan sembahyang maka dia telah meruntuhkan ugama".

Dan matlamat PKPIM adalah tidak lain daripada bertujuan untuk menegakkan ugama seperti yang dimaksudkan oleh Hadith tersebut.

- 18 Jamal A. Badawi "Approaches To Muslim Reawakening", "Al-Ittihad" Oktober 1978, m.2. 25.
- 19 S. Kurter, "Bediuzzaman Model For Islamic Renaissance," "Al-Ittihad" Oktober 1978, m.s. 35.
- 20 Ibid
- 21 Surah Al-Maidah, ayat 3.
- 22 Laporan Tahunan PKPIM 1969/70
- 23 Ibid
- 24 Laporan Gerakan Kempen Kesedaran PKPIM 1972/73, m.s. 2
- 25 Surah Ali Imran, ayat 104.
- 26 Laporan Tahunan PKPIM 1970/71
- 27 Laporan Tahunan PKPIM 1971/72
- 28 Laporan Tahunan PKPIM 1972/73
- 29 Laporan Gerakan Kempen Kesedaran PKPIM 1972/73
- 30 M. Zulfikar Mohd. "Dakwah Movement In Singapore, Its Social And Political Orientation." m.s. 9.
- 31 Ibid

32 Ibid

33 Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Fail PKPIM No: 1569.

34 Laporan Tahunan PKPIM 1969/70

35 Laporan Tahunan PKPIM 1970/71

36 Ibid

37 Ibid

38 Delegasi 7 orang dari PKPIM itu adalah terdiri daripada:-  
Ramli Ibrahim (NYDPI PKPIM) - Ketua Rombongan  
Ibrahim Ahmad (ITM)  
Ghazali Hussain (UM)  
Azmi Mohammad (ITM)  
Ismail Yusoff (UM)  
Izzuddin (ITM)  
Habibah Abdullah (UKM). Laporan Tahunan PKPIM 1970/71

39 Temuduga: Ramli Ibrahim

40 Temuduga: Syed Abu Bakar, S/u Kerja PKPIM 1978/79

41 Ketetapan Persidangan Agong Tahunan PKPIM 1978/79

42 Laporan "The 4th General Conference IIFSO" (Istambul) dari 1 - 6 Julai 1977.

43 "RISALAH", Ogos/September 1977.

44 Opcit.

45 Laporan Tahunan PKPIM 1970/71

46 "Cenderamata Kongres Universiti Islam", 3 - 7 Ogos 1971.

- 47 "Kongres Universiti Islam", "Utusan Malaysia", 3 Ogos 1971
- 48 Rencana Pengarang "Utusan Melayu", 5 Ogos 1971.
- 49 "Utusan Melayu", 4 Ogos 1971.
- 50 "Berita Harian", 7 Mei 1971.
- 51 "Panji Masyarakat", Jun 1979 - "PKPIM dan Universiti Islam".
- 52 "Penubuhan Universiti Islam", Kertas kerja oleh Jawatankuasa Kecil Biro Ugama UMNO.
- 53 Ibid
- 54 Cenderamata "Kongres Universiti Islam", Kertas kerja, Us. Narkhaie Hj. Ahmad, bertajuk "Mustahaknya Universiti Islam ditubuhkan".
- 55 "Amanah Kepada Generasi Muda Islam", Ceramah oleh Syed Naguib di Majlis Takruf Anjuran PMIUM, di Kuliah F, Universiti Malaya, pada 15.6.1979.
- 56 "Diskusi", November/Disember 1978, "Universiti Islam Satu Harapan".
- 57 Laporan Tahunan PKPIM 1971/72, Memorandum kepada J/K Parlimen
- 58 Ibid
- 59 "SUARA SISWA", Disember 1970, Bilangan 2.
- 60 "RISALAH", Disember 1974, Bilangan 4, "12 Tuntutan PKPIM".
- 61 "Far Eastern Economic Review", Januari 1975, m.s. 30.
- 62 Opcit - Mereka yang ditangkap ialah:-

- |                           |                               |
|---------------------------|-------------------------------|
| 1. Abdul Rahman Rukaini   | - YDP PKPIM dan YDP PMUKM     |
| 2. Idris Jusi             | - YDP PKPM                    |
| 3. Ibrahim Ali            | - YDP KSITM                   |
| 4. Mohd Shah Mohd Nor     | - SUA PKPIM                   |
| 5. Hassanuddin Yeop       | - TYDP PMUKM                  |
| 6. Basroh Hassan          | - SUA PMUKM                   |
| 7. Ishak Jaafar           | - NYDP KSITM                  |
| 8. Mohd. Hussain          | - SUA KSITM                   |
| 9. Anwar Ibrahim          | - Presiden ABIM               |
| 10. Ramli Ibrahim         | - S/U Kebajikan ABIM          |
| 11. Narkhaie Hj. Ahmad    | - S/U Dakwah ABIM             |
| 12. Dr. Syed Husin Ali    | - Pensyarah Universiti Malaya |
| 13. Tengku Shamsul Bahrin | - Pensyarah Universiti Malaya |

leksional, berikali bagi mereka yang pernah terlibat dalam pertubuhan pelajar-pelajar UTM di kampus-kampus. Namun sahaja di samping ciri tidak adanya seorang pelajar pun di pertubuhan kampus yang menjadi anggota gabungan kepada PKDN, yang termasuknya Kanan literatur dari peristiwaan Akta Universiti 1976 ini.

Bagi ahli PKDN, kelebihan mereka untuk mendidik program-program yang berorientasi mengajar bernalih di kalangan pelajar-pelajar universiti berkongsep sekali halal dibandingkan dengan masa-depan dalam peristiwaan Akta ini. Pada tempoh sebelum Akta dilulusi, kita dapat projek dan misi misi yang merupakan hasil projek yang besar dan bagi itu diketahui oleh PKDN sebagai satu saluran yang penting bagi meningkatkan pelajar-pelajar dan masyarakat dengan bahasan Islam. Pada tahun 1972/73 misalkan, projek dan ini telah dilaksana di 13 buah kampus di Malaysia tetapi dengan penilaian pelajar-pelajar seramai 273 orang yang telah mengikuti kursus selama 4 bulan;<sup>2</sup> iaitu sepanjang masa penggal tiga Universiti (dari Februari hingga Bell), setiap hal yang sebelitnya berkaitan halal, di mana 600 orang diambil setakat di dalam setakat untuk mengkemas pelajar dan alanggu dengan pengiktirafan pelajar-pelajar lebih kurang 50 orang sahaja.

## PENUTUP

Seperti yang dinyatakan di dalam Bab Pertama yang lalu, bahawa tahap PKPIM selepas perlaksanaan Akta Universiti 1975 adalah merupakan zaman gelap bagi PKPIM dipandang dari sudut aktivitinya. Nama PKPIM di kalangan pelajar-pelajar di kampus tidak lagi begitu terkenal, kecuali bagi mereka yang pernah terlibat di dalam persatuan pelajar-pelajar Islam di kampus-kampus. Hal ini mungkin disebabkan oleh tidak adanya sebuah pelajar pun di peringkat kampus yang menjadi anggota gabungan kepada PKPIM, yang juga merupakan kesan langsung dari perlaksanaan Akta Universiti 1975 itu.

Bagi pihak PKPIM pula, kelemahannya untuk mengadakan program-program yang boleh membuatkan namanya terkenal di kalangan pelajar-pelajar adalah amat berkurangan sekali kalau dibandingkan dengan masa-masa sebelum perlaksanaan Akta dulu. Pada tahap sebelum Akta dahulu, kita dapati projek GKK misalnya adalah merupakan satu projek yang besar dan begitu ditekankan oleh PKPIM sebagai satu saluran yang penting bagi mengorintasi pelajar-pelajar dan masyarakat desa dengan fahaman Islam. Pada tahun 1972/73 misalnya, projek GKK ini telah diadakan di 13 buah kawasan di Malaysia ini dengan penglibatan pelajar-pelajar seramai 273 orang yang telah memakan masa selama 4 bulan;<sup>1</sup> iaitu sepanjang cuti penggal tiga Universiti (dari Februari hingga Mei). Tetapi hal yang sebaliknya berlaku selepas Akta, di mana GKK cuma diadakan sekali di dalam setahun untuk jangkamasa selama satu minggu dengan penglibatan pelajar-pelajar lebih kurang 50 orang sahaja.

Alasan yang selalu digunakan dan dapat diterima umum tentang timbulnya keadaan seperti ini ialah "AKTA". Mereka mengatakan bahawa Akta lah yang menjadi sebab utama terbantutnya kebanyakan daripada program pergerakan pelajar. Walau bagaimanapun, pada setengah-setengah orang alasan Akta ini tidak dapat diterima sebagai satu faktor yang pokok. Tetapi sebaliknya mereka mengatakan terdapat alasan-alasan yang lain yang lebih penting seperti kurangnya pemimpin pelajar yang berani tampil ke depan untuk mengambil tugas memimpin persatuan pelajar tadi. Alasan ini adalah didasarkan kepada faktor "kepimpinan", yang merupakan sebagai satu faktor utama di dalam menjadikan satu-satu organisasi itu kuat atau sebaliknya.

Namun demikian sesiapa pun tidak dapat menafikan bahawa "AKTA" adalah satu faktor yang penting yang telah menjadikan PKPIM begitu lemah. Dan penentangan PKPIM yang masih berterusan terhadap perlaksanaan Akta ini ke atas persatuan pelajar-pelajar adalah merupakan satu gambaran betapa Akta ini benar-benar merupakan satu masalah yang harus diselesaikan terlebih dahulu sebelum lain-lain masalah dapat diselesaikan.

Namun demikian, mungkin Akta dalam bentuk "sekatan secara langsung" tidak dapat dijadikan sebagai satu alasan yang konkret tentang kelemahan PKPIM dan pergerakan persatuan pelajar keseluruhannya, kerana di dalam Akta itu sendiri masih terdapat jalan keluar yang dibenarkan untuk persatuan pelajar itu bergerak. Hal ini terbukti bilamana kita dapati kebanyakan EXCO tertinggi PKPIM selepas perlaksanaan Akta itu masih lagi dipegang oleh pelajar-pelajar dari kampus-kampus (lihat

muka surat 57). Walau bagaimanapun Akta ini masih dapat dijadikan satu alasan kalau ianya dilihat dari aspek "tidak langsung" iaitu yang berupa "kesan" atau "implikasi" daripada perlaksanaannya. Dengan perkataan lain implikasi dari perlaksanaan Akta itu, telah menyebabkan ujudnya keadaan "kelonggaran dan kelemahan" di dalam organisasi PKPIM itu sendiri yang berekoran dari kurangnya komitmen dari kalangan para pendokong PKPIM dan juga kurangnya sokongan yang diberikan oleh masyarakat pelajar di kampus. Dan tema Persidangan Agong Tahunan PKPIM 1978/79 baru-baru ini yang berbunyi "KERAPIAN ORGANISASI, PENINGKATAN KOMITMEN" adalah merupakan satu gambaran yang tepat terhadap penyakit yang sedang dialami oleh PKPIM sekarang ini.

Jadi kesan dari perlaksanaan Akta itu di samping mendatangkan beberapa sekatan kepada PKPIM, adalah terutamanya menghilangkan sikap kesungguhan dan komitmen di kalangan para pendokong PKPIM terhadap satu-satu program yang dirancangkannya. Sebagai contoh ialah masalah Universiti Islam. Isu Universiti Islam ini adalah satu isu yang mempunyai hubungan secara langsung dengan ideologi PKPIM itu sendiri yang telah diperjuangkan sejak dari awal penubuhannya sehingga sekarang ini. Dan kepentingan isu yang dapat dilihat dari muka surat 105 .

Dari satu segi memang di dalam hal ini PKPIM terus menyuarakan dan memperjuangkan penubuhan Universiti Islam ini. Ini dapat diperhatikan dari setiap ketetapan yang diambil di dalam setiap kali Persidangan Agong Tahunan PKPIM. Di dalam PAT PKPIM kali ke 17 yang di-

adakan pada 29.9.1978 - 1.10.1978, misalnya, sekali lagi ketetapan ini dibuat yang berbunyi:

"Majlis Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam menggesa supaya kerajaan segera menubuhkan Jawatankuasa Petugas (Task Force) Universiti Islam dan menetapkan tarikh sebenar bagi penubuhan universiti tersebut".<sup>2</sup>

Tetapi soalnya apakah cukup bagi PKPIM dengan hanya mengambil ketetapan dan resolusi sahaja sedangkan pihak PKPIM sendiri sudah sedia maklum bahawa pihak kerajaan tentu sekali keberatan untuk melaksanakan tugas penubuhan universiti tersebut? Apakah Akta telah menghalang PKPIM mengambil daya usaha yang lebih berkesan (lebih daripada setakat hanya mendesak pihak kerajaan), seperti mengadakan satu seminar bagi membincangkan soal penubuhan universiti ini dan seterusnya menyerahkan tugas penubuhan universiti tersebut kepada pihak yang dilantik menduduki Jawatankuasa Penaja penubuhan universiti itu nanti? Penulis merasakan bahawa ramai di antara intelek-intelek Islam yang sanggup bekerjasama di dalam hal ini sepertimana yang pernah ditunjukkan di dalam Kongres Universiti Islam yang telah diadakan pada tahun 1971 dulu.<sup>3</sup> Cuma yang perlu ialah satu usaha ke arah mengumpulkan tenaga-tenaga tadi di dalam satu persidangan yang tentunya mampu dilakukan oleh PKPIM.

Jadi itulah yang dimaksudkan oleh penulis tentang "tidak adanya kesungguhan dan komitmen" di kalangan para pendokong PKPIM di dalam satu-satu projek yang dirangkakan. Dan kelemahan ini adalah merupakan "akibat tidak langsung" dari perlaksanaan Akta

universiti tersebut, sedangkan Akta itu sendiri tidak pernah menghalang PKPIM di dalam menjayakan segala projek yang dirangkakan tersebut. Dan penyakit ini sebenarnya begitu menular di dalam PKPIM sehingga hampir keseluruhan program PKPIM kelihatan sedang dikuasai oleh geruh Akta tersebut padahal Akta itu sendiri tidak lebih dari satu ancaman seekor "hantu raya".

Walau bagaimanapun di dalam suasana ancaman Akta tersebut (sehingga menyebabkan PKPM terkubur), PKPIM tetap masih dapat meneruskan langkah tempangnya di tengah-tengah masyarakat pelajar samada di peringkat Maktab atau kampus. Dan di akhir-akhir ini nampaknya PKPIM semakin meningkatkan usahanya ke arah pengembalian semula peranannya untuk benar-benar menjadi tempat penyatuan tenaga para pendokong dan pencinta Islam bagi masyarakat pelajar di negara ini. Untuk tujuan ini PKPIM telah mengambil sikap bekerjasama dengan badan-badan yang mempunyai persamaan matlamat dengannya ataupun badan-badan yang dapat menolong menyelesaikan sebahagian daripada masalah tekanan yang dihadapinya. Ini adalah sebenarnya satu daripada strategi yang paling bijak diambil oleh PKPIM bagi meneruskan langkahnya di dalam suasana yang demikian tertekan.

Di dalam Bulan Dakwah yang dianjurkan oleh pihak kerajaan pada bulan Disember 1978, yang lalu, PKPIM telah diberi mandat yang sepenuhnya untuk mengendalikan program itu di peringkat pelajar. Mandat seperti ini telah diberikan adalah disebabkan kerjasama yang ujud di antara PKPIM dengan pihak yang berkenaan terutama pihak Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Ini sebenarnya merupakan satu kejayaan

bagi PKPIM yang bukan sahaja dari segi pengiktirafan PKPIM oleh pihak yang berkenaan, tetapi juga kejayaannya dalam menguasai sepenuhnya pembentukan program bulen Dakwah tersebut mengikut pandangan PKPIM.

Kerjasama PKPIM dengan ABIM dan MBM serta Persatuan-Persatuan Pelajar di kampus-kampus juga telah menjadikan PKPIM lebih berkemampuan untuk menonjolkan diri melalui program yang dijayakan bersama dengan pihak-pihak yang berkenaan. Projek Khidmat Masyarakat misalnya, adalah merupakan program tahunan PKPIM yang dijayakan melalui kerjasama PKPIM dan MBM dengan pembiayaan sepenuhnya diberikan oleh pihak MBM. Kerjasama PKPIM dan ABIM pula telah membolehkan PKPIM mengadakan program-program latihan semasa seperti "Latihan Kepimpinan Islam"<sup>4</sup> yang diadakan pada 1.2.1978 hingga 7.2.1978 untuk pelajar-pelajar lepasan pusat pengajian tinggi Australia. Demikian juga, dari hasil kerjasama PKPIM dan ABIM, telah membolehkan PKPIM turut membangkitkan isu antarabangsa seperti "Perjanjian Arab-Israel" yang telah ditandatangani oleh Presiden Anwar Sadat, Perdana Menteri Meneghem Begin dan Presiden Jimmy Carter di Washington pada 26 Mac 1979 yang lalu. Isu ini telah dibincangkan di dalam satu forum, "Pakatan Sadat-Begin", oleh wakil-wakil dari kedutaan Libya, Iraq serta perwakilan dari PLO dan ABIM.

Dari segi sejarah pula, maka satu penghargaan patut diberikan kepada PKPIM di atas sumbangannya melahirkan peribadi-peribadi yang masih gigih memperjuangkan Risalah Allah di negara ini. Bahkan

dapat dikatakan fenomena kebangkitan Islam yang berlaku di negara ini pada tahun-tahun kebelakangan ini sebenarnya telah dicetuskan bersama oleh PKPIM yang bermula sejak tahun-tahun awal 1970an dulu lagi. ABIM, misalnya, yang merupakan sebuah badan pergerakan belia Islam, iaitu sebuah badan dakwah yang paling aktif di negara ini adalah ditubuhkan sendiri oleh PKPIM dengan motif utama untuk menyediakan satu platform yang lebih luas bagi aktivis PKPIM meneruskan usaha-usaha mereka memperhebatkan gerakan Islam setelah mereka tamat pengajian mereka di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini dan juga bagi mereka yang pulang dari luar negeri.

Manakala bagi masyarakat majoriti pelajar-pelajar Islam pula yang tidak berkesempatan duduk bersama-sama dalam barisan pimpinan PKPIM, sekurang-kurangnya telah berpeluang mendapat penerangan yang tepat mengenai Islam mengikut pengertian yang sebenarnya melalui program-program yang dianjurkan oleh PKPIM seperti ceramah ugama, latihan dakwah dan kepimpinan, seminar, forum, kumpulan-kumpulan perbincangan dan juga melalui sebaran artikel dan buku-buku. Melalui saluren-saluran ini PKPIM telah dapat sedikit sebanyak mengubah sikap dan pandangan setengah-setengah masyarakat pelajar yang majoritinya masih kuat diikat oleh konsepsi pendidikan Barat; iaitu konsepsi yang memandang bahawa terdapat pemisahan di antara pemerintahan dan ugama (Churches and States), di antara kehidupan dunia dan kehidupan akhirat dan juga di antara kehidupan individu dan kehidupan masyarakat. Padahal bagi Islam, kesemua aspek-aspek ini tidak dapat dipisahkan, sebaliknya kesemua aspek-aspek ini adalah terangkum di dalam satu keseluruhan .

yang berpaksikan kepada kesatuan aqidah.

Dan individu-individu yang telah memahami konsepsi Islam yang sebenar itu diharapkan akan melahirkan "yunit-yunit peribadi Islam" yang akan berkembang membentuk "yunit-yunit keluarga Islam" dan seterusnya "yunit-yunit kelompok Islam" sehingga sampai kepada pembentukan masyarakat Islam yang sebenar. Perencanaan seperti ini adalah satu perencanaan yang dipadankan dari model Ikhwan-ul-Muslimin yang sudah tentu untuk mencapainya akan memakan waktu yang panjang. Walau bagaimanapun ujudnya perencanaan yang rapi seperti ini telah meletakkan pergerakan PKPIM ke satu kategori "Movement" yang mendokong satu ideologi yang mana ciri ini tidak ada pada lain-lain persatuan pelajar.

#### NOTA KAKI

- 1 Laporan Tahunan PKPIM 1972/73
- 2 "RISALAH", September/Okttober 1978
- 3 "Utusan Melayu", 4 Ogos 1971
- 4 Laporan Tahunan PKPIM 1978/79.

BIBLIOGRAFI

A. BAHAN-BAHAN YANG DITERBITKAN

i) Buku-Buku Rujukan

Wilkinson.P. "Social Movement", Pall Mall Press Ltd. London (1971)

Blau.P.M. "Formal Organization, A Comparative Approach", Chandler Publishing Company, California, U.S.A. (1962).

Mitcheal.R.P. "The Society of Muslim Brothers", London Oxford University Press (1969).

Mohammad Abu Bakar "Mahasiswa Menggugat", Pustaka Antara, Cetakan Pertama (1973).

Gould.J. "Student Rebellion", Today Publication Ltd. London (1969).

Sherwani.H.K. "Mempelajari Pendapat-Pendapat Sarjana Islam Tentang Administrasi Negara", Penerbitan TINTAEMAS, Jakarta (1964)

Ahmad Kamar "Islam Tercabar, Satu Pandangan Perjuangan PAS", Penerbitan Pustaka Ilmu, Kuala Lumpur, Cetakan Pertama 1979.

Hassan Al-Banna "Peraturan dan Arahan", Penerbitan Yazid Jaafar, Kuala Lumpur, 1976.

Zamanhuri Shamsudin "Koleksi PKPIM", Bumiprint Cooperation, Kuala Lumpur (1979).

Maududi, S.A.A. "Islamic Movement, Pre-Requosote For Success", Crescent Publishing Co. Aligarh (India) 1978.

Siddiq Fadhil "Kebangkitan Islam Kenyataan dan Harapan", Bumiprint Cooperation, Kuala Lumpur (1977).

Syed Qutb     "Petunjuk Sepanjang Jalan", Ikhwan Enterprise, Kuala Lumpur (1979)

Syed Naquib Al-Attas    "Islam Faham Agama dan Asas Akhlak", Angkatan Belia Islam Malaysia, Cetakan Pertama 1977.

Hassan Al-Banna    "Risalah Jihad", Holy Koran Publishing House, Damacus (Syria) 1977.

M. Zulfikar Mohd    "Dakwah Movement In Singapore, Its Social and Political Orientation", Academic Exercise, Department of Political Science, University of Singapore, 1978/79.

Hasnah Ibrahim    "Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya, Satu Kajian Tentang Sejarah Penubuhan dan Perkembangannya", Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1978/79

Ahmad Hj. Faiz    "Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung", Kajian Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1978/79.

ii) Majalah dan Akhbar

Suara Siswa, Jilid 2 Bilangan 2, Disember 1970.

Suara Siswa, Jilid 1 Bilangan 1, Disember 1972

Eksposisiwa, Tahun 1 Bilangan 2, 1970/71.

Nusantara, Jilid 1 1968/69

Al-Akhbar, Volume 13, Nombor 9, Januari 1979.

Al-Attihad, Oktober 1978.

Diskusi, Jilid 3: 11/12, November/Disember 1978.

Panji Masyarakat, Tahun (iv), Bilangan 16, Jun 1979.

Far Eastern Economic Review, 10 Januari 1975.

Dewan Masyarakat, Jilid xiv Bilangan 9, September 1976

Dewan Masyarakat, Jilid xv Bilangan 9 September 1977.

Risalah, Bilangan 2 Tahun 1979.

Risalah, Bilangan 4 Tahun 1974.

Berita PKPIM, Jilid 2 Bilangan 2, 1971/72

Suara PKPIM, Julai 1978

Al-Hayat, Bilangan 3 Disember 1977

Utusan Melayu, 4 Ogos 1971.

Utusan Malaysia, 3 Ogos 1971.

Utusan Melayu, 5 Ogos 1971

Berita Harian, 7 Mei 1971.

Risalah, Ogos/September 1977.

B. BAHAN-BAHAN YANG TIDAK DITERBITKAN

Dokumen-dokumen dan Lapuran Resmi

Lapuran Tahunan PKPIM 1968/69

Lapuran Tahunan PKPIM 1969/70

Lapuran Tahunan PKPIM 1970/71

Lapuran Tahunan PKPIM 1971/72

Laporan Tahunan PKPIM 1972/73

Laporan Tahunan PKPIM 1973/74

Laporan Tahunan PKPIM 1974/76

Laporan Tahunan PKPIM 1976/77

Laporan Tahunan PKPIM 1977/78

Laporan Tahunan PKPIM 1978/79

Perlembagaan PKPIM (Asal)

Perlembagaan PKPIM (Pindaan)

Perlembagaan PAS

Perlembagaan GPMS

Cenderamata Latihan Perkaderan Wanita Islam PKPIM ke 10 (September 1977)

Cenderamata Latihan Angkatan Pendakwah Pelajar Islam Malaysia (26 September '76)

Cenderamata Latihan Pimpinan Kebangsaan Ketiga PKPIM (8 April 1970)

Cenderamata Persidangan Agong PEMIAT ke 3 (6 April 1973)

Cenderamata Latihan Pendakwah Pelajar Islam Malaysia ke 6 (9 April 1973)

Cenderamata Persidangan Agong PKPIM ke 9 ( Julai 1972 )

Cenderamata Kongres Universiti Islam (3 Ogos 1971)

Cenderamata Penubuhan ABIM (3 Ogos 1971)

Cenderamata Gerakan Kempen Kesedaran Ke 9 (15 Mei 1977)

Cenderamata Persidangan Agong PKPIM Ke 12 (5 Ogos 1973)

Cenderamata Latihan Dedikasi dan Kepimpinan Ke 4 (28 November 1978)

Laporan Khidmat Masyarakat PKPIM-MBM (1 Mei 1979)

Laporan Gerakan Kempen Kesedaran 1972/73

The 4th General Conference of International Federation of Student Organization (Istanbul) July 1977.

Buku Bimbingan Pelajaran Untuk Ke Pusat Pengajian Tinggi PKPIM 1969/70